



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

BAJET
2022



TINJAUAN EKONOMI 2022

Tinjauan Ekonomi 2022

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Ketua Ekonomi,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks : 03-88823881
e-mel : bfe@mof.gov.my

Tinjauan Ekonomi diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Bajet Tahunan.


Edisi 2022 diterbitkan pada 29 Oktober 2021.

Naskhah jualan boleh diperoleh daripada:
www.pnmb2u.com dan MPH Book Store.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.mof.gov.my



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2021
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



KATA PENGANTAR



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

Virus COVID-19 yang mula menular sejak Mac 2020 terus menggugat kehidupan dan mata pencarian berikutan gelombang jangkitan baharu di seluruh dunia lantas memaksa pelaksanaan semula langkah pembendungan bagi mengekang penularan wabak tersebut. Malaysia juga tidak terkecuali. Kerajaan terpaksa mengisytiharkan perintah darurat sementara diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh di seluruh negara pada pertengahan tahun ini. Langkah tersebut bertujuan melindungi nyawa rakyat dan meredakan tekanan ke atas sistem kesihatan awam negara. Pelbagai langkah kawalan yang dikuatkuasakan seperti sekatan perjalanan domestik dan antarabangsa serta larangan beroperasi bagi industri perkhidmatan berasaskan aktiviti bersemuka menyaksikan hampir kesemua sektor ekonomi terjejas. Oleh yang demikian, unjuran pertumbuhan KDNK bagi 2021 telah disemak semula antara 3% hingga 4%.

Bagi mengurangkan kesan negatif ini, Kerajaan telah mengambil tindakan segera dengan melaksanakan pemberian bantuan dan pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion sejak penularan pandemik COVID-19 dengan RM225 bilion diperuntukkan pada 2021. Dalam tempoh 19 bulan ini, pakej bantuan dan rangsangan ekonomi tersebut telah menyelamatkan 2.7 juta pekerjaan dan memanfaatkan lebih 20 juta orang dan 2.4 juta perniagaan.

Saya sangat yakin bahawa keadaan akan bertambah baik. Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang diberi fokus oleh Kerajaan telah mengurangkan tekanan secara beransur-ansur ke atas kadar kemasukan pesakit ke hospital dan unit rawatan rapi (ICU) pada September 2021. Keyakinan ini diperkukuh dengan Pelan Pemulihan Nasional (PPN) yang memperincikan strategi jelas untuk keluar daripada pandemik ini secara selamat dan bersestematik berpandukan sains dan data yang sahih. Meskipun berhadapan dengan isu bekalan vaksin pada peringkat awal, momentum PICK kemudiannya menjadi lebih pantas seterusnya mempercepat jangkaan penerimaan dos lengkap vaksin bagi populasi dewasa negara menjelang akhir Oktober. Lebih banyak sektor ekonomi dan aktiviti sosial juga telah dibenarkan beroperasi secara berperingkat apabila kes COVID-19 yang serius terus berkurangan.

Dengan nilai ambang PPN bagi setiap negeri diurus dan dipantau secara rapi, ekonomi domestik dijangka dibuka sepenuhnya pada suku keempat 2021 dan meneruskan trajektori pertumbuhan prapandemik menjelang 2022. Kerajaan komited untuk memastikan kita kembali pulih pada tahun hadapan disokong oleh Bajet 2022 yang memberi tumpuan dalam memacu pemulihan ekonomi, membangunkan semula daya tahan negara dan memangkin perubahan.

Sebagaimana kita berhasrat untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa pendek, Kerajaan juga komited bagi memenuhi agenda reformasi dan pembangunan negara yang lebih besar seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 - 2025 (RMKe-12): Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus memacu pertumbuhan negara dalam jangka masa sederhana dan panjang melalui pelaksanaan dasar seperti Dasar 4IR Negara, MyDIGITAL (termasuk pelaksanaan 5G), Perumahan Mampu Milik, Pendidikan, Perubahan Iklim dan lain-lain supaya perkongsian dalam keupayaan menjana kekayaan yang lebih saksama dan matlamat kemampanan negara dapat dicapai seperti yang diwacanakan dalam RMKe-12. Asas untuk menjadikan Malaysia lebih berjaya, inklusif dan mampan juga akan direalisasikan melalui ikrar untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050 serta melalui langkah perubahan yang digariskan dalam inisiatif Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) diterajui oleh syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan. Secara keseluruhan, Bajet 2022 akan menyokong semua dasar tersebut seterusnya memacu pertumbuhan jangka masa pendek di samping membina asas pembangunan masa hadapan dan yang lebih penting, daya tahan sosioekonomi.

Sungguhpun disokong dasar dan perancangan yang dijangka melonjakkan Malaysia ke hadapan, impak COVID-19 masih membelenggu seluruh lapisan masyarakat terutamanya bagi yang kurang berupaya menanggung beban. Pandemik ini terus memberi impak kepada rakyat secara keseluruhan khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta industri seperti pelancongan dan perkhidmatan. Memandangkan terdapat keperluan untuk mencapai kemampanan fiskal, Kerajaan menyeru sektor swasta untuk turut sama menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara agar kita dapat mengembalikan semula kehidupan dan mata pencarian seperti sedia kala secepat mungkin di samping secara beransur-ansur menerima hakikat COVID-19 sebagai endemik.


Saya amat berterima kasih khususnya kepada para petugas barisan hadapan dan sukarelawan atas segala khidmat bakti yang dicurahkan tanpa mengenal erti penat lelah dan terutamanya kepada rakyat daripada semua lapisan masyarakat atas segala kesabaran, ketabahan dan kerjasama untuk tampil ke hadapan bagi menerima vaksin demi memastikan negara kita selamat dan sejahtera. Semakin pantas normalisasi dan pertumbuhan ekonomi dipulihkan, semakin cepat negara akan kembali seperti sedia kala. Kesemua usaha tersebut jelas membuktikan kesungguhan rakyat kita untuk bersatu hati tanpa mementingkan diri bagi memastikan pemulihan Malaysia.

Perjuangan memerangi COVID-19 masih belum berakhir. Kita tidak tahu apa lagi kejutan yang akan dibawa oleh virus tersebut pada masa hadapan. Namun, apa yang kita tahu adalah dengan berdiri teguh bersama-sama, kita bukan sahaja berjaya mengharungi antara episod yang paling mencabar dihadapi negara bahkan mempamerkan maksud sebenar semangat perpaduan rakyat Malaysia.

Melangkah ke hadapan, seandainya semangat juang tinggi rakyat yang dizahirkan sepanjang 19 bulan yang lalu dan persefahaman dwipartisan baru-baru ini merupakan sesuatu yang dapat dikekalkan, saya yakin tanpa mengira bangsa, warna kulit, kepercayaan dan ideologi politik, #KeluargaMalaysia akan menempatkan negara kita yang tercinta pada kedudukan yang kukuh dalam mengharungi perjalanan untuk kembali sembuh dan pulih agar kita boleh dan mampu memenangi sebarang perjuangan terhadap COVID-19 pada tahun mendatang, *Insyaa-Allah*.



DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
Perdana Menteri Malaysia
29 Oktober 2021



PRAKATA



**MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

Memasuki tahun kedua penularan COVID-19, kehidupan rakyat masih lagi terjejas dan belum pulih seperti sediakala. Namun begitu, pengurusan program vaksin Kerajaan yang digabungkan dengan sokongan fiskal yang besar telah membantu mengawal pengangguran, memastikan perniagaan kekal bertahan serta melindungi golongan mudah terjejas sejak 19 bulan yang lalu.

Walaupun virus tersebut telah bermutasi kepada pelbagai varian, Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang berpandukan sains dan data telah menunjukkan pencapaian yang menggalakkan. Negeri-negeri kini telah beralih secara beransur kepada fasa yang membenarkan lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial dilaksanakan. Perkembangan ini sudah tentunya sangat dinantikan oleh rakyat dan perniagaan.

Sebagai Kerajaan yang responsif dan prihatin, pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk menyelamatkan nyawa dan mata pencarian rakyat, namun keseimbangan tersebut sukar dicapai semasa usaha pemulihan dalam tempoh kritikal ini. Walaupun berdepan dengan cabaran fiskal, Kerajaan telah menyediakan empat pakej rangsangan ekonomi iaitu PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH pada 2021 yang terdiri daripada langkah fiskal dan bukan fiskal berjumlah RM225 bilion atau 14.8% daripada KDNK.

Sehingga kini, kerjasama bersepadu oleh sektor awam dan swasta telah menunjukkan tanda pemulihan ekonomi yang memberangsangkan dengan peningkatan KDNK sebanyak 7.1% pada separuh pertama 2021 berbanding penguncupan 8.4% pada separuh pertama 2020. Nilai perdagangan negara bertambah baik, meningkat kepada 26% dan melebihi RM1.0 trilion pada separuh pertama 2021 dengan eksport dan import pasaran utama menunjukkan peningkatan.

Walaupun masih terdapat keperluan berterusan bagi langkah kawalan bersasar untuk mengekang penularan COVID-19, namun tinjauan ekonomi untuk separuh kedua 2021 kekal positif disokong oleh pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara beransur-ansur. Perkembangan tersebut di samping peralihan lebih banyak negeri secara berperingkat ke fasa PPN berikutnya menyumbang kepada unjuran semula pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 3% hingga 4% bagi 2021.

COVID-19 telah memberi beberapa pengajaran berharga dan mendorong kita menjadi lebih kreatif dalam memastikan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi. Pertama, kita harus berfikir secara strategik bukan hanya dalam menangani COVID-19 tetapi untuk bangkit menjadi lebih berdaya tahan pascapandemik. Walaupun pandemik ini mungkin bukan yang terakhir kita akan hadapi, namun kita harus berusaha memastikan ini adalah kali terakhir kita terpaksa membuat pilihan antara menyelamatkan nyawa atau mata pencarian rakyat di mana kapasiti kesihatan awam diuji sehingga melepasi hadnya. Dalam erti kata lain, kita hendaklah bersedia menghadapi hari esok mulai hari ini dan kita laksanakannya dengan komitmen pelaburan yang mencukupi dalam penjagaan kesihatan awam.

Kedua, di samping mencapai matlamat jangka masa pendek untuk mengelakkan kemelesetan ekonomi, kita juga perlu mengambil peluang ini untuk menangani isu struktural jangka masa sederhana dan panjang. Dengan semangat tersebut, penting bagi kita mengambil kesempatan dalam krisis ini untuk menambah baik ekosistem penyampaian perkhidmatan awam; sekuriti pekerjaan, makanan dan sosial; serta keupayaan pendidikan awam dan perindustrian.

Ketiga, walaupun penerimgunaan digital adalah lebih pantas disebabkan oleh pandemik, namun jurang pendapatan antara bandar dengan luar bandar tidak akan dapat dirapatkan tanpa ditunjangi infrastruktur digital yang sempurna di seluruh negara. Ekosistem pendigitalan negara membantu menghalang ekonomi daripada lumpuh semasa pelaksanaan pelbagai fasa sekatan pergerakan. Kini, kita mesti berusaha untuk memastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai keupayaan digital agar mendapat peluang yang sama untuk melibatkan diri dalam pembangunan negara. Inisiatif ini akan melahirkan generasi #KeluargaMalaysia yang kental untuk kekal kompetitif pada masa hadapan terutamanya melalui inisiatif MyDIGITAL.

Kita mesti menggerakkan negara ke arah ekonomi digital termasuk menerusi 5G, mengikut kesesuaian, selari dengan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) antara lain untuk menyokong norma baharu pekerjaan dan pembelajaran; pengurusan pandemik dan bencana yang lebih baik melalui data masa nyata; dan proses yang lebih kos efisien. Langkah ini juga selari dengan pembaharuan struktural jangka masa sederhana yang berterusan seperti rangka kerja Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) serta inisiatif Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) untuk menyokong perkembangan ekonomi negara yang lebih mampan, memperkukuh sosioekonomi yang inklusif dan menambah baik kelestarian alam sekitar untuk jangka masa sederhana dan panjang.

Kerajaan akan mengutamakan ekonomi dan sumber pertumbuhan baharu bagi menjamin kesejahteraan rakyat pada 2022. Dasar fiskal mengembang akan dikekalkan untuk merangsang ekonomi dengan inisiatif Bajet 2022 menumpukan kepada mempercepat pemulihan, memperkukuh daya tahan ekonomi dan memangkin pembaharuan. Langkah ini juga selari dengan tema dan teras utama Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang baru diumumkan.

Melangkah ke hadapan, meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan, Kerajaan yakin bahawa ekonomi negara dapat bertahan daripada sebarang cabaran yang mendatang kerana mempunyai asas yang kukuh. Pertumbuhan KDNK diunjurkan berkembang antara 5.5% hingga 6.5% pada 2022 berikutan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara lebih menyeluruh serta peningkatan permintaan luar dari rakan dagang utama. Pemacu pertumbuhan lain termasuk harga komoditi yang lebih tinggi, persekitaran pasaran buruh yang bertambah baik, peralihan pantas kepada pendigitalan serta pelaksanaan projek infrastruktur dengan kesan pengganda yang tinggi.

Dengan hampir semua penduduk dewasa negara disasarkan lengkap divaksin menjelang penghujung Oktober, akhirnya kita dapat melihat sinar di sebalik pandemik COVID-19. Kepada seluruh rakyat Malaysia, ucapan terima kasih yang tidak terhingga dari saya atas sokongan anda dalam memerangi musuh yang tidak dapat dilihat ini. Namun, kita tidak seharusnya berasa selesa dengan kejayaan yang dikecapi kerana perjalanan kita baru sahaja bermula. Kita mesti terus bersama-sama membina semula keamanan dan kedamaian negara tercinta. Kesihatan, kesejahteraan dan kemakmuran #KeluargaMalaysia berada di dalam genggaman kita dan kita pasti akan menang bersama, *Insyallah*.





SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL AZIZ

Menteri Kewangan

29 Oktober 2021

EKONOMI NEGARA 2022
pada harga malar 2015
(bahagian kepada jumlah dalam %)



¹Termasuk perubahan dalam stok
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

	2020		2021		2022	
	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK
Hutang Kerajaan Persekutuan⁶	879,560	62.1	958,388	63.3	-	-
Hutang dalam negeri	851,284	60.1	924,784	61.1	-	-
Bil perbendaharaan	15,500	1.1	34,000	2.3	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	375,266	26.5	391,266	25.8	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	436,418	30.8	475,418	31.4	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan	24,100	1.7	24,100	1.6	-	-
Pinjaman luar pesisir	28,276	2.0	33,604	2.2	-	-
Pinjaman pasaran	23,055	1.6	28,703	1.9	-	-
Pinjaman projek	5,221	0.4	4,901	0.3	-	-
	2020¹⁰		2021¹¹		2022¹²	
IMBANGAN PEMBAYARAN (BERSIH)	RM juta		RM juta		RM juta	
Imbangan akaun semasa	60,007		56,656		55,578	
Barangan	138,709		170,391		178,927	
Perkhidmatan	-47,448		-61,011		-57,648	
Pendapatan primer	-28,584		-40,003		-54,370	
Pendapatan sekunder	-2,670		-12,722		-11,331	
Imbangan akaun modal dan kewangan	-76,583		-		-	
Kesilapan dan ketinggalan bersih	-2,721		-		-	
Imbangan keseluruhan	-19,297		-		-	
PERDAGANGAN LUAR NEGERI	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Eksport kasar	983,827	-1.1	1,152,140	17.1	1,169,422	1.5
<i>antaranya:</i>						
Pembuatan	849,498	1.1	1,000,909	17.8	1,016,307	1.5
Pertanian	71,724	8.7	85,125	18.7	86,138	1.2
Perlombongan	58,414	-28.3	60,834	4.1	61,659	1.4
Import kasar	800,481	-5.8	932,447	16.5	948,299	1.7
<i>antaranya:</i>						
Barangan pengantara	429,190	-8.1	510,686	19.0	516,752	1.2
Barangan modal	90,733	-9.4	99,932	10.1	102,382	2.5
Barangan penggunaan	74,134	-0.03	84,482	14.0	86,228	2.1
Jumlah dagangan	1,784,308	-3.3	2,084,587	16.8	2,117,721	1.6
Imbangan dagangan	183,345	25.9	219,693	19.8	221,123	0.7
HARGA	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)
Indeks Harga Pengguna (2010 = 100)	120.1	-1.2	-	2.4	-	2.1
Indeks Harga Pengeluar: Pengeluaran Tempatan (2010 = 100)	102.4	-2.7	110.7 ¹⁵	8.2 ¹⁵	-	-
BURUH	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)
Tenaga buruh	15,667.67	0.6	15,847.9	1.2	16,117.3	1.7
Pengangguran ⁷	711.0	(4.5)	731.2	(4.6 - 4.8)	648.7	(4.0)

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

PASARAN KEWANGAN DAN MODAL	2020 Akhir Ogos		2021 Akhir Ogos	
	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Bekalan wang				
M1	502,304	17.8	551,831	9.9
M2	2,026,995	6.9	2,098,884	3.5
M3	2,031,377	6.4	2,104,910	3.6
Sistem perbankan (termasuk bank Islam)				
Dana ⁸	2,074,029	4.4	2,146,027	3.5
Pinjaman	1,704,889	3.6	1,736,647	1.9
Nisbah pinjaman kepada dana (%)	82.2		80.9	
Kadar faedah (kadar purata, %)	Ogos		Ogos	
Antara bank 3 bulan	1.96		1.90	
Bank perdagangan				
Deposit tetap: 3-bulan	1.62		1.55	
12-bulan	1.78		1.70	
Deposit tabungan	0.48		0.58	
Kadar asas (BR) purata berwajaran	2.43		2.43	
Kadar pinjaman asas (BLR)	5.49		5.49	
Bil Perbendaharaan (3-bulan)	-		-	
Sekuriti Kerajaan Malaysia ⁹				
1-tahun	1.70		1.78	
5-tahun	2.11		2.68	
Pergerakan ringgit	Akhir September		Akhir September	
	RM bagi seunit	perubahan¹⁶ (%)	RM bagi seunit	perubahan¹⁶ (%)
Hak Pengeluaran Khas (SDR)	5.8522	-2.4	5.9199	-1.1
Dolar AS	4.1585	0.7	4.1880	-0.7
Euro	4.8775	-6.1	4.8598	0.4
100 yen Jepun	3.9378	-1.5	3.7423	5.2
Bursa Malaysia				
FBM KLCI	1,504.82		1,537.80	
Nilai permodalan pasaran (RM bilion)	1,638.72		1,802.13	

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

² Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

³ Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

⁴ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi

⁵ Data positif menunjukkan penggunaan aset; negatif menunjukkan pertambahan aset

⁶ Pada 2021, data adalah sehingga akhir September 2021

⁷ Angka dalam kurungan menunjukkan kadar pengangguran

⁸ Dana terdiri daripada deposit (tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia) dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur)

⁹ Hasil indikatif pasaran

¹⁰ Awalan

¹¹ Anggaran

¹² Unjuran

¹³ Anggaran disemak

¹⁴ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2022

¹⁵ Januari hingga Ogos 2021

¹⁶ Kadar tahunan penambahan nilai (+) atau penyusutan nilai (-) bagi ringgit

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	iii
PRAKATA	vi
AKRONIM DAN SINGKATAN	xix
BAB 1	PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI
Menguruskan Dwi-Krisis: Kesihatan dan Ekonomi	3
Rencana 1.1 – Impak Pandemik COVID-19 ke atas Isi Rumah dan Perusahaan Mikro dan Kecil	6
Rencana 1.2 – Memetakan Perbelanjaan Pembangunan kepada Matlamat Pembangunan Mampan	13
Rencana 1.3 – Pembiayaan bagi Pembangunan Mampan	16
Tinjauan	19
Isu dan Cabaran	20
Rencana 1.4 – Masa Hadapan Pekerjaan Pascapandemik COVID-19	22
Rencana 1.5 – Iktibar daripada Pandemik COVID-19	29
Rencana 1.6 – Pendekatan Baharu dalam Mengukur dan Meningkatkan Produktiviti Sektor Awam di Malaysia	36
Inisiatif Strategik - Bajet 2022	41
Kesimpulan	43
Rujukan	44
BAB 2	TINJAUAN MAKROEKONOMI
Perspektif Keseluruhan	49
Ekonomi 2021	50
Ekonomi Global	50
Rencana 2.1 – ASEAN <i>Catalytic Green Finance Facility</i>	51
Ekonomi Domestik	54
Rencana 2.2 – Ekonomi Digital: Transformasi ke arah Negara Berdaya Tahan	57

Tinjauan 2022	82
Tinjauan Global	82
Rencana 2.3 – Jaringan Keselamatan Kewangan Serantau: <i>The Chiang Mai Initiative Multilateralisation</i>	83
Tinjauan Domestik	86
Rencana 2.4 – Memperkasa Sekuriti Makanan Melalui Kemampuan Sektor Pertanian	88
Rencana 2.5 – Menggalakkan Pelaburan Berkualiti bagi Mencapai Pembangunan Mampan	94
Kesimpulan	103
Rujukan	104

BAB 3 PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Perspektif Keseluruhan	111
Perkembangan Monetari	111
Prestasi Ringgit	112
Prestasi Sektor Perbankan	113
Rencana 3.1 – Amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus: Ke Arah Meningkatkan Daya Tahan Korporat di Malaysia	116
Prestasi Pasaran Modal	122
Sisipan 3.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal	127
Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam	128
Kesimpulan	130
Rujukan	131

JADUAL PERANGKAAN 135

ORGANISASI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA 185

RAJAH

Ekonomi Negara 2022

Rajah 2.1.	Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar, Perdagangan dan Inflasi Global	50
Rajah 2.2.	Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan	56
Rajah 2.3.	Pengeluaran Sektor Pembuatan	66
Rajah 2.4.	Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman	69
Rajah 2.5.	Indeks Harga Rumah	69
Rajah 2.6.	Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman	69
Rajah 2.7.	Jurang Tabungan-Pelaburan	71
Rajah 2.8.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan	72
Rajah 2.9.	Rakan Dagang 10 Teratas	75
Rajah 2.10.	Rizab Antarabangsa	78
Rajah 2.11.	Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar	80
Rajah 3.1.	Agregat Monetari	112
Rajah 3.2.	Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih	113
Rajah 3.3.	Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	113
Rajah 3.4.	Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia	124
Rajah 3.5.	Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia Terkumpul	124
Rajah 3.6.	Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun	124
Rajah 3.7.	Prestasi Bursa Malaysia	126
Rajah 3.8.	Prestasi Pasaran Saham Terpilih	126
Rajah 3.9.	Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara	129

JADUAL

Jadual 1.1.	Pakej Bantuan dan Rangsangan Ekonomi semasa Pandemik COVID-19	4
Jadual 2.1.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor	54
Jadual 2.2.	Prestasi Sektor Perkhidmatan	55
Jadual 2.3.	Indeks Pengeluaran Pembuatan	67
Jadual 2.4.	Nilai Ditambah Sektor Pertanian	68
Jadual 2.5.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat	70
Jadual 2.6.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan	72
Jadual 2.7.	Perdagangan Luar Negeri	74
Jadual 2.8.	Eksport Kasar	74
Jadual 2.9.	Eksport Barangan Pembuatan	75
Jadual 2.10.	Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir	76
Jadual 2.11.	Akaun Semasa Imbangan Pembayaran	77
Jadual 2.12.	Indeks Harga Pengguna	79
Jadual 2.13.	Indeks Harga Pengeluar	79
Jadual 2.14.	Penunjuk Pasaran Buruh	81
Jadual 2.15.	Penduduk Bekerja mengikut Sektor	82
Jadual 3.1.	Faktor Penentu M3	112
Jadual 3.2.	Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman	115
Jadual 3.3.	Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor	115

Jadual 3.4. Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal	123
Jadual 3.5. Bon Korporat Baharu mengikut Sektor	123
Jadual 3.6. Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih	125
Jadual 3.7. Perbankan Islam: Penunjuk Utama	128

AKRONIM DAN SINGKATAN

#MyMudah	MalaysiaMudah	CBAM	Carbon Border Adjustment Mechanism
3D	kotor, bahaya dan sukar	CCPT	Perubahan Iklim dan Prinsip berasaskan Taksonomi
4IR	Revolusi Perindustrian Keempat	CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
5G	rangkaian selular generasi kelima	CKHT	Cukai Keuntungan Harta Tanah
ACGF	ASEAN Catalytic Green Finance Facility	CMI	Inisiatif Chiang Mai
ADB	Bank Pembangunan Asia	CMIM	Chiang Mai Initiative Multilateralisation
AFC	Krisis Kewangan Asia	CMIM-PL	CMIM Precautionary Line
AI	kecerdasan buatan	CMIM-SF	CMIM Stability Facility
AIF	Dana Infrastruktur ASEAN	CMP3	Pelan Induk Pasaran Modal Ketiga
AMRO	ASEAN+3 Macroeconomic Research Office	COVID-19	pandemik Coronavirus 2019
AMS	Negara Anggota ASEAN	CPO	minyak sawit mentah
AS	Amerika Syarikat	DAN	Dasar Agromakanan Nasional
ASEAN	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara	DAN 2.0	Dasar Agromakanan Nasional 2.0
ASEAN+3	ASEAN Campur Tiga	DDI	pelaburan langsung domestik
ASEAN-5	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara – 5	DE	perbelanjaan pembangunan
B40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah	DFI	Institusi Kewangan Pembangunan
BCH	Bitcoin Cash	DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
BDR	bekerja dari rumah	DSR	nisbah servis hutang
BFSN	Jaringan Keselamatan Kewangan Dua Hala	E&E	elektrik dan elektronik
BKC	Bantuan Khas COVID-19	ECF	pendanaan ramai berasaskan ekuiti
BNM	Bank Negara Malaysia	e-dagang	perdagangan elektronik
BNPL	buy now, pay later	EDI	Enabling Digitalisation Index
BOD5	Keperluan Oksigen Biokimia	EDSA	Epifanio de los Santos Avenue
BOP	imbangan pembayaran	EMDE	negara yang berkembang pesat dan negara membangun
BPN	Bantuan Prihatin Nasional		
BPR	Bantuan Prihatin Rakyat		

AKRONIM DAN SINGKATAN

ePOS	Titik Jualan Elektronik	GIIW	Green and Inclusive Infrastructure Window
eRights	hak secara elektronik	GLOW	Global Online Workforce
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus	GVATI	Nilai Tambah Kasar Industri Pelancongan
ETS	Skim Perdagangan Pelepasan	HDC	Halal Development Corporation Berhad
EU	Kesatuan Eropah	HMA	Hong Kong Monetary Authority
F4GBM	FTSE4Good Bursa Malaysia	HOC	Kempen Pemilikan Rumah
F4GBMS	Indeks Syariah FTSE4Good Bursa Malaysia	HRDF	Dana Pembangunan Sumber Manusia
FAO	Food and Agriculture Organisation of the United Nations	IBS	Sistem Pembinaan Berindustri
FBM KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia	ICCO	Pejabat Penyelarasan dan Kerjasama Insentif
FBM70	Indeks Pertengahan 70 FTSE Bursa Malaysia	ICM	Pasaran Modal Islam
FBMSCAP	Indeks Bermodal Kecil FTSE Bursa Malaysia	ICT	teknologi maklumat dan komunikasi
FDI	pelaburan langsung asing	IDLP	IMF-delinked portion
Fed	Rizab Persekutuan AS	IHP	Indeks Harga Pengguna
FFB	buah tandan segar	IHPR	Indeks Harga Pengeluar
FIKRA	Islamic Fintech Accelerator	ILMIA	Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh
FinTech	teknologi kewangan	ILP	IMF linked portion
FPKO	Kontrak Niaga Hadapan Minyak Isirong Sawit Mentah	IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
G2B	Kerajaan kepada Perniagaan	IndSF	Kerangka Kemahiran Industri
G2C	Kerajaan kepada Rakyat	INFF	Integrated National Financing Framework
G2E	Kerajaan kepada Pekerja	IoT	internet benda
G2G	Kerajaan kepada Kerajaan	IPO	Tawaran Awam Awal
GAIN	Program Pemecut Global	IPR	hak harta intelek
GFSI	Global Food Security Index	IPU	Indeks Pencemaran Udara
GFSN	Jaringan Keselamatan Kewangan Global	JC3	Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim
GGP	Perolehan Hijau Kerajaan	JENDELA	Jalinan Digital Negara
GHG	Gas Rumah Kaca		

KASA	Kementerian Alam Sekitar dan Air	MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar	MRT2	Transit Aliran Massa Laluan 2
KeTSA	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	MRT3	Transit Aliran Massa Laluan 3
KeTTHA	Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air	MyCIF	Malaysia Co-investment Fund
KITA PRIHATIN	Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN	MyDIGITAL	Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia
KJA	kementerian, jabatan dan agensi	MyROL	My Rubber Online
KVDT 2	Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 2	NDCs	Nationally Determined Contributions
KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	NFSN	Jaringan Keselamatan Kewangan Nasional
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	NGO	badan bukan kerajaan
LAKSANA	Agensi Pelaksanaan Ekonomi dan Koordinasi Strategik Nasional	NH3-N	Ammonia Nitrogen
LKK	lebih kendalian kasar	NIA	Aspirasi Pelaburan Nasional
LNG	gas asli cecair	NRE	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
LRT3	Transit Aliran Ringan Laluan 3	OPEC+	Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum dan sekutunya
M&E	bahan kimia, mesin & peralatan	OPR	Kadar Dasar Semalaman
M1	10 persentil terendah M40	OSC	Pusat Sehenti
M40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan	P2P	antara rakan setara
MARRIS	Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia	PACU	Unit Penyelarasan dan Kemajuan Projek
MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia	PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
MFSN	Jaringan Keselamatan Kewangan Pelbagai Hala	PEMERKASA	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi
MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	PEMERKASA+	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia	PEMULIH	Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi
MHTC	Malaysia Healthcare Travel Council	PENJANA	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara
		PERKUKUH	Perkukuh Pelaburan Rakyat
		PERMAI	Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia

AKRONIM DAN SINGKATAN

PICK	Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan	RFSN	Jaringan Keselamatan Kewangan Serantau
PIKAS	Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta	RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan	RMKe-6	Rancangan Malaysia Keenam, 1991 – 1995
PKP 2.0	Perintah Kawalan Pergerakan 2.0	RMO-DAX	Pengendali Pasaran Yang Diiktiraf – Pertukaran Aset Digital
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat	RTS	Sistem Transit Rapid Johor-Singapura
PKPP	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan	SAARC	South ASEAN Association for Regional Cooperation
PKS	perusahaan kecil dan sederhana	SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
PMK	perusahaan mikro dan kecil	SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana	SDG2	Kebuluran Sifar
PMTK	pembentukan modal tetap kasar	SDG4	Pendidikan Berkualiti
PNK	pendapatan negara kasar	SDG5	Kesaksamaan Gender
pp	pampasan pekerja	SDG6	Air Bersih dan Sanitasi
PPE	peralatan perlindungan diri	SDG7	Tenaga Mampu Bayar dan Bersih
PPN	Pelan Pemulihan Negara	SDG8	Pekerjaan Baik dan Pertumbuhan Ekonomi
PPV	Pusat Pemberian Vaksin	SDG9	Industri, Inovasi dan Infrastruktur
PRI	Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab	SDG11	Bandar dan Komuniti Mampan
PRIHATIN	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat	SDG12	Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab
PRIHATIN PKS+	PRIHATIN Tambahan kepada perusahaan kecil dan sederhana	SDG13	Tindakan Iklim
PRS	Skim Persaraan Swasta	SDG14	Kehidupan di Bawah Air
PTF	Pembiayaan Pelancongan PENJANA	SDG16	Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Teguh
R&D	penyelidikan dan pembangunan	SDG17	Kerjasama Demi Matlamat
R&D&D	penyelidikan, pembangunan dan reka bentuk	SEA	Asia Tenggara
REITs	Amanah Pelaburan Hartanah	SFA	Agensi Makanan Singapura
		SIP	Skim Insurans Pekerjaan

SJPD	Skim Jaminan PRIHATIN Danajamin	UNCDF	Dana Pembangunan Modal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
SJPP	Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan	UNCTAD	United Nations Conference on Trade and Development
SME Corp. Malaysia	SME Corporation Malaysia	UNDP	United Nations Development Programme
SOP	prosedur operasi standard	UNFCCC	Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim
SRF	pakej pembiayaan khas	UNWTO	Organisasi Pelancongan Dunia
SRI	Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab	US SIF	Forum for Sustainable and Responsible Investment
SRR	Keperluan Rizab Berkanun	USD	Dolar Amerika Syarikat
SSA	Syarikat Senaraian Awam	VBI	Pengantaraan berasaskan Nilai
SSR	kadar sara diri	VBIAF	Rangka Kerja Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan berasaskan Nilai
T20	kumpulan isi rumah berpendapatan 20% teratas	WDR	World Development Report
TNK	tabungan negara kasar	WGI	Worldwide Governance Indicator
TRP	Pelan Pemulihan Pelancongan	WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
TRRF	Bantuan dan Pemulihan Bersasar	WKB 2030	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional		
UK	United Kingdom		

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

03 MENGURUSKAN DWI-KRISIS: KESIHATAN DAN EKONOMI

Rencana 1.1 – Impak Pandemik COVID-19 ke atas Isi Rumah dan Perusahaan Mikro dan Kecil

Rencana 1.2 – Memetakan Perbelanjaan Pembangunan kepada Matlamat Pembangunan Mampan

Rencana 1.3 – Pembiayaan bagi Pembangunan Mampan

19 TINJAUAN

20 ISU DAN CABARAN

Rencana 1.4 – Masa Hadapan Pekerjaan Pascapandemik COVID-19

Rencana 1.5 – Iktibar daripada Pandemik COVID-19

Rencana 1.6 – Pendekatan Baharu dalam Mengukur dan Meningkatkan Produktiviti Sektor Awam di Malaysia

41 INISIATIF STRATEGIK - BAJET 2022

43 KESIMPULAN

44 RUJUKAN

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Menguruskan Dwi-krisis: Kesihatan dan Ekonomi

Negara di seluruh dunia berdepan cabaran daripada pelbagai aspek terutamanya dalam pengurusan kesihatan awam dan ekonomi bagi memerangi antara krisis terburuk dalam sejarah manusia. Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan 4.9 juta kematian di seluruh dunia dan penguncupan pertumbuhan ekonomi global sebanyak 3.2% pada 2020. International Labour Organization (2021) menganggarkan bahawa pandemik COVID-19 telah mengakibatkan kehilangan 8.8% jam bekerja global yang bersamaan dengan 255 juta pekerjaan sepenuh masa pada 2020. Walaupun 2021 dijangka menjadi tahun pemulihan dengan pemberian vaksin dilaksanakan dengan pantas, namun semua negara masih bergelut memerangi pandemik yang menjadi penghalang kepada proses pemulihan. Beberapa industri terutamanya aktiviti berkaitan pelancongan yang memerlukan kehadiran fizikal termasuk hotel, pengangkutan, rekreasi dan restoran terus terkesan sehingga menjejaskan sumbangan industri tersebut kepada ekonomi.

Pandemik ini telah merencatkan aspirasi Malaysia untuk mencapai pembangunan ekonomi yang lebih pesat. Memandangkan 2021 merupakan tahun asas bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), keberkesanan pelaksanaan pelbagai program dan projek amat penting dalam membantu negara mencapai matlamat pembangunan. Walaupun perancangan bagi jangka masa sederhana dan panjang masih diteruskan, namun pandemik ini telah menjejaskan kemajuan dan mengakibatkan trajektori pertumbuhan tersasar daripada landasan. Sehubungan itu, Kerajaan bertekad menyediakan bantuan yang diperlukan kepada rakyat dan perniagaan serta memacu ekonomi kembali ke trajektori pertumbuhan. Keselamatan rakyat menjadi keutamaan Kerajaan melalui pelaksanaan pelbagai langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara. Namun demikian, pelaksanaan PKP tersebut telah menjejaskan kehidupan rakyat, mengehadkan aktiviti perniagaan dan memberi kesan kepada ekonomi. Justeru, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan sejak penularan pandemik bermula pada Mac 2020 bagi meringankan beban rakyat dan membantu perniagaan melalui lapan pakej rangsangan dan bantuan ekonomi berjumlah RM530 bilion.

JADUAL 1.1. Pakej Bantuan dan Rangsangan Ekonomi semasa Pandemik COVID-19

	OBJEKTIF	PAKEJ BANTUAN DAN RANGSANGAN EKONOMI	JUMLAH (RM BILION)
	RAKYAT		
1.	Membantu kesejahteraan rakyat	Bantuan Prihatin Nasional: PRIHATIN & KITA PRIHATIN	18.30
		Akses Internet bagi Pendidikan dan Produktiviti: PENJANA & PEMULIH	3.50
		Program Peningkatan Kemahiran dan Latihan Semula: PENJANA	2.00
		Bantuan Prihatin Rakyat: PERMAI & PEMERKASA	4.50
		Kenaikan bantuan Kebajikan Masyarakat: PERMAI	2.20
2.	Membantu aliran tunai rakyat	Moratorium: PRIHATIN, PEMERKASA & PEMULIH	95.00
		i-Lestari: PRIHATIN	40.00
		Penurunan kadar caruman KWSP: PRIHATIN & PERMAI	19.20
		Bantuan Khas Penjawat Awam: PRIHATIN	1.90
		i-Citra: PEMULIH	30.00
		Bantuan Khas COVID-19 (BKC) dan Kehilangan Pekerjaan: PEMULIH	5.10
		Diskaun bil elektrik pada kadar 2% – 50%: PRIHATIN	1.35
		Harga siling minyak masak 5kg pada RM30: PEMULIH	1.00
		Program ePENJANA dan eBELIA: PENJANA & PERMAI	0.80
		Bantuan lain di bawah semua pakej termasuk Skim Persaraan Swasta (PRS), elaun barisan hadapan, bantuan pelajar IPT, bantuan OKU, ibu tunggal dan bakul makanan.	9.90
	Jumlah		234.75
	PERNIAGAAN		
3.	Membantu aliran tunai perniagaan	Subsidi Upah dan Insentif Pekerjaan: PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, PENJANA, KITA PRIHATIN, PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ & PEMULIH	24.90
		Pakej pembiayaan khas (SRF) dan Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF): Semua pakej	16.00
		Moratorium Pinjaman (Biz): PRIHATIN, PEMULIH	115.00
		Program Bantuan Majikan KWSP: PRIHATIN	10.00
		SME GO: PENJANA	1.60
		Diskaun bil elektrik sehingga 15%: PRIHATIN, PEMERKASA & PEMULIH	2.00
4.	Memberi sokongan kepada perniagaan terutamanya PKS dan PMKS	Pembiayaan Mikro: PRIHATIN, PEMERKASA, & PEMULIH	4.26

	OBJEKTIF	PAKEJ BANTUAN DAN RANGSANGAN EKONOMI	JUMLAH (RM BILION)
5.	Memberi sokongan kepada perniagaan	Geran Khas Prihatin: PRIHATIN PKS+, KITA PRIHATIN, PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ & PEMULIH DanaJamin: PRIHATIN Kemudahan semua sektor ekonomi: PRIHATIN MyCIF: PRIHATIN Bantuan Tekanan Kewangan bagi Perniagaan PKS: PENJANA Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF): PENJANA Dana Automasi dan Digitalisasi: PENJANA & PEMERKASA Skim Jaminan Pembiayaan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) dan Skim Jaminan PRIHATIN Danajamin (SJPD): PRIHATIN & PEMULIH Dana bagi PKS: PEMULIH Pakej lain: Pelepasan cukai bagi perbelanjaan berkaitan COVID-19, Dana pembiayaan usahawan bumiputera, menggalakkan penubuhan perniagaan baharu, kempen e-dagang bagi mikro dan PKS dan lain-lain.	6.08 50.00 1.00 0.50 2.00 1.00 1.00 30.00 1.40 6.56
Jumlah			273.30
	Ekonomi		
6.	Memberi nafas baharu kepada perniagaan dan ekonomi	Projek berskala kecil: PRIHATIN & PEMERKASA Lain-lain (termasuk mengembangkan MARRIS): PRIHATIN Insentif Cukai bagi pembelian hartanah: PENJANA Dana PENJANA Nasional: PENJANA	6.00 1.10 1.04 1.20
7.	Mengatasi impak COVID-19 dan meningkatkan pelaksanaan pelbagai langkah, subsidi dan insentif sedia ada	Perbelanjaan berkaitan COVID-19: PRIHATIN, PERMAI & PEMERKASA+ Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK): PERMAI, PEMERKASA & PEMULIH Lain-lain (Program Vaksinasi Bergerak, Program MyMedic): PEMULIH & PERMAI Dana Jaminan Makanan: PRIHATIN	3.50 5.80 0.04 1.00
8.	Membantu aliran tunai	Insentif cukai bagi kereta penumpang: PENJANA Lain-lain - Bantuan sektor seni, budaya, hiburan dan sokongan sektor pameran; sokongan sektor komoditi; teknologi dan lain-lain	0.90 1.37
Jumlah			21.95
Jumlah Besar Bantuan			530.00

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Agensi Pelaksanaan Ekonomi dan Koordinasi Strategik Nasional (LAKSANA) telah ditubuhkan pada Mac 2020 untuk memantau, menilai dan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam bagi memastikan bantuan sampai kepada kumpulan sasar. Usaha tersebut termasuk melaksanakan pelbagai kajian untuk menilai keberkesanan program dan projek yang dijalankan serta mengenal pasti jurang

pelaksanaan dan langkah untuk memudahcara mekanisme penyampaian. Langkah ini selari dengan objektif Kerajaan untuk menerapkan pendekatan yang lebih bersasar dan tersusun untuk memastikan bantuan sampai kepada golongan yang paling memerlukan. Sehingga Julai 2021, sejumlah 20 juta penerima dan 2.4 juta perniagaan telah mendapat manfaat daripada program-program ini.

RENCANA 1.1

Impak Pandemik COVID-19 ke atas Isi Rumah dan Perusahaan Mikro dan Kecil

Pengenalan


Pandemik COVID-19 dan pelaksanaan pelbagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara telah memberi kesan buruk kepada rakyat dan perniagaan terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Beberapa sektor tidak dapat beroperasi seperti biasa berikutan sekatan pergerakan dan perubahan tingkah laku pengguna sehingga memberi kesan kepada pekerjaan dan daya tahan ekonomi. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyediakan sejumlah besar bantuan untuk mengurangkan beban rakyat dan perniagaan. Bantuan bernilai RM530 bilion telah disediakan melalui lapan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi sejak Mac 2020. Rencana ini bertujuan untuk menilai impak pandemik COVID-19 ke atas isi rumah dan perniagaan, kesediaan mereka menghadapi pandemik dan keberkesanan bantuan Kerajaan dalam meringankan kesukaran mereka.

Metodologi

Dua kajian telah dilaksanakan pada 2020 dan 2021 bagi menilai impak PKP terhadap pendapatan isi rumah dan perniagaan, keberkesanan bantuan Kerajaan dan cadangan penambahbaikan dalam penyampaian bantuan. Kajian pertama telah dilaksanakan dari Ogos hingga Oktober 2020 sementara kajian kedua dari Julai hingga Ogos 2021. Kajian ini membandingkan impak pandemik sepanjang dua tempoh tersebut dengan situasi prapandemik. Kajian pertama meliputi pakej bantuan dan rangsangan ekonomi seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN Perusahaan Kecil dan Sederhana Tambahan (PRIHATIN PKS+), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kerangka Inisiatif Tambahan Khas PRIHATIN (KITA PRIHATIN) manakala kajian kedua merangkumi Pakej Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) dan Program Strategik Memperkasakan Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) yang dijalankan oleh agensi penyelidikan bebas swasta.

Kajian merangkumi dua segmen responden iaitu isi rumah dan perusahaan mikro dan kecil (PMK). Kajian pertama melibatkan 5,374 responden manakala 4,915 responden mengambil bahagian dalam kajian kedua. Responden dalam kajian tersebut terdiri daripada ketua isi rumah yang bekerja (pekerja bergaji atau bekerja sendiri) dan individu tidak bekerja. Sekitar 350 responden daripada setiap negeri mengambil bahagian dalam kajian tersebut. Wajaran khusus digunakan untuk memastikan kesesuaian perwakilan berasaskan negeri dan bahagian populasi. Profil responden kajian seperti dalam Rajah 1.1.1.


RAJAH 1.1.1. Profil Isi Rumah mengikut Kumpulan Pendapatan dan Umur



¹Lain-lain merujuk kepada responden yang tidak pasti mengenai pendapatan isi rumah atau enggan mendedahkan pendapatan
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (2020 dan 2021)

Kajian pertama melibatkan 500 perusahaan berbanding 507 responden dalam kajian kedua. Responden merupakan pemilik atau pegawai kanan pengurusan PMK. Pemilihan responden berdasarkan sektor dan subsektor yang dijalankan menggunakan kriteria Garis Panduan bagi Definisi Baharu PKS 2013 (kemas kini 2016) seperti yang digariskan oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia). Kajian kedua melibatkan 329 responden (65%) yang telah mengambil bahagian dalam kajian pertama (responden yang sama) manakala 178 (35%) merupakan responden baharu. Data yang dikumpulkan adalah melalui temuduga panggilan telefon dan kajian secara dalaman menggunakan soal selidik kuantitatif. Kadar respons kajian isi rumah mencatat 31% manakala perusahaan 24%. Profil PMK yang terlibat dalam kajian ini seperti dalam Rajah 1.1.2.

RAJAH 1.1.2. Profil Perusahaan Mikro dan Kecil mengikut Sektor dan Saiz




¹Lain-lain merujuk kepada responden yang tidak pasti mengenai penglibatan bidang sektor
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (2020 dan 2021)

Hasil Kajian

Isi Rumah

Kajian mendapati pandemik telah menyebabkan ketidakstabilan pendapatan isi rumah bermula pada 2020 manakala perbelanjaan kekal pada tahap yang sama sepanjang tempoh kajian. Pendapatan responden bekerja sendiri berkurang dengan ketara kepada 51% daripada tahap prapandemik dalam kajian pertama manakala pendapatan pekerja bergaji berkurang kepada 73%. Dalam kajian kedua, pendapatan bekerja sendiri berkurang kepada 59% manakala pekerja bergaji 85% berbanding dengan tahap prapandemik seperti dalam Rajah 1.1.3. Penambahbaikan pendapatan semasa kajian kedua berbanding kajian pertama adalah berikutan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan dan peningkatan aktiviti ekonomi yang membantu mengurangkan impak PKP ke atas pekerja bergaji dan bekerja sendiri.

RAJAH 1.1.3. Tahap Pendapatan bagi Bekerja Sendiri dan Pekerja Bergaji



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (2020 dan 2021)

Kajian tersebut turut mendapati semua responden di bawah kategori isi rumah yang mudah terjejas¹ menerima bantuan Kerajaan sepanjang tempoh kajian berkenaan. Bantuan yang diterima merangkumi bantuan pendapatan iaitu Bantuan Prihatin Nasional (BPN) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) serta bantuan perbelanjaan seperti moratorium pinjaman, pengeluaran dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), diskaun bil elektrik, bantuan bakul makanan dan Jaringan Prihatin. Melalui kajian pertama, 69% responden menggunakan bantuan tunai untuk keperluan asas berbanding 74% dalam kajian kedua. Walau bagaimanapun, hanya 19% daripada responden kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) dalam kajian kedua menerima bantuan bakul makanan.²

¹ Isi rumah yang mudah terjejas ditakrifkan sebagai responden yang mempunyai perbelanjaan lebih tinggi daripada tahap pendapatan dan tahap simpanan di bawah garis kemiskinan.

² Program Bakul Makanan hanya disediakan mulai 28 Jun 2021.

Berdasarkan perbelanjaan, 42% responden dalam kajian kedua mengeluarkan simpanan KWSP berbanding hanya 25% dalam kajian pertama. Peningkatan pengeluaran ini menunjukkan isi rumah semakin bergantung kepada simpanan KWSP untuk membeli keperluan asas dan memenuhi tanggungjawab kewangan. Selain itu, kajian mendapati 70% responden B40, 50% responden kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan (M40) dan 100% responden kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi (T20) yang mengeluarkan simpanan sebanyak RM5,000 dan ke bawah menyatakan pengeluaran KWSP hanya cukup untuk membantu sehingga tiga bulan. Sehubungan itu, 91% responden telah mencadangkan pelanjutan moratorium pinjaman. Kajian tersebut turut menunjukkan responden yang tidak bekerja³ sanggup bekerja dengan gaji yang lebih rendah termasuk dalam sektor pekerjaan baharu. Kajian ini juga mendapati kebanyakan responden yang tidak bekerja tidak memohon Skim Insurans Pekerjaan (SIP) dengan pelbagai sebab termasuk kurang kesedaran dan kesukaran proses permohonan.

Perusahaan Mikro dan Kecil

Purata pendapatan bulanan PMK dalam kajian pertama berkurang sebanyak 60% berbanding tempoh prapandemik berikutan sekatan pergerakan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat. Walau bagaimanapun, kajian kedua mendapati pengurangan pendapatan yang lebih rendah iaitu 49% berbanding dengan tempoh prapandemik disokong oleh pelanjutan waktu operasi terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Namun begitu, pendapatan perusahaan mengalami peningkatan dan penurunan mengikut tahap sekatan aktiviti ekonomi dan sosial. Perbelanjaan bagi perusahaan kekal berada pada tahap yang hampir sama dengan tempoh prapandemik sama seperti perbelanjaan isi rumah.

Secara keseluruhan, analisis mendapati jumlah perusahaan yang mudah terjejas⁴ berkurang kepada 40% dalam kajian kedua berbanding 58% dalam kajian pertama didorong oleh situasi kewangan yang semakin baik berikutan waktu operasi yang lebih lama. Faktor lain yang menyumbang kepada pengurangan ini termasuk bantuan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu 75% (kajian pertama) dan 76% (kajian kedua) responden dalam kalangan perusahaan yang mudah terjejas menyifatkan bahawa bantuan tersebut telah memberi manfaat kepada perusahaan. Selanjutnya, kebanyakan responden bagi kajian tersebut bersetuju terhadap keberkesanan saluran komunikasi Kerajaan dalam menyalurkan maklumat kepada orang awam.


Meskipun mendapat maklum balas positif, kajian mendapati terdapat beberapa kekurangan dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Kajian kedua menunjukkan 40% responden tidak menyedari bantuan yang disediakan oleh Kerajaan dan institusi kewangan. Pada masa yang sama, 99% responden tidak mengetahui bantuan pembiayaan mikro seperti Skim SME Go dan Dana Pembiayaan Bumiputera berbanding bantuan seperti Geran Khas Prihatin (45.5%), moratorium pinjaman (61.5%) dan Program Subsidi Upah (77.5%).

Dalam kalangan PMK, 70% responden kajian pertama berpuas hati dengan sokongan Kerajaan berbanding hanya 30% dalam kajian kedua. Ketidakpuasan responden dalam kajian kedua terutamanya termasuk proses permohonan yang panjang dan jumlah bantuan yang terhad. Sementara itu, 77% responden dalam kajian pertama yakin bahawa bantuan Kerajaan dapat membantu perusahaan bertahan lebih daripada empat bulan. Sebaliknya, 74% responden dalam kajian kedua berpendapat perusahaan hanya mampu bertahan tiga bulan dengan bantuan Kerajaan seperti dalam Rajah 1.1.4.

³ Responden yang tidak bekerja merujuk kepada mereka yang tidak mempunyai sumber pendapatan semasa kajian tetapi mempunyai pengalaman kerja sebelum kajian dijalankan.

⁴ Perusahaan yang mudah terjejas ditakrifkan sebagai perniagaan dengan perbelanjaan melebihi pendapatan dan mempunyai baki tunai di bawah kos operasi.

RAJAH 1.1.4. Kelangsungan Perusahaan Mikro dan Kecil Sebelum dan Selepas Bantuan Kerajaan



¹Tidak pasti merujuk kepada responden yang tidak dapat menyatakan tempoh mampu bertahan sebelum dan selepas menerima bantuan Kerajaan
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (2020 dan 2021)

Berdasarkan prospek masa hadapan, 69% responden yakin ekonomi akan pulih setelah program vaksinasi nasional selesai. Cadangan utama responden merangkumi bantuan kewangan yang lebih tinggi (65%) dan memperluas peranan agensi pembiayaan mikro (48%) sebagai keutamaan Bajet 2022. Cadangan lain termasuk mewujudkan lebih banyak lokasi perniagaan (36%) dan melibatkan lebih ramai pemain industri dalam perancangan ekonomi (32%).

Melangkah Ke Hadapan

Penerimgunaan Teknologi dan Pendigitalan

Pandemik ini telah mendedahkan kepentingan penerimgunaan teknologi dan pendigitalan bagi memastikan kelangsungan hidup individu dan perusahaan era pascapandemik. Sudah tiba masanya semua pihak berkepentingan menerapkan normal baharu dalam perniagaan dan memacu momentum pemulihan yang mampan. Perusahaan perlu segera beralih dan mengoptimumkan penggunaan teknologi moden dan platform pendigitalan perniagaan untuk kekal relevan. Kerajaan akan menggalakkan peralihan ini melalui promosi agenda pendigitalan negara terutamanya dalam kalangan isi rumah B40 dan M40 dengan menyediakan platform keusahawanan atau bekerja sendiri sebagai sumber pendapatan alternatif. Tindakan segera termasuk mempunyai proses perniagaan dari awal hingga akhir yang berasaskan sistem digital dan automatik merangkumi pengurusan perolehan dan inventori, perakaunan, pemasaran digital, e-dagang dan sistem pembayaran digital.⁵ Laporan Bank Dunia dalam Malaysia's Digital Economy (2018) menyatakan penggunaan teknologi digital di Malaysia adalah meluas, namun penggunaan digital oleh perniagaan masih ketinggalan berbanding purata global. Hanya 29% perniagaan memiliki laman sesawang dengan hanya 5.2% terlibat dalam e-dagang pada 2015. Melangkah ke hadapan, Kerajaan telah menyediakan Rangka

⁵ Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (2020) menyenaraikan lima bidang utama untuk pendigitalan iaitu perolehan dan inventori, perakaunan dan cukai, pemasaran digital, e-dagang serta Titik Jualan Elektronik (ePOS) dan sistem pembayaran tanpa sentuhan.

Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) sebagai dasar yang inklusif bagi mendorong pendigitalan firma bagi semua saiz dan wilayah serta menghapuskan halangan pendigitalan.

Peningkatan Kemahiran dan Latihan Semula Guna Tenaga

Bagi menyokong kestabilan kewangan jangka masa panjang dan penjanaan pendapatan dalam kalangan individu, penilaian segera keperluan peningkatan kemahiran dan latihan semula guna tenaga akan membantu rakyat untuk kembali bekerja dengan selamat dan mengehendkan kesan pengangguran yang berpanjangan serta ketidakpadanan kemahiran. Kajian ini mendedahkan keperluan untuk guna tenaga dan perusahaan memperkukuhkan langkah peningkatan kemahiran dan latihan semula dalam mendepani norma baharu. Selari dengan strategi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12), usaha akan dipertingkatkan bagi memanfaatkan dan menggunakan teknologi dan pendigitalan dalam proses kerja. Selain itu, peningkatan kemahiran dan latihan semula bakat juga penting bagi memenuhi keperluan industri serta menyediakan akses kepada pembelajaran sepanjang hayat untuk semua segmen. Kerajaan akan terus menyediakan bantuan bersasar bagi yang bekerja sendiri melalui pelaksanaan inisiatif peningkatan kemahiran dan latihan semula selari dengan keutamaan nasional seperti ekonomi digital, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).

Sistem Perlindungan Sosial yang Komprehensif

Krisis ini telah menjejaskan rakyat dari segi keselamatan dan kesihatan serta kesejahteraan ekonomi yang menyumbang kepada pengurangan pendapatan serta peningkatan pengangguran dan kemiskinan. Pandemik ini turut mendedahkan sebahagian masyarakat tidak mempunyai perlindungan secukupnya daripada program keselamatan sosial seterusnya menekankan kepentingan sistem perlindungan sosial yang komprehensif sebagai penstabil automatik semasa krisis. Kajian ini antara lain menunjukkan kepentingan bantuan sosial dalam memastikan kesejahteraan kumpulan yang mudah terjejas. Selain itu, pangkalan data berpusat dan bersepadu diperlukan untuk membantu mengurus pelaksanaan dan penyelarasan langkah yang dirancang dengan berkesan di peringkat persekutuan dan negeri seterusnya menambah baik program perlindungan sosial dengan mengoptimumkan sumber. Pada masa yang sama, Kerajaan akan meneruskan usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran dan mengurangkan kebergantungan kepada jaringan keselamatan sosial.

Mempertingkat Penyampaian Perkhidmatan Awam

Kerajaan terus memantau dan mengkaji pelaksanaan tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang melalui platform peringkat tertinggi bagi memastikan pembaharuan dan pemulihan ekonomi diselaraskan dengan baik. Dalam jangka masa panjang, pendekatan yang diperbaharui akan menyokong belanjawan tahunan, RMKe-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) melalui pemantauan berterusan ke atas inisiatif pemulihan dan pembaharuan.

Kerajaan akan memperkukuh saluran komunikasi pada setiap peringkat untuk memastikan maklumat mengenai bantuan dan program disebarluaskan dengan berkesan. Selain itu, proses permohonan akan dipermudahkan. Perkhidmatan sokongan akan dapat diakses secara meluas oleh rakyat termasuk memenuhi keperluan golongan tertentu seperti ibu tunggal, anak yatim, orang tua dan orang kelainan upaya. Peranan dan penglibatan jentera kerajaan pada peringkat akar umbi, komuniti dan badan bukan kerajaan (NGO) akan dipertingkatkan.

Kesimpulan

Terdapat beberapa penemuan penting yang diperoleh menerusi kajian tersebut. Antaranya adalah pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP memberi kesan buruk kepada isi rumah dan perniagaan dengan sebahagian pihak lebih terkesan berbanding yang lain. Selain itu, kajian tersebut mendapati bantuan yang disediakan oleh Kerajaan telah memanfaatkan sebahagian besar penduduk. Walau bagaimanapun, kajian tersebut juga mendedahkan terdapat bantuan yang tidak sampai kepada penerima yang layak atas pelbagai sebab termasuk kurang kesedaran mengenai inisiatif Kerajaan dan kesukaran proses permohonan. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan meningkatkan keberkesanan program bantuan dengan menambah baik penyampaian perkhidmatan dan saluran komunikasi serta melaksanakan pendekatan yang bersasar dalam memastikan bantuan yang disediakan dapat memberi manfaat kepada penerima yang layak.

Selain daripada bantuan kewangan, Kerajaan juga telah mengambil langkah sewajarnya untuk mengembalikan ekonomi kepada keadaan normal. Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan empat fasa pelaksanaan diumumkan pada 15 Jun 2021 menjadi panduan kepada rakyat, perniagaan dan pelabur berkaitan garis masa dan parameter pembukaan ekonomi secara berfasa dan sistematik. Pelan ini menetapkan syarat tertentu bagi pelanggaran atau pemansuhan PKP dan prosedur operasi standard (SOP). Agenda PPN merangkumi pendekatan menyeluruh yang memerlukan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan termasuk kerajaan negeri, petugas barisan hadapan, sukarelawan, pemilik perniagaan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk meluaskan liputan vaksinasi dalam kalangan penduduk dewasa. Sehingga 13 Oktober 2021, sebanyak 90.9% penduduk dewasa telah lengkap divaksin.

Memperkukuh Agenda Kewangan Mampan

Agenda mampan terus disokong meskipun berhadapan dengan krisis pandemik yang berlarutan. Sebagai usaha untuk melonjakkan Malaysia menjadi hab kewangan mampan, Kerajaan telah berjaya melancarkan sukuk kelestarian berdaulat pertama di dunia dalam dolar AS pada April 2021. Terbitan sukuk bertempoh matang 10-tahun bernilai USD800 juta dan sukuk bertempoh matang 30-tahun bernilai USD500 juta (Sukuk Wakalah) diagihkan secara menyeluruh merangkumi Asia, Eropah, Timur Tengah dan Afrika serta AS. Lebihan langganan sebanyak 6.4 kali bagi terbitan tersebut mencerminkan keyakinan pelabur terhadap negara. Dua tranche tersebut mendapat penarafan A3 oleh Moody's Investors Services dan A- oleh S&P Global Ratings.

Permintaan yang tinggi ini juga memberikan kadar kupon terendah bagi terbitan sukuk berdenominasi dolar AS oleh Malaysia serta mencerminkan keyakinan pasaran ke atas pemulihan dan prospek pertumbuhan ekonomi

negara. Hasil terbitan Sukuk Kelestarian akan digunakan untuk membiayai projek sosial dan berkonsep hijau selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menjadi keutamaan Kerajaan mulai Belanjawan 2021.

RENCANA 1.2

Memetakan Perbelanjaan Pembangunan kepada Matlamat Pembangunan Mampan

Pengenalan

Usaha mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 adalah antara dasar utama Kerajaan. Negara perlu memahami dengan jelas landskap dan mengenal pasti jurang pembiayaan untuk mencapai SDG memandangkan 2030 hanya kurang sedekad sahaja lagi. Justeru, Kerajaan mula menyelaras pembiayaan kepada SDG dalam Belanjawan 2021. Usaha pemetaan awal ini bermula dengan analisis ke atas perbelanjaan pembangunan (DE) 2015 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) berbanding DE 2019 di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) yang telah dinamakan semula. Perbandingan DE ini dijalankan antara NRE dan KeTTHA dengan KASA dan KeTSA kerana Kementerian tersebut menjalankan fungsi dan tanggungjawab yang sama. Rencana ini meluaskan skop analisis SDG bagi DE yang telah dibelanjakan pada 2020 meliputi semua kementerian dan agensi. Analisis ini dapat mengenal pasti jurang pembiayaan bagi SDG di Malaysia.

Kaedah Pemetaan SDG bagi Program dan Projek Perbelanjaan Pembangunan


Pemetaan program dan projek DE bertujuan untuk mengenal pasti agihan DE bagi setiap SDG. Usaha ini masih dilaksanakan secara ex-post dan di peringkat percubaan merangkumi semua kementerian. Tahun asas yang dipilih ialah 2015 seiring dengan pelaksanaan Agenda 2030 manakala 2020 dipilih untuk mencerminkan perbelanjaan terkini yang diaudit.

Setiap program dan projek di bawah DE dipetakan kepada setiap SDG. Walau bagaimanapun, perbelanjaan tersebut akan diagihkan sama rata bagi setiap SDG sekiranya program atau projek melibatkan lebih dari satu SDG. Sebagai contoh, jika program atau projek menyumbang untuk pencapaian dua SDG maka jumlah peruntukan antara SDG akan diagihkan secara sama rata.

Hasil Kajian

Pada 2020, jumlah DE bagi semua Kementerian dan agensi berjumlah RM51.4 bilion berbanding RM40.8 bilion pada 2015 iaitu peningkatan purata tahunan sebanyak 4.7%. DE bagi 2015 dan 2020 mengikut SDG seperti dalam Rajah 1.2.1.

RAJAH 1.2.1. Perbelanjaan Pembangunan mengikut Matlamat Pembangunan Mampan, 2015 dan 2020



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Agihan DE lebih bertumpu kepada beberapa SDG bagi tahun tersebut dan lima SDG yang sama telah menerima peruntukan tertinggi melebihi 70% daripada jumlah DE. Tumpuan terus diberikan ke atas program atau projek berkaitan SDG9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur) diikuti oleh SDG8 (Pekerjaan Baik dan Pertumbuhan Ekonomi), SDG11 (Bandar dan Komuniti Mampan), SDG4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG16 (Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Teguh).

JADUAL 1.2.1. Perbelanjaan Pembangunan bagi 5 Matlamat Pembangunan Mampan Teratas, 2015 dan 2020

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN		RM BILION		BAHAGIAN KEPADA KESELURUHAN DE (%)		PERTUMBUHAN PURATA TAHUNAN (%)
		2015	2020	2015	2020	
1	SDG9	8.6	12.6	21.1	24.6	7.9
2	SDG8	6.3	8.5	15.4	16.6	6.2
3	SDG11	6.0	7.6	14.7	14.8	4.8
4	SDG4	4.8	6.2	11.8	12.0	5.3
5	SDG16	4.6	5.8	11.3	11.3	4.8
Jumlah		30.3	40.7	74.3	79.3	6.1
Keseluruhan DE		40.8	51.4	4.7

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Walaupun lima SDG teratas bagi tahun tersebut adalah sama, namun jumlah DE yang dibelanjakan bagi setiap SDG meningkat dengan ketara pada 2020. Sebagai contoh, SDG9 menerima agihan tertinggi pada 2020 berjumlah RM12.6 bilion berbanding RM8.6 bilion pada 2015 iaitu meningkat sebanyak 7.9%. Dalam tempoh yang sama, agihan DE bagi SDG8, SDG11, SDG4 dan SDG16 meningkat secara purata antara 4% hingga 6%. Secara keseluruhannya, DE untuk lima SDG ini berjumlah RM40.7 bilion atau 79.3% daripada jumlah DE pada 2020. Sebagai perbandingan, lima SDG ini menerima RM30.3 bilion atau 74.3% daripada jumlah DE pada 2015.

Fokus DE pada lima SDG teratas menunjukkan peranan Kerajaan sebagai pemudah cara dan pemboleh daya pertumbuhan dalam pembiayaan program dan projek berkaitan infrastruktur, R&D dan pendidikan untuk menjana ekonomi dan mewujudkan pekerjaan. Selain itu, urbanisasi negara yang semakin pesat memerlukan DE untuk persekitaran tempat tinggal yang kondusif di bandar diberikan keutamaan. Pada masa yang sama, perbelanjaan DE yang tinggi juga direkodkan dalam usaha memastikan negara kekal aman.

Walaupun bagaimanapun, SDG5 (Kesaksamaan Gender), SDG12 (Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab), SDG13 (Tindakan Iklim), SDG14 (Kehidupan di Bawah Air) dan SDG17 (Kerjasama Demi Matlamat) terus menerima peruntukan yang paling rendah. Pada 2015, lima SDG terbawah hanya diperuntukkan sebanyak RM150 juta atau 0.4% daripada jumlah DE. Walaupun SDG yang sama menerima peruntukan yang lebih tinggi pada 2020 berjumlah RM610 juta, namun bahagian keseluruhan masih kecil iaitu 1.2% daripada jumlah DE dan peruntukan SDG17 berkurang sebanyak 27.5%.

JADUAL 1.2.2. Perbelanjaan Pembangunan bagi 5 Matlamat Pembangunan Mampan Terbawah, 2015 dan 2020

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN		RM BILION		BAHAGIAN KEPADA KESELURUHAN DE (%)		PERTUMBUHAN PURATA TAHUNAN (%)
		2015	2020	2015	2020	2015 - 2020
1	SDG13	0.04	0.2	0.1	0.4	38.0
2	SDG14	0.04	0.2	0.1	0.4	38.0
3	SDG17	0.02	0.004	0.05	0.01	-27.5
4	SDG5	0.02	0.05	0.05	0.1	20.1
5	SDG12	0.03	0.11	0.1	0.2	30.0
Jumlah		0.15	0.61	0.4	1.2	32.4
Keseluruhan DE		40.8	51.4	4.7

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Perbincangan

Kebanyakan SDG menerima DE yang lebih tinggi pada 2020 berbanding 2015 yang memberi penekanan kepada beberapa SDG seperti Tindakan Iklim dan Tiada Kemiskinan. Sebaliknya, SDG lain menerima agihan yang lebih rendah seperti Kesaksamaan Gender, Pengurangan Ketidaksamarataan, Kerjasama Demi Matlamat serta Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab. Agihan yang lebih rendah tidak bermakna Kerajaan tidak memberikan keutamaan kepada SDG tersebut. Kebiasaannya SDG tersebut dibiayai oleh sumber lain seperti dana luaran dan sumbangan. Walaupun terdapat peralihan fokus Kerajaan yang jelas terhadap pembiayaan program dan projek berkaitan Tindakan Iklim pada 2020, namun tidak banyak tumpuan diberikan kepada program dan projek berkaitan Kehidupan di Bawah Air, Kesaksamaan Gender, Kerjasama Demi Matlamat serta Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab.

Usaha perlu dipertingkatkan untuk mewujudkan opsyen pembiayaan lain kepada SDG yang menerima peruntukan DE yang rendah bagi melengkap peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan dalam proses merangka Integrated National Financing Framework (INFF) yang merangkumi platform pembaharuan dalam pelbagai aspek seperti dasar, peraturan, instrumen kewangan, institusi dan kerjasama awam swasta. Kerajaan juga merancang untuk membangunkan

rangka kerja yang lebih lengkap, seragam dan eksplisit bagi kewangan mampan melalui Sustainable Finance Roadmap untuk melengkapinya. Inisiatif tersebut membolehkan Kerajaan mengenal pasti jurang dan pembiayaan yang bersesuaian bagi program dan projek berkaitan SDG. Justeru, inisiatif ini dapat membantu penyelarasan sumber pembiayaan seluruh negara dengan lebih baik bagi memastikan kewangan yang mencukupi dan mampan untuk pembangunan negara dalam usaha mencapai SDG menjelang 2030.

Kesimpulan

Penekanan yang diberikan oleh sesebuah negara dalam mencapai SDG secara umumnya dicerminkan melalui keutamaan program dan projek yang dilaksanakan. Beberapa SDG telah diberi lebih penekanan oleh Kerajaan berdasarkan analisis DE bagi 2015 dan 2020. Sehubungan itu, usaha perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti punca perbezaan keutamaan, jurang kewangan dan sumber pembiayaan alternatif. Pendekatan semasa terlalu ringkas terutamanya dalam menggunakan pakai pengukur yang sama dalam agihan DE bagi program dan projek yang menyokong pelbagai SDG. Oleh itu, penambahbaikan dalam metodologi masih perlu dilaksanakan.

Kerajaan juga telah mencapai kemajuan dari pelbagai sudut pengurusan fiskal dan ekonomi. Usaha tersebut termasuk merangka Akta Tanggungjawab Fiskal yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada 2022. Akta ini akan menginstitusikan pengurusan fiskal berhemah, tadbir urus dan ketelusan berdasarkan amalan terbaik global. Selain menerbitkan Sukuk Kelestarian, Kerajaan juga menubuhkan Dana Amanah MySDG dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia. Inisiatif ini menyediakan platform kepada pelbagai pihak termasuk Kerajaan, sektor swasta, NGO, individu serta entiti domestik dan antarabangsa untuk menyumbang dalam pencapaian SDG di Malaysia. Kerajaan terus menyelaraskan dan memperkemas pengurusan pembiayaan menerusi belanjawan tahunan bagi membolehkan pembiayaan program dan projek berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dilaksanakan secara sistematik, komprehensif dan efektif.

RENCANA 1.3

Pembiayaan bagi Pembangunan Mampan

Pengenalan

Pandemik COVID-19 dan risiko berkaitan iklim memberi impak buruk yang sama kepada kebanyakan negara. Seperti COVID-19, perubahan iklim melangkaui sempadan dan boleh membawa pelbagai kesan terhadap nyawa dan kehidupan. Sehubungan itu, terdapat keperluan yang mendesak dalam menangani perubahan iklim di seluruh dunia sejak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh pelbagai faktor.

Impak perubahan iklim ini dapat dilihat apabila cuaca melampau telah mengakibatkan banjir dan kemarau seterusnya menyebabkan krisis kesihatan serta gangguan sekuriti makanan dan rantaian bekalan di samping ketidakstabilan ekonomi dan kewangan. Selain itu, terdapat peningkatan permintaan daripada rakan dagang dan pelabur bagi jaminan produk mesra iklim dan biodiversiti serta peralihan yang lancar bagi mencapai sasaran sifar karbon. Pelabur juga menuntut perincian strategi tindakan iklim yang tegas dan teliti daripada pelanggan. Kegagalan dalam menyediakan

perincian strategi akan menyebabkan penurunan penarafan berdaulat, peningkatan premium insurans semula dan pertambahan pelarian akibat perubahan iklim. Terdapat juga risiko aset terkandas dalam sistem kewangan dan sektor lain yang tidak lestari seterusnya dijangka memberi kesan domino terhadap ekonomi.

Malaysia sedang berusaha untuk menjadi hab kewangan mampan yang membuka peluang kepada negara untuk mengguna pakai instrumen kewangan bagi mempercepat peralihan kepada ekonomi rendah karbon. Bagi memastikan kejayaan inisiatif ini, pendekatan inovatif dan inklusif perlu dilaksanakan bagi mencapai matlamat pembangunan jangka masa sederhana dan panjang seperti Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Landskap dan reka bentuk pembiayaan sedia ada negara perlu difahami bagi mengenal pasti jurang dan kaedah terbaik bagi memastikan pembiayaan yang mampan. Sektor swasta boleh menyumbang kepada pembiayaan dan pelaburan hijau melalui amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Rencana ini menekankan beberapa inisiatif penting Kerajaan bagi mencapai pembiayaan yang mencukupi dalam pembangunan mampan negara.

Inisiatif Semasa

Pada masa kini, Kerajaan melaksanakan beberapa pilihan kewangan untuk mencapai pembangunan mampan seperti penerbitan sukuk, dana amanah, perolehan hijau, pembiayaan hijau dan penetapan harga karbon. Pada April 2021, Kerajaan telah menerbitkan sukuk kelestarian berdaulat melalui penerbitan sukuk bertempoh matang 10-tahun bernilai USD800 juta dan sukuk bertempoh matang 30-tahun bernilai USD500 juta (Sukuk Wakalah). Sukuk tersebut telah dilanggan lebih daripada 6.4 kali mencerminkan keyakinan pelabur global ke atas pemulihan dan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia meskipun berdepan dengan cabaran dan risiko berikutan pandemik COVID-19. Terbitan sukuk tersebut antara lain akan membantu membiayai program dan projek mampan negara.

Kerajaan akan menubuhkan Dana Amanah MySDG selaras dengan pengumuman Belanjawan 2021. Dana ini merupakan platform yang membolehkan pelbagai pihak termasuk sektor swasta, individu atau entiti dari dalam dan luar negara untuk menyumbang dan mengambil bahagian dalam usaha negara mencapai SDG. Penubuhan dana ini akan merapatkan jurang pembiayaan dan melengkapi peruntukan belanjawan tahunan yang disediakan oleh Kerajaan dalam membiayai program dan projek berkaitan SDG. Kerajaan memperuntukkan RM20 juta sebagai sumbangan awal kepada Dana Amanah MySDG dan bekerjasama dengan pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia untuk mengurus dana ini secara bersama bagi menarik lebih banyak sumbangan dari dalam dan luar negara. Berdasarkan piawaian tinggi pengurusan dana dan projek yang diamalkan oleh PBB serta penawaran insentif cukai yang menarik, Dana ini dijangka memperolehi sumbangan yang tinggi daripada penyumbang berpotensi. Seterusnya, dana ini akan membantu pembiayaan program dan projek berkaitan SDG yang berimpak tinggi dan mempercepat pencapaian SDG menjelang 2030 atau lebih awal.

Kerajaan juga menerapkan inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) untuk menyokong penggunaan produk dan perkhidmatan hijau. Inisiatif ini mengintegrasikan kriteria penilaian berkaitan alam sekitar dalam perolehan Kerajaan dengan mengambil kira perlindungan alam semula jadi, pengurangan pencemaran dan pemuliharaan sumber. Pada 2018, Kerajaan menerbitkan Garis Panduan GGP 2.0 sebagai rujukan terkini merangkumi 20 kriteria GGP untuk produk dan perkhidmatan hijau seperti peralatan ICT, sistem penyaman udara dan perkhidmatan pembersihan. Kerajaan akan terus mengembangkan inisiatif ini dan menambah baik garis panduan GGP untuk meningkatkan pelaksanaan inisiatif hijau dalam sektor awam. Sehingga 2019, GGP dianggarkan bernilai RM290 juta melibatkan 25 kementerian seterusnya meningkat kepada RM559 juta melibatkan 26 kementerian pada 2020.

Terdapat juga inisiatif lain yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dalam menangani perubahan iklim. Pada 2019, BNM telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3) bagi membantu pembiayaan swasta ke arah mencapai pembangunan mampan. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan secara bersama oleh BNM dan SC bertujuan mengambil tindakan kolaboratif untuk membangunkan ketahanan iklim dalam sektor kewangan di Malaysia. Ia juga mengenal pasti keperluan untuk mempercepat tindak balas dalam memastikan peralihan yang lancar dan teratur ke arah ekonomi rendah karbon. Keperluan ini termasuk menguruskan pendedahan risiko berkaitan iklim dan memudahkan perniagaan beralih kepada amalan lestari.

Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh BNM untuk meningkatkan ketersediaan sektor kewangan dalam mengurus risiko berkaitan iklim dan menyokong peralihan yang teratur kepada ekonomi hijau. Inisiatif ini termasuk menerbitkan Kertas Rundingan Industri mengenai Panduan dalam Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario, menyelesaikan dan melaksanakan Perubahan Iklim dan Prinsip berasaskan Taksonomi (CCPT) serta mengeluarkan panduan sektoral Rangka Kerja Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBIAF) mengenai tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga, minyak sawit, pembuatan, pembinaan dan infrastruktur.

Pelbagai usaha dan inisiatif dilaksanakan oleh SC dalam menggerakkan pembiayaan sektor swasta ke arah pembangunan lestari termasuk menerbitkan Sukuk Pelaburan Bertanggungjawab dan Mampan (SRI) bernilai RM5.39 bilion pada 2020. Inisiatif lain pula ialah penerbitan Sukuk Sosial Pertama di Malaysia bernilai RM1 bilion oleh Khazanah Nasional pada 2015 dan Sukuk Hijau pertama di dunia dengan terimaan terbitan bernilai RM250 juta bagi membiayai pembinaan projek solar berskala besar pada 2017. Di samping itu, bon berdenominasi Ringgit bernilai RM635 juta dan bon berdenominasi mata wang asing bernilai USD680 juta telah diterbitkan pada 2018 di bawah Piawaian Bon Hijau, Sosial dan Kelestarian ASEAN. Sejak 2015, SC telah mengumumkan pelbagai dana termasuk 20 dana yang memenuhi syarat SRI dalam pasaran merangkumi 14 Amanah Saham, empat Dana Borong dan dua Dana Aset Campuran. Inisiatif tersebut telah menggalakkan dan memudahkan banyak syarikat tenaga boleh baharu tersenarai di pasaran saham Bursa Malaysia.

Inisiatif Masa Hadapan

Di peringkat global, pelbagai usaha telah dilakukan bagi menangani isu perubahan iklim dan mempercepat peralihan perniagaan ke arah pelaksanaan aktiviti rendah karbon. Sebagai contoh, EU akan melaksanakan Carbon Border Adjustment Mechanism (CBAM) mulai 2023. Mekanisme ini bertujuan mengenakan harga karbon ke atas barang import sebagai kaedah untuk menyamakan kos industri di Eropah yang mungkin telah memindahkan fasiliti pengeluaran ke negara yang tidak menguatkuasakan peraturan karbon. Pengenaan harga karbon akan memberi kesan negatif terhadap daya saing pengeksport Malaysia memandangkan struktur kos keseluruhan produk yang memasuki pasaran EU perlu mengambil kira cukai tambahan ini seterusnya meningkatkan harga barang. Pada masa kini, AS juga sedang mempertimbangkan pelaksanaan inisiatif serupa dikenali sebagai “fi import pencemar” yang mungkin memberi impak yang besar kepada pengeksport di Malaysia memandangkan EU dan AS merupakan antara rakan dagang penting negara. Justeru, usaha perlu dipergiat bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemain industri untuk mengambil kira perkembangan baharu ini dan segera menerapkan pelaksanaan aktiviti rendah karbon dalam operasi perniagaan atau berdepan risiko kehilangan daya saing eksport.

Berdasarkan perkembangan ini, Kerajaan sedang mengkaji beberapa inisiatif termasuk penggunaan instrumen ekonomi bagi penetapan harga karbon seperti cukai karbon dan pelaksanaan Skim Perdagangan Pelepasan (ETS) untuk mendorong industri beralih ke arah aktiviti rendah karbon. Kajian juga telah dijalankan untuk mencadangkan mekanisme terbaik bagi pelaksanaan cukai karbon di Malaysia. Kerajaan sedang menilai mekanisme ETS paling sesuai yang dapat dilaksanakan bagi menarik minat industri untuk terlibat dalam perdagangan karbon domestik. Mekanisme itu

juga perlu memenuhi Nationally Determined Contributions (NDCs)¹ yang ditetapkan di bawah Perjanjian Paris semasa Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) pada 2015. Oleh itu, inisiatif tersebut bertindak sebagai faktor penarik dan penolak dalam mempercepat peralihan industri ke arah aktiviti rendah karbon. Inisiatif ini juga akan membantu industri memenuhi syarat yang dikenakan oleh negara lain pada masa hadapan tanpa memberi kesan kepada komitmen NDCs negara.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk badan antarabangsa untuk memperkukuh kemampuan pembiayaan Malaysia bagi memenuhi keperluan pembangunan mampan. Satu daripada usaha kolaborasi MOF dengan United Nations Development Programme (UNDP) ialah mengguna pakai Integrated National Financing Framework (INFF) yang merangkumi platform pembaharuan dalam pelbagai aspek meliputi dasar, peraturan, instrumen kewangan serta kerjasama institusi awam dan swasta. Bagi melengkapi usaha ini, Kerajaan sedang membangunkan rangka kerja yang menyeluruh, bersepadu dan eksplisit melalui pembangunan Sustainable Finance Roadmap untuk mencapai kewangan mampan. Outcome dan output daripada projek tersebut akan membolehkan Kerajaan mengenal pasti jurang pembiayaan serta membuat pilihan pembiayaan yang bersesuaian. Inisiatif ini akan membantu penyelarasan sumber pembiayaan sedia ada dalam negara untuk memastikan pembiayaan yang mencukupi bagi pembangunan hijau dan mampan.

Kesimpulan

Selain daripada pandemik COVID-19, negara juga berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk risiko perubahan iklim. Malaysia telah membina kerangka pembangunan ke arah mencapai matlamat jangka masa panjang seperti WKB 2030 dan SDG. Pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan Kerajaan bagi memastikan pembiayaan yang mencukupi untuk mencapai pembangunan mampan. Namun, masih terdapat keperluan untuk menyediakan pelan hala tuju dan membangunkan rangka kerja pembiayaan yang bersepadu, holistik dan sistematik bagi memastikan inisiatif pembangunan mampan mendapat sokongan pembiayaan yang mencukupi.

¹ Komitmen NDC Malaysia adalah pengurangan intensiti pelepasan Gas Rumah Kaca (GRK) kepada KDNK sebanyak 45% menjelang 2030 berbanding 2005.

Tinjauan

Ekonomi Global

Pertumbuhan global diunjur kembali pulih pada 2021 dan menyederhana pada 2022 selepas mencatat penguncupan ketara sebanyak 3.1% pada 2020 terutamanya disebabkan oleh kesan pandemik COVID-19 di seluruh dunia dan penutupan sektor ekonomi bagi mengekang penularan. Usaha untuk mengawal kesan pandemik melalui rangsangan fiskal dan dasar kewangan yang akomodatif dijangka dapat menambah baik sentimen dalam kalangan perniagaan dan pengguna di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, wujud risiko pertumbuhan yang perlahan berikutan

ketidaktentuan situasi pandemik COVID-19 termasuk pewujudan dan penyebaran pelbagai jenis varian baharu yang lebih berbahaya.

Perbezaan pelaksanaan program vaksinasi dan sokongan dasar telah menyebabkan pemulihan ekonomi yang tidak sekata di seluruh dunia. Berdasarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sejumlah 6.5 bilion dos vaksin telah diberikan secara global dengan anggaran 46.5% penduduk dunia telah lengkap divaksin (Our World in Data, 2021). Pelaksanaan program vaksinasi yang pantas dapat menyokong pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi dan sosial yang akan meningkatkan prospek pemulihan ekonomi global dengan lebih baik.

Ekonomi Domestik

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 7.1% pada separuh pertama 2021. Pertumbuhan ekonomi dijangka berterusan pada separuh kedua tahun ini terutamanya pada suku keempat dengan lebih banyak sektor ekonomi dan sosial beroperasi dengan kapasiti penuh. Trajektori pertumbuhan dijangka sejajar dengan kejayaan program vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) serta pelbagai pakej rangsangan untuk membantu rakyat dan membina semula ekonomi. Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi dijangka berkembang antara 3% hingga 4% pada 2021. Kesenambungan pakej tersebut bagi menangani impak COVID-19 akan memberi kesan limpahan dan sokongan tambahan kepada ekonomi pada 2022. Justeru, ekonomi diunjur berkembang antara 5.5% hingga 6.5% pada 2022 berdasarkan asas ekonomi yang kukuh dan kepelbagaian struktur ekonomi. Walau bagaimanapun, prospek yang lebih baik turut bergantung kepada faktor lain termasuk kejayaan mengawal pandemik, keberkesanan pelaksanaan PICK dan ekonomi global yang kukuh.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Dasar monetari kekal akomodatif dalam mengatasi kesan negatif ekoran penutupan ekonomi negara yang berpanjangan serta pada masa yang sama menyokong pemulihan ekonomi. Dasar ini juga memastikan tekanan inflasi kekal terkawal. Kadar Dasar Semalaman (OPR) dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) kekal stabil pada tujuh bulan pertama 2021 pada 1.75% dan 2.00%. Usaha untuk meningkatkan mudah tunai dalam pasaran termasuk fleksibiliti yang diberikan kepada institusi perbankan untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) bagi mematuhi SRR sehingga akhir 2022. Sektor perbankan kekal teguh disokong oleh mudah tunai mencukupi dan penampakan modal yang

kukuh sementara pasaran modal terus berdaya tahan disokong oleh mudah tunai domestik yang mencukupi dan persekitaran dasar yang memberangsangkan. Pelancaran Pelan Induk Pasaran Modal 3, 2021 – 2025 akan memastikan pasaran modal kekal relevan, cekap dan pelbagai bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi mampan dan inklusif (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2021). Kedudukan dasar kewangan pada masa hadapan akan terus dipandu oleh data dan maklumat baharu serta kesan terhadap keseluruhan prospek inflasi dan pertumbuhan domestik.

Pengurusan Ekonomi

Kerajaan akan terus memberi tumpuan dalam memastikan kesejahteraan rakyat, meningkatkan perniagaan dan memudah cara aktiviti ekonomi dengan segera dalam norma baharu pascapandemik selaras dengan peralihan Malaysia ke fasa endemik COVID-19. Kerajaan sedang berada dalam fasa terakhir daripada enam tahap strategi¹ iaitu Menyusun Semula yang merangkumi pelaksanaan RMKe-12 melalui belanjawan tahunan dan pelan induk sektoral lain. Pada tahap ini, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada penyusunan semula bagi menangani pelbagai cabaran struktural yang menghalang wawasan untuk menjadi negara makmur, inklusif dan mampan.

Isu dan Cabaran

Malaysia berdepan beberapa isu dan cabaran yang boleh mempengaruhi usaha mencapai wawasan negara. Isu tersebut termasuk keadaan yang memberi kesan langsung kepada rakyat seperti kesan kekal pandemik COVID-19 ke atas pendapatan, pertambahan golongan mudah terjejas serta guna tenaga tidak penuh dan perlindungan sosial yang tidak mencukupi. Di samping itu, beberapa cabaran ekonomi termasuk usaha untuk merencanakan semula industri pelancongan, landskap baharu

¹ Enam tahap strategi yang diperkenalkan Kerajaan pada 2020 termasuk Ketegasan, Ketahanan, Memulakan Semula, Pemulihan, Memperkasa dan Menyusun Semula.

perniagaan pascapandemik, asas hasil yang mengecil dan kemerosotan daya saing negara. Perubahan iklim juga akan menjadi ancaman baharu dengan kesan berbahaya seperti kesan pandemik COVID-19.

Kesan Kekal COVID-19 ke atas Pendapatan

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pendapatan per kapita pada 2020 berkurang sebanyak 6.5% kepada RM43,475 daripada RM46,450 pada 2019. Pada masa yang sama, purata gaji dan upah² berkurang sebanyak 9% daripada RM3,224 pada 2019 kepada RM2,933 pada 2020. Oleh itu, kebanyakan isi rumah dalam kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan (M40) kini tersenarai di bawah kategori kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40). Jumlah penganggur juga meningkat sebanyak 39.9% daripada 508,200 orang pada 2019 kepada 711,000 orang pada 2020. Kemerosotan yang ditunjukkan dalam statistik tersebut telah menyebabkan penguncupan ekonomi sebanyak 5.6% pada 2020. Walaupun pelbagai pakej bantuan dan rangsangan telah mengekalkan kadar pengangguran di bawah 5%, namun terdapat kebimbangan mengenai kesan jangka masa panjang pandemik tersebut terhadap nyawa dan kehidupan rakyat.

Pertambahan Golongan Mudah Terjejas

Pandemik ini telah memberi kesan kepada setiap isi rumah di Malaysia yang merangkumi kumpulan B40, M40 dan isi rumah berpendapatan 20% teratas (T20). Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan Malaysia 2020 (2021) menyatakan sejumlah 12.8% isi rumah T20 dan 20% isi rumah M40 kini tergolong dalam kategori berpendapatan yang lebih rendah. Secara khususnya jika dibandingkan dengan kumpulan B40, golongan M1 iaitu 10 persentil terendah M40 menerima kesan yang lebih

teruk sepanjang pandemik berikutan komitmen kewangan dan perbelanjaan isi rumah yang tinggi. Data menunjukkan bahawa sekitar 600,000 hingga satu juta isi rumah M40 telah tergolong dalam kelompok pendapatan B40 berikutan pemberhentian pekerja dan potongan gaji.

Guna Tenaga Tidak Penuh dan Perlindungan Sosial yang Tidak Mencukupi

Pengangguran belia dan guna tenaga tidak penuh telah meningkat setiap tahun dengan pengangguran belia meningkat kepada 12% daripada jumlah tenaga buruh belia atau 314,000 orang pada 2020 (2019: 10.5% atau 295,800 orang). Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa pada 2020 juga meningkat kepada 2.2% daripada jumlah penduduk bekerja atau 334,000 orang (2019: 1.3% atau 191,600 orang) berikutan tidak mampu untuk memenuhi peningkatan permintaan pencari kerja terutamanya graduan baharu dan golongan yang diberhentikan kerja semasa pandemik. Di samping itu, aturan kerja semasa yang tidak fleksibel tidak menarik minat penglibatan lebih ramai wanita dalam aktiviti ekonomi. Kebergantungan berterusan kepada pekerja asing terutamanya yang berkemahiran rendah serta upah yang tidak menarik telah menyebabkan kurang penglibatan rakyat Malaysia dalam pekerjaan tertentu. Pandemik ini juga telah mendorong peralihan ketara untuk bekerja dari rumah dan bekerja secara jarak jauh yang memerlukan kemahiran digital dan penggunaan teknologi dalam kebiasaan baharu. Selain itu, kekurangan perlindungan keselamatan sosial bagi sesetengah pekerja terutamanya golongan bekerja sendiri dan pekerja dalam sektor informal telah menjejaskan golongan tersebut semasa pandemik. Sehingga Jun 2021, Pertubuhan Keselamatan Sosial melaporkan hanya 6.5% daripada 2.5 juta orang yang bekerja sendiri berdaftar di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] menunjukkan situasi yang membimbangkan.

² Merujuk kepada rakyat Malaysia sahaja.

RENCANA 1.4**Masa Hadapan Pekerjaan Pascapandemik COVID-19**

Pengenalan

Lebih 18 bulan telah berlalu sejak Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengumumkan novel coronavirus (COVID-19) sebagai pandemik global. Ratusan juta penduduk terpaksa hidup dalam perintah kawalan pergerakan untuk menghentikan penularan virus. Ramai yang telah beralih secara mendadak kepada bekerja dari rumah manakala jutaan lagi telah kehilangan pekerjaan. Masa hadapan kelihatan tidak menentu. Malah, tidak diketahui sama ada cara kehidupan kita akan kembali normal seperti sebelum ini atau apakah kesan yang akan ditinggalkan oleh pandemik.

Seperti di negara lain, pandemik telah memberi impak kepada ekonomi Malaysia dan memberi kesan negatif kepada pasaran buruh. Impak ini khususnya dapat dilihat apabila lebih 100,000 pemberhentian pekerja dicatatkan pada 2020 dan bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 angka tersebut hampir mencecah 35,000. Selain itu, pengangguran merekodkan kadar tertinggi sejak 1990 iaitu 5.3% pada Mei 2020 dan 4.5% pada keseluruhan 2020 iaitu lebih tinggi daripada purata tahunan kadar guna tenaga penuh 3.4% yang dicatatkan sebelum COVID-19.

Walaupun negara masih berada di bawah kawalan pergerakan, namun kes yang dilaporkan masih meningkat. Dalam tempoh beberapa bulan ini, kes jangkitan harian yang direkodkan di Malaysia telah melepasi lima angka. Justeru, pelaksanaan norma baharu bekerja dari rumah dan prosedur operasi standard yang ketat di tempat kerja dijangka berterusan sehingga negara bersedia untuk beralih ke fasa yang lebih longgar dalam Pelan Pemulihan Negara.

Walaupun begitu, bekerja dari rumah telah mempercepat penggunaan kaedah digitalisasi sepenuhnya dan mewujudkan proses pembelajaran melalui video dan perkongsian sosial secara langsung. Ramai berpendapat bahawa situasi ini telah mengubah struktur guna tenaga terutamanya kemahiran yang diperlukan dalam pasaran buruh Malaysia. Justeru, rencana ini bertujuan untuk melihat struktur guna tenaga sebelum dan semasa pandemik, bagaimana pandemik telah menormalkan amalan kerja jarak jauh dan permintaan pekerjaan pasca COVID-19.


Analisis Situasi

Trend penunjuk utama pasaran buruh telah dikaji bagi mengenal pasti sama ada wujud perubahan dalam struktur pasaran buruh semasa tempoh pandemik. Analisis ini membandingkan tempoh sebelum dan sejak langkah kawalan penularan yang pertama iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada 18 Mac 2020 sehingga 12 Mei 2020. Pada peringkat awal PKP, hanya perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi manakala perkhidmatan bukan keperluan utama tidak dibenarkan beroperasi. Lanjutan daripada itu, beberapa fasa PKP telah dilaksanakan secara berperingkat untuk memastikan ekonomi terus beroperasi di samping terus mengekalkan tahap keselamatan dan perlindungan kesihatan dalam negara.

Akibatnya, pasaran buruh mengalami trend di luar jangkaan dengan merekodkan kadar pengangguran melebihi 4% iaitu jauh daripada tahap guna tenaga penuh. Berdasarkan trend suku tahunan, kadar pengangguran merekodkan kadar tertinggi iaitu 5.1% pada suku kedua 2020

berbanding tempoh sebelum krisis iaitu 3.4%. Prestasi perniagaan yang tidak memberangsangkan pada 2020 telah menyebabkan peningkatan pemberhentian pekerja serta pembekuan pengambilan pekerja baharu. Oleh itu, permintaan buruh menjadi lebih perlahan dengan jumlah peluang guna tenaga yang lebih rendah. Pekerja yang bekerja sendiri juga berkurang kepada 2.4 juta pada suku pertama 2021 berbanding 2.7 juta pada suku pertama 2020 seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.4.1. Golongan bekerja sendiri yang kebanyakannya terdiri daripada perniagaan berskala kecil dan usahawan yang tidak berdaftar merupakan antara golongan mudah terjejas yang paling terkesan oleh pandemik.


RAJAH 1.4.1. Penduduk Bekerja Mengikut Taraf Pekerjaan Sebelum dan Semasa Pandemik



Walaupun bilangan guna tenaga menunjukkan peningkatan secara marginal pada setiap suku tahun, namun komposisi guna tenaga mengikut sektor kekal sama dengan sebahagian besar bertumpu dalam sektor perkhidmatan diikuti sektor pembuatan dan sektor pertanian. Dalam sektor perkhidmatan, subsektor perdagangan borong dan runcit merekodkan bahagian guna tenaga tertinggi iaitu sebanyak 28% diikuti oleh penginapan dan makanan dan minuman (15.3%) serta subsektor pendidikan (9.9%). Sementara itu, subsektor ICT hanya mencatatkan 2.5% seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.4.2.

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menyatakan bahawa permintaan bagi pakar digital meningkat tiga kali ganda daripada sekitar 19,000 kekosongan pada Jun 2020 kepada 56,000 kekosongan pada April 2021. Pekerjaan yang paling popular ialah pembangunan perisian, data sains, perkhidmatan IT, keselamatan digital dan e-dagang. Walau bagaimanapun, pekerja dalam subsektor ICT hanya meningkat sebanyak 15,800 orang (6.6%) pada suku pertama 2021 berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan ini adalah amat kecil berbanding 200,300 orang (7.4%) dalam subsektor perdagangan borong dan runcit dan 98,400 orang (12.5%) dalam subsektor pentadbiran awam dan pertahanan, aktiviti keselamatan sosial wajib.

RAJAH 1.4.2. Bahagian Guna Tenaga Mengikut Subsektor Perkhidmatan Terpilih




Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia


Berdasarkan pemberhentian pekerja mengikut sektor, kadar tertinggi dicatatkan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan berikutan operasi perniagaan yang terhad telah menjejaskan waktu bekerja serta pendapatan perniagaan. Kebanyakan pemberhentian pekerja dalam sektor perkhidmatan terutamanya daripada subsektor penginapan, makanan dan minuman berikutan sekatan dalam aktiviti perjalanan yang telah memberi impak kepada perkhidmatan pengangkutan dan semua aktiviti berkaitan pelancongan. Daripada lebih 34,700 orang yang diberhentikan sehingga Jun 2021, sebanyak 64.6% adalah dalam kalangan pekerja mahir dan separuh mahir (27.6%) seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.4.3.

RAJAH 1.4.3. Pemberhentian Pekerja Sebelum dan Semasa Pandemik


Pemberhentian mengikut Sektor % daripada Jumlah Pemberhentian



Pemberhentian bagi Aktiviti Berkaitan Pelancongan % daripada Jumlah Pemberhentian Sektor Perkhidmatan




Pemberhentian mengikut Kategori Kemahiran % daripada Jumlah Pemberhentian



Sumber: Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia

Kekosongan dan penempatan pekerjaan juga tidak menunjukkan perubahan ketara memandangkan kebanyakan kekosongan dan penempatan masih berlaku terutamanya dalam sektor pembuatan, subsektor penginapan, makanan dan minuman serta subsektor perdagangan borong dan runcit seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.4.4.



Analisis oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) pada 2020 menunjukkan bahawa lima pekerjaan teratas dengan kekosongan tertinggi semasa tempoh pandemik termasuk operator mesin dan loji pegun; profesional pengiklanan dan pemasaran; penasihat kewangan dan pelaburan; kerani am pejabat; dan pengarah urusan dan ketua eksekutif. Lima pekerjaan teratas ini mewakili 33% daripada jumlah kekosongan jawatan pada suku ketiga 2020¹. Pekerjaan yang disenaraikan oleh ILMIA dan MDEC juga merupakan sebahagian daripada Senarai Pekerjaan Kritikal² yang mendapat permintaan tinggi daripada majikan pada 2019 dan 2020 kecuali jawatan kerani am pejabat.

Perspektif Permintaan Buruh

Walaupun analisis menunjukkan tiada perubahan ketara dalam struktur guna tenaga, namun amalan kerja jarak jauh yang dilaksanakan secara meluas oleh industri disokong oleh Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dan kemajuan pendigitalan dijangka membawa perubahan dalam struktur guna tenaga dan pekerjaan masa hadapan pascapandemik. Forum Ekonomi Dunia (2018) menjangkakan berlaku kemunculan teknologi dalam beberapa tahun akan datang. Laporan tersebut menerangkan bahawa pemesinan automatik menyumbang sebanyak 29% daripada kerja yang disiapkan dan dijangka meningkat kepada 42% pada 2022 dan 52% menjelang 2025. Dalam erti kata lain, lebih daripada separuh tugas kerja akan diautomasi sepenuhnya dan disiapkan oleh mesin dalam tempoh tujuh tahun akan datang. Justeru, syarikat dan organisasi perlu mula

¹ Job Market Insights (Suku Ketiga 2020).

²Laporan Senarai Pekerjaan Kritikal 2019/2020.

mengubah suai perancangan masa hadapan untuk memenuhi trend tersebut dengan meningkatkan pelaburan sumber dalam bidang automasi dan teknologi yang merupakan norma baharu. Laporan tersebut juga menyenaraikan beberapa pekerjaan yang akan diganti dengan automasi dalam waktu terdekat termasuk kemasukan data, perakaunan, simpan kira, pembayaran gaji, pentadbiran, kerja perkilangan, perkhidmatan perniagaan dan pentadbiran, pengurusan serta pengauditan.

Berdasarkan QS Top Universities (2020), dua per tiga daripada pekerjaan pada 2030 terdiri daripada pekerjaan berintensifkan kemahiran insani (soft-skill). Kemahiran ini merangkumi nilai kepimpinan yang baik; fleksibel dan mudah menyesuaikan diri dengan perubahan dan tekanan kerja; pemikiran kritis dan objektif dalam membuat keputusan; celik teknologi; kompeten dalam komunikasi dan memiliki kecerdasan emosi yang tinggi; serta mempunyai pemikiran yang kreatif dan inovatif. Justeru, institusi pengajian tinggi perlu memastikan bekalan tenaga kerja masa hadapan dilengkapi dengan kemahiran insani yang amat diperlukan.

Laporan oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (2019) juga mengetengahkan beberapa perkara penting yang perlu diberi keutamaan oleh majikan untuk menempuhi era pendigitalan. Pertama, majikan perlu mempersiapkan pekerja untuk menghadapi pekerjaan masa hadapan dan perubahan dalam pekerjaan sedia ada kerana transformasi digital boleh menyebabkan pekerjaan tertentu terhapus. Kedua, majikan perlu memperkasakan pekerja dengan pelbagai set kemahiran untuk berjaya dalam dunia pekerjaan digital. Tumpuan yang lebih perlu diberikan kepada kemahiran kognitif termasuk kemahiran digital, kemahiran sosial dan emosi, kemahiran khusus pekerjaan dan yang paling penting motivasi untuk menghadapi perubahan. Ketiga, majikan perlu bersedia mendepani cabaran besar dalam menyediakan latihan termasuk peluang pembelajaran sepanjang hayat khususnya kepada pekerja berkemahiran rendah. Akhir sekali, majikan perlu menambah baik perlindungan sosial kepada pekerja bagi memastikan tiada pekerja yang ketinggalan daripada menerima perlindungan sosial.

Perspektif Penawaran Buruh

Meskipun demikian, persoalan juga mungkin timbul sama ada majikan dan tenaga kerja akan datang bersedia untuk mendepani pekerjaan masa hadapan dalam era pascapandemik. Analisis permintaan buruh menunjukkan bahawa pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran semasa pandemik ialah profesional pengiklanan dan pemasaran; penasihat kewangan dan pelaburan; pengarah urusan dan ketua eksekutif; serta pakar digital dalam pembangunan perisian, data sains, perkhidmatan IT, keselamatan digital dan e-dagang. Walau bagaimanapun, laporan Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi menunjukkan bahawa daripada lebih 305,000 keluaran siswazah pada 2020 sejumlah 11.3% merupakan siswazah dalam bidang sains, matematik dan komputer; 3.3% dalam kewangan, perbankan dan insurans; dan 1.9% dalam pemasaran dan pengiklanan. Justeru, institusi tertiar mungkin tidak dapat memenuhi keperluan pekerjaan masa hadapan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.4.5. Sebagai alternatif, pekerja mungkin perlu dilengkapi dengan kemahiran bagi pekerjaan masa hadapan melalui peningkatan kemahiran dan latihan semula.

RAJAH 1.4.5. Kekosongan dan Keluaran Institusi Pengajian Tinggi, 2020

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi dan Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia

Laporan Forum Ekonomi Dunia (2020) menerangkan terdapat beberapa strategi yang akan dilaksanakan oleh syarikat di Malaysia dalam menghadapi gelombang pendigitalan dan keperluan pekerjaan masa hadapan. Semua syarikat yang terlibat dalam kajian selidik menyatakan akan mempercepat pendigitalan proses kerja (seperti menggunakan alat digital, persidangan video, dll.) untuk pekerjaan masa hadapan; menyediakan lebih banyak peluang bekerja secara jarak jauh (75%); mempercepat aplikasi pendigitalan dalam program peningkatan kemahiran dan latihan semula (iaitu penyedia pendidikan teknologi) (58.3%); serta menempatkan semula pekerja bagi tugas berbeza buat sementara waktu (33.3%). Bagi mendepani perubahan dalam keperluan kemahiran, antara lain sebanyak 86% daripada syarikat yang dikaji selidik akan mengautomasi kerja; 86% akan mengambil kakitangan tetap baharu dengan kemahiran yang relevan dengan teknologi baharu; dan 86% menjangkakan pekerja sedia ada akan memperoleh kemahiran semasa bekerja. Syarikat juga akan memberi fokus kepada program peningkatan kemahiran dan latihan semula untuk melengkapkan pekerja dengan kemahiran terkini dan ilmu pengetahuan yang diperlukan termasuk pemikiran analitik dan inovatif; pemikiran kritis dan analisis; serta penggunaan, pemantauan dan pengawalan teknologi.

Inisiatif Semasa untuk Mendepani Pekerjaan Masa Hadapan

Transformasi digital bagi sesebuah negara merupakan satu perjalanan melalui pelbagai kemungkinan laluan. Malaysia telah memulakan proses mengintegrasikan teknologi digital meliputi semua bidang dalam ekonomi secara berfasa. Walau bagaimanapun, wujud rintangan bagi ekonomi untuk beralih sepenuhnya ke arah pendigitalan memandangkan lebih daripada 90% perniagaan di Malaysia merupakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Oleh itu, peniaga kecil juga perlu diperkasa dengan teknologi digital dalam pelbagai sektor menerusi program bantuan sedia ada. Sehingga kini, Kerajaan telah menyediakan bantuan tersebut melalui SME Digital Accelerator Grant, 100GoDigital dan Smart Automation Grant bagi menyokong PMKS untuk mengautomasi proses perniagaan dan beralih ke arah pendigitalan.

Individu dan usahawan mikro juga dibantu oleh MDEC untuk melaksanakan pendigitalan dalam proses kerja. Antara inisiatif pendigitalan MDEC ialah Global Online Workforce (GLOW), eUsahawan dan program eRezeki. Program tersebut memberi peluang kepada rakyat Malaysia terutamanya golongan berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan tambahan dengan melakukan tugas secara digital melalui platform sumber khalayak (crowdsourcing).

Walaupun jumlah kekosongan jawatan dalam bidang digital adalah tinggi, namun kebanyakan kekosongan tersebut memerlukan bakat yang berpengalaman. Situasi ini merupakan cabaran kepada graduan yang baru menamatkan pengajian. Oleh itu, graduan boleh merapatkan jurang pengalaman dengan membuat kerja digital secara *freelance* sebagai latihan sebelum bekerja. Beberapa platform yang dapat digunakan ialah Upwork, Freelancer.com atau Fiverr. Pada masa yang sama, bakat muda boleh mempelajari beberapa kemahiran digital yang diperlukan pasaran seperti kemahiran analitik, pembangunan perisian, pelbagai bahasa pengaturcaraan dan pengkomputeran awan sebagai persiapan sebelum memasuki pasaran pekerjaan.

Direktori Latihan Kemahiran Digital yang dibangunkan oleh MDEC juga menyediakan kursus yang telah diperaku dan disahkan oleh pakar pengamal teknologi untuk membantu bakat baharu mengenal pasti kursus latihan yang bersesuaian. Pencari kerja boleh mendapat maklumat yang lebih tepat apabila merujuk direktori ini manakala pekerja sedia ada boleh meningkatkan kerjaya mereka dengan mengikuti kursus untuk mendapatkan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran seperti dinyatakan sebelum ini. Usaha ini juga dapat membantu pelajar lepasan sekolah menengah atau pelajar prauniversiti dalam membuat keputusan mengenai jurusan pembelajaran yang ingin dipilih memandangkan direktori ini menunjukkan trend terkini dan peluang kerjaya dalam bidang berkaitan teknologi digital yang menjanjikan masa hadapan yang cerah.

Selain itu, HRD Corp telah membangunkan Kerangka Kemahiran Industri (IndSF) iaitu alat penilaian mengenai kemahiran dan kompetensi yang diperlukan mengikut kategori pekerjaan secara terperinci. Kerangka ini bertujuan untuk membantu majikan, pekerja dan penyedia latihan memahami perkembangan terkini mengenai kemahiran yang diperlukan. Set kemahiran yang dinyatakan dalam IndSF merangkumi pelbagai kemahiran insani dan kemahiran teknikal untuk setiap pekerjaan. Maklumat ini memberikan panduan yang baik kepada semua majikan dan pekerja kerana modul latihan akan dikemas kini secara berkala.

Di samping itu, bagi memastikan segenap lapisan masyarakat bersedia untuk mendepani gelombang pendigitalan dalam memenuhi keperluan kerja masa hadapan, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia telah menggariskan strategi untuk mempercepat pencapaian Malaysia sebagai sebuah ekonomi maju dan berteknologi. Pelan pembangunan ini telah mengenal pasti enam teras strategik iaitu memacu transformasi digital di sektor awam; meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan; membina infrastruktur digital yang menyokong, membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten; mewujudkan masyarakat digital yang inklusif; dan membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika. Strategi tersebut akan menjadi landasan untuk meletakkan Malaysia di kedudukan yang strategik sebagai ekonomi berdaya saing di era baharu.

Kesimpulan

Struktur guna tenaga tidak mengalami perubahan yang ketara semasa tempoh pandemik. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kerja jarak jauh secara meluas termasuk amalan bekerja dari rumah dan kemajuan pendigitalan dijangka mengubah landskap guna tenaga dan pekerjaan pada masa hadapan. Justeru, majikan perlu terus melatih pekerja mereka manakala pekerja perlu terus meningkatkan kemahiran sendiri untuk memenuhi keperluan kemahiran masa hadapan. Dari segi penawaran, institusi tertuari perlu memberi lebih penekanan kepada program berkaitan digital

dan menerapkan pemikiran analitik dan kemahiran insani lain dalam kursus sedia ada yang bukan berkaitan dengan bidang IT yang dapat memberi nilai tambah kepada tenaga kerja setelah memasuki pasaran pekerjaan. Semua inisiatif sedia ada yang menyumbang ke arah pendigitalan juga perlu diteruskan untuk menyokong perniagaan mengguna pakai alat teknologi dalam operasi harian. Usaha tersebut seterusnya akan membolehkan pemain dalam pasaran buruh beralih secara progresif ke arah automasi dan pendigitalan demi memenuhi keperluan pekerjaan masa hadapan.

Merencanakan Semula Industri Pelancongan

Pelancongan dan aktiviti yang berkaitan terus terjejas teruk disebabkan oleh pandemik. United Nations World Tourism Organization melaporkan pendapatan eksport global daripada pelancongan berkurang sebanyak USD930 bilion pada 2020. Jumlah kerugian ini sangat ketara memandangkan industri pelancongan menyokong satu daripada 10 pekerjaan dan menjadi sumber pendapatan kepada berjuta penduduk di negara membangun dan maju. Menurut World Travel and Tourism Council, pandemik COVID-19 berkemungkinan menyebabkan industri pelancongan kerugian hampir USD22 bilion dan kehilangan hampir 50 juta pekerjaan di seluruh dunia. Persatuan Hotel Malaysia menyatakan kerugian industri perhotelan berjumlah RM6.5 bilion pada 2020. Kadar purata penginapan dan caj harian pada 2020 berkurang kepada 27.5% dan RM196.69 (2019: 64.5% dan RM223.48). Walaupun pemulihan industri pelancongan bergantung kepada pembukaan sempadan dan sekatan

perjalanan, namun pemulihan juga bergantung kepada penyelesaian inovatif untuk membantu industri mengatasi krisis.

Landskap Baharu Perniagaan Pascapandemik

Antara kesan terbesar COVID-19 adalah bagaimana pandemik telah mengubah cara perniagaan dijalankan. Pandemik ini telah memaksa firma untuk mengguna pakai model perniagaan baharu berasaskan digital. Pascapandemik, Finbarr Toesland (2021) menyatakan bahawa peruncit berteknologi dapat menggandakan pendapatan sekiranya mereka terlibat dengan aktiviti 'phygital'.³ Walau bagaimanapun, model baharu ini memerlukan inovasi, kreativiti, keupayaan dan kesanggupan perniagaan untuk menerapkan perubahan tersebut dalam operasi perniagaan mereka. Perubahan ini akan menjadi cabaran dalam konteks Malaysia. Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) secara umumnya tidak bersedia beralih daripada norma perniagaan tradisional disebabkan oleh faktor seperti keperluan pelaburan dan aliran tunai yang tinggi.

RENCANA 1.5

Iktibar daripada Pandemik COVID-19

Pengenalan

Pandemik COVID-19 dan pelaksanaan pelbagai kaedah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara telah mengubah aktiviti harian orang ramai dan operasi perniagaan secara drastik. Rakyat bukan sahaja terjejas dari aspek keselamatan dan kesihatan malah dari segi ekonomi terutamanya akibat pengurangan pendapatan boleh guna dan peningkatan pengangguran. Industri dan perniagaan juga terkesan berikutan penutupan sempadan dan sekatan pergerakan serta aktiviti perniagaan yang telah mengehendak kapasiti pengeluaran dan hasil jualan. Walau bagaimanapun, tidak semua kesan pandemik bersifat negatif. Rencana ini menekankan beberapa iktibar daripada pandemik dari perspektif ekonomi dan kesan positif terhadap alam sekitar serta beberapa cadangan untuk negara melangkah ke hadapan.

³ Fizikal dan digital dihubungkan pada masa yang sama tanpa perlu hadir di premis peruncitan.

Isu Berbangkit berikutan Pandemik COVID-19

Pandemik ini telah menyingkap beberapa isu dalam kalangan individu dan industri. Krisis ini juga telah mendedahkan kesan kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing, penggunaan teknologi yang rendah dalam sektor pembinaan, kebergantungan tinggi terhadap ketibaan pelancong dan terimaan pelancongan serta simpanan yang rendah oleh individu. Di samping itu, pandemik ini mendedahkan kesan aktiviti manusia dan perniagaan terhadap pencemaran alam sekitar.

Kebergantungan Tinggi Terhadap Pekerja Asing

Sebelum pandemik COVID-19, pelbagai kebimbangan telah diketengahkan mengenai kebergantungan negara yang tinggi terhadap pekerja asing tidak mahir dan berkemahiran rendah. Secara umum, rakyat Malaysia tidak berminat bekerja dalam pekerjaan 3D (kotor, bahaya dan sukar) yang mengakibatkan sektor tertentu dimonopoli oleh pekerja asing. Kebanyakan pekerja asing bekerja dalam sektor berintensif buruh seperti sektor pembuatan, pembinaan, perladangan, pertanian dan pembantu domestik (Bank Dunia, 2019). Pelaksanaan PKP, penutupan sementara dan sekatan ke atas kebanyakan aktiviti ekonomi telah menyebabkan pengurangan pekerja di lapangan serta jumlah pemberhentian pekerja yang tinggi terutamanya dalam kalangan pekerja asing. Inisiatif Kerajaan untuk menghantar pulang pekerja asing ke negara asal dan memperketat polisi kemasukan warga asing semasa pandemik turut menyumbang kepada kekurangan pekerja terutamanya dalam sektor pertanian dan pembinaan. Akibatnya berlaku penguncupan ketara dalam pertumbuhan KDNK dan produktiviti buruh pada 2020 seperti dalam Jadual 1.5.1.

JADUAL 1.5.1. Keluaran Dalam Negeri Kasar dan Produktiviti Buruh mengikut Sektor (% perubahan)

SEKTOR	KDNK		PRODUKTIVITI BURUH	
	2019	2020	2019	2020
Pertanian	2.0	-2.2	0.3	-1.8
Perlombongan	-0.6	-10.6	-0.2	-8.5
Pembuatan	3.8	-2.6	1.7	-2.6
Pembinaan	0.4	-19.4	3.6	-15.7
Perkhidmatan	6.2	-5.5	2.9	-6.0
KDNK/Jumlah Produktiviti	4.4	-5.6	2.3	-5.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melaporkan bahawa nilai projek pembinaan yang diberi telah merosot sebanyak 22.6% kepada RM86.7 bilion bagi 2020 berbanding RM112 bilion pada tahun sebelumnya menyebabkan sektor pembinaan menguncup sebanyak 19.4% pada 2020. Seiring dengan itu, produktiviti buruh dalam sektor tersebut telah berkurang sebanyak 15.7% pada 2020. Produktiviti buruh dalam sektor pertanian pula merosot sebanyak 1.8% pada 2020 dengan pertumbuhan menyusut sebanyak 2.2%. Persekutuan Majikan-majikan Malaysia menyatakan bahawa industri perladangan melaporkan kekurangan 40,000 pekerja dengan kerugian sebanyak RM10 bilion dalam tempoh yang sama walaupun harga minyak sawit meningkat sebanyak 26% pada 2020.

Penggunaan Teknologi yang Rendah dalam Sektor Pembinaan

Operasi dan model perniagaan pembinaan di Malaysia adalah berintensif buruh. Penggunaan teknologi dalam sektor pembinaan jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sektor lain seperti pembuatan dan pertanian (Rusuli, M.S.C. et al., 2021). Jabatan Perangkaan Malaysia (2021)

menyatakan bahawa sektor pembinaan merekodkan penggunaan teknologi digital terendah dari segi analitik data (2.8%) diikuti oleh kolaborasi secara platform dalam talian (5.4%) dan perisian pengurusan (29.1%).

JADUAL 1.5.2. Penggunaan Teknologi Digital mengikut Sektor, 2019 (%)

SEKTOR	ANALITIK DATA	PERISIAN PENGURUSAN	KOLABORASI PLATFORM DALAM TALIAN
Pertanian	9.0	39.5	13.6
Perlombongan	3.4	40.5	34.8
Pembinaan	2.8	29.1	5.4
Pembuatan	4.3	48.4	8.6
Perkhidmatan	6.8	42.7	12.3


Nota: Data tersebut berdasarkan pada perusahaan berdaftar yang terlibat dalam sektor pertanian, perlombongan, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Keseluruhan liputan tinjauan terdiri daripada 1,081 industri mengikut 5 digit Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Versi 1.0.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kebergantungan Tinggi kepada Industri Pelancongan


Industri pelancongan merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi. Pada 2019, industri pelancongan terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh dengan menyumbang 15.9% kepada KDNK atau RM240.2 bilion (DOSM, 2020). Malaysia menduduki tempat ke-14 di dunia bagi ketibaan pelancong dan kedudukan ke-23 bagi terimaan pelancongan (UNWTO, 2019). Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah memberi kesan buruk kepada industri pelancongan terutamanya disebabkan oleh sekatan pergerakan di seluruh dunia, pengelakan risiko perjalanan dan penutupan sempadan. Ketibaan pelancong yang menyusut di luar jangkaan sebanyak 83.4% kepada 4.3 juta serta terimaan pelancongan yang merosot 85.3% kepada RM12.7 bilion pada 2020 telah memberi kesan buruk kepada industri berkaitan pelancongan. Oleh itu, sumbangan nilai ditambah kasar industri pelancongan kepada KDNK menguncup sebanyak RM199.4 bilion atau 14.1% pada 2020 (DOSM, 2021). Prospek yang suram terus berlanjutan pada 2021. Sehingga Jun 2021, ketibaan pelancong terus merosot sebanyak 98.8% kepada 50,613 pelancong (Januari – Jun 2020: -68.2%; 4.3 juta pelancong) manakala terimaan pelancong pula menguncup 99.4% kepada RM80.2 juta (Januari – Jun 2020: -69.8%; RM12.7 bilion) seperti dalam Rajah 1.5.1 dan Rajah 1.5.2.

RAJAH 1.5.1. Ketibaan Pelancong di Malaysia




Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

RAJAH 1.5.2. Terimaan Pelancong



Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

RAJAH 1.5.3. Nilai Tambah Kasar Industri Pelancongan (GVATI)



Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Simpanan yang Rendah oleh Individu

Simpanan individu sangat penting untuk kelangsungan hidup terutama dalam situasi krisis. Kaji selidik oleh DOSM pada Mac 2020 mendapati bahawa 71.4% individu yang bekerja sendiri hanya dapat bertahan selama satu bulan dengan hasil simpanan mereka manakala 77.2% majikan dan 82.7% pekerja di sektor swasta melaporkan bahawa simpanan mereka hanya mampu bertahan selama dua bulan. Sementara itu, 78.9% pekerja syarikat berkaitan kerajaan dan 75.2% pekerja syarikat multinasional melaporkan bahawa simpanan mereka hanya cukup untuk bertahan selama empat bulan. Statistik yang dilaporkan adalah data yang dikumpul pada awal pandemik. Oleh itu, situasi sekarang mungkin lebih teruk memandangkan pandemik dan pelaksanaan PKP telah dipanjangkan. Situasi ini menunjukkan pandemik ini telah memberi kesan yang besar kepada individu dan Kerajaan perlu memberi perlindungan sosial untuk mengurangkan impak.

Kualiti Alam Sekitar Sebelum dan Semasa COVID-19

Walaupun pelaksanaan pelbagai kaedah PKP bermula Mac 2020 telah memberi kesan negatif kepada ekonomi dan mendedahkan isu dalam beberapa industri, namun pandemik ini secara tidak langsung telah memberi kesan positif kepada alam sekitar. Berdasarkan data daripada Jabatan Alam Sekitar, kualiti alam sekitar sebelum COVID-19 jauh lebih rendah berbanding semasa pandemik. Analisis kualiti air sungai berdasarkan bahan pencemar utama menunjukkan bahawa jumlah lembangan sungai yang dianggap bersih telah meningkat secara mendadak pada 2020 (semasa pandemik) berbanding 2019. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.5.3, 28 lembangan sungai (19%) daripada 148 jumlah lembangan sungai yang dipantau pada 2020 dikategorikan bersih daripada ammonia nitrogen berbanding hanya 12 lembangan sungai (8%) pada 2019. Sementara itu, hanya 42 (28%) daripada lembangan sungai yang dianggap tercemar pada 2020 berbanding 58 lembangan sungai (39%) pada tahun sebelumnya.

JADUAL 1.5.3. Jumlah Lembangan Sungai Tercemar daripada 148 Pemerhatian

STATUS PENCEMARAN	AMMONIA NITROGEN (NH ₃ -N)		KEPERLUAN OKSIGEN BIOKIMIA (BOD ₅)		PEPEJAL TERAMPAI	
	bersih	Tercemar	Bersih	Tercemar	Bersih	Tercemar
2019	12	58	53	52	78	30
2020	28	42	83	15	110	20

Nota: Status pencemaran sungai dikategorikan kepada tiga iaitu bersih, separa-tercemar dan tercemar. Bagi kemudahan rujukan hanya lembangan sungai yang dikategorikan sebagai bersih dan tercemar ditunjukkan.
Sumber: Jabatan Alam Sekitar Malaysia

Analisis data mendapati bahawa selain daripada pengurangan bilangan lembangan sungai yang dicemari oleh ammonia nitrogen jumlah lembangan sungai yang dianggap bersih daripada keperluan oksigen biokimia dan pepejal terampai juga meningkat dengan ketara pada 2020. Sebaliknya, jumlah lembangan sungai yang tercemar dengan tiga bahan pencemar telah berkurang menandakan kualiti air yang lebih baik ketika pandemik. Keadaan ini disebabkan oleh sekatan operasi ke atas beberapa industri termasuk sektor pembuatan, pembinaan dan perladangan.

Selain itu, kualiti udara meningkat dengan ketara semasa pandemik. Data kualiti udara menunjukkan stesen kualiti udara di Selangor mencatatkan hanya tiga hari yang tidak sihat pada 2020 (dengan bacaan 101-200¹) berbanding 106 hari pada 2019 seperti dalam Jadual 1.5.4. Trend yang sama juga ditunjukkan di Wilayah Persekutuan iaitu hanya tujuh hari dicatatkan sebagai tidak sihat pada 2020 berbanding 71 hari sebelum pandemik pada 2019.

JADUAL 1.5.4. Jumlah Hari Tidak Sihat mengikut Stesen Kualiti Udara Terpilih, 2019 - 2020

STESEN	2019	2020
Kedah	12	0
• Alor Setar	1	-
• Kulim	5	-
• Langkawi	2	-
• Sungai Petani	4	-
Kelantan	4	0
• Kota Bharu	2	-
• Tanah Merah	2	-
Selangor	106	3
• Banting	19	-
• Kuala Selangor	13	-
• Klang	15	-
• Petaling Jaya	15	2
• Shah Alam	44	1
Terengganu	25	0
• Besut	1	-
• Kemaman	11	-
• Kuala Terengganu	6	-
• Paka	7	-
Wilayah Persekutuan	71	7
• Batu Muda, Kuala Lumpur	16	-
• Cheras, Kuala Lumpur	32	3
• Putrajaya	23	4

Sumber: Jabatan Alam Sekitar Malaysia

¹ Indeks Pencemaran Udara (IPU): Baik (0-50), Sederhana (51-100), Tidak Sihat (101-200), Sangat Tidak Sihat (201-300), Merbahaya (301-500), Kecemasan (500+).

Jadual 1.5.4 menunjukkan peningkatan kualiti udara bukan sahaja di Lembah Klang tetapi juga di seluruh negara seperti di Kedah, Kelantan dan Terengganu yang mencatatkan tiada hari yang tidak sihat pada 2020 berbanding 41 hari pada 2019. Penurunan jumlah lembangan sungai yang tercemar dan penurunan bilangan hari yang tidak sihat membuktikan bahawa kualiti alam sekitar telah meningkat dengan ketara semasa pandemik².

Cadangan Polisi

Pandemik ini menunjukkan keperluan mempunyai dasar pasaran buruh yang dinamik bagi menyelesaikan isu ketidakseimbangan pada peringkat industri. Pekerja yang telah diberhentikan daripada industri yang terjejas seperti hospitaliti dan runcit perlu dipindahkan kepada industri yang mengalami peningkatan permintaan buruh. Dalam jangka masa pendek, industri penting seperti kesihatan, pertanian dan pembuatan berasaskan makanan dijangka mengalami kekurangan pekerja akibat peningkatan permintaan. Pada masa yang sama, bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing, industri perlu beralih kepada teknologi tinggi dan tenaga buruh berkemahiran tinggi. Sektor yang terkesan perlu melabur dalam inisiatif peningkatan kemahiran dan latihan semula untuk meningkatkan produktiviti pekerja dan prestasi sektor berikutan kemahiran dan kepakaran diperlukan bagi penggunaan dan aplikasi teknologi.

Sebagai antara sektor yang paling terjejas akibat COVID-19, industri pembinaan boleh mengambil iktibar daripada pandemik dengan meningkatkan penggunaan Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) yang dapat melonjakkan produktiviti. Teknologi IBS menggunakan automasi, mekanisasi dan komponen pasang siap yang membolehkan industri mengambil pekerja mahir seterusnya meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Penggunaan teknologi ini menyumbang kepada tempoh penyelesaian yang lebih cepat, produktiviti yang lebih tinggi, kurang pembaziran dan kemalangan serta kos keseluruhan pembinaan yang lebih rendah bagi industri ini. Kerajaan telah menekankan kepentingan penggunaan teknologi dalam meningkatkan prestasi projek dan produktiviti. Pelbagai usaha juga telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan CIDB untuk menerapkan penggunaan teknologi dalam kalangan industri.

Berikutan impak COVID-19 terhadap rakyat dan ekonomi, proses pengimbangan semula pertumbuhan ekonomi negara dengan kelestarian alam sekitar kekal satu proses yang rumit. Pandemik ini juga menekankan hubung kait positif antara sekatan pergerakan manusia dan aktiviti perniagaan yang terhad dengan peningkatan kualiti alam sekitar. Sehubungan itu, adalah penting untuk industri dan perniagaan mematuhi semua langkah kawalan pencemaran yang diperkenalkan dan dilaksanakan oleh pihak berkuasa. Negara bersedia menuju ke arah mencapai kualiti alam sekitar yang lebih baik melalui penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan untuk menangani isu dalam pelbagai industri seperti pembinaan, perladangan, pembuatan dan pelancongan.

Pandemik COVID-19 telah menunjukkan keperluan untuk menambah baik sistem perlindungan sosial sedia ada berikutan isu simpanan individu yang rendah. Kebanyakan individu terutamanya golongan yang bekerja sendiri dan bekerja dalam sektor informal tidak mencarum dalam sebarang program perlindungan sosial. Sehubungan itu, kecelikan mengenai kepentingan ilmu kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia perlu dipertingkatkan bagi menggalakkan amalan pengurusan kewangan yang baik.

² Walaupun kualiti udara pada 2019 terkesan akibat jerebu sepanjang bulan September, namun trend masih menunjukkan kualiti udara untuk bulan lain pada 2020 lebih baik daripada 2019.

Kesimpulan

Peningkatan ketara kualiti alam sekitar akibat pengurangan pergerakan manusia dan aktiviti perniagaan yang perlahan merupakan antara iktibar utama yang diperolehi daripada pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP. Semua pihak berkepentingan perlu mengutamakan agenda ekonomi rendah karbon untuk mengekalkan momentum ini. Analisis ini juga mengesyorkan individu, perniagaan dan industri perlu mengguna pakai teknologi digital serta menerapkan kemahiran teknikal yang diperlukan untuk lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Asas Hasil yang Mengecil

Kerajaan berjaya mengurangkan defisit fiskal daripada 6.7% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2009 kepada 3.4% pada 2019. Dana yang besar telah diperuntukkan oleh Kerajaan melalui pelbagai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi untuk mengurangkan beban rakyat dan perniagaan berikutan pandemik yang telah menyebabkan peningkatan defisit kepada 6.2% pada 2020. Kerajaan bertekad melaksanakan langkah konsolidasi defisit secara berperingkat dalam jangka masa sederhana. Langkah ini perlu untuk mengoptimumkan hasil dan merasionalisasi perbelanjaan. Sistem percukaian yang adil dan efektif serta asas cukai yang lebih luas diperlukan untuk mengoptimumkan hasil manakala rasionalisasi perbelanjaan perlu melihat kepada keseluruhan struktur perbelanjaan Kerajaan.

Kemerosotan Daya Saing Negara

Laporan IMD World Competitiveness Yearbook (2021) menyatakan bahawa tahap daya saing global Malaysia meningkat dua kedudukan kepada tempat ke-25 pada 2021 berbanding tempat ke-27 pada 2020. Meskipun demikian, laporan ini juga menyatakan Malaysia mencatat penurunan ketara dalam kestabilan kadar

tukaran, prestasi pelaburan, pertumbuhan penduduk dan perbelanjaan berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta peningkatan risiko ketidakstabilan politik. Laporan Bank Dunia *Aiming High: Navigating the Next Stage of Malaysia's Development* menyatakan bahawa Malaysia dijangka beralih daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi dalam tempoh lima tahun walaupun mengalami kemelesetan ekonomi pada 2020. Namun, Bank Dunia juga menekankan bahawa pertumbuhan produktiviti perlu ditingkatkan untuk melonjak daya saing bagi membolehkan Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju.

Laporan Produktiviti 2021 oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menyatakan produktiviti buruh pada 2020 menguncup sebanyak 0.2% berbanding 2.1% pada 2019 berikutan kekurangan guna tenaga berkemahiran tinggi dalam ekonomi. Justeru, Malaysia perlu menangani beberapa isu berkaitan perbelanjaan R&D yang rendah, penurunan pengkomersialan dalam output R&D, kekurangan hak harta intelek (IPR) dan ketidakupayaan menarik FDI berkualiti tinggi. Walaupun isu tersebut merupakan keutamaan dalam pelbagai rancangan pembangunan jangka masa pendek, sederhana dan panjang, namun ia kekal sebagai cabaran yang belum dapat diselesaikan.

RENCANA 1.6

Pendekatan Baharu dalam Mengukur dan Meningkatkan Produktiviti Sektor Awam di Malaysia

Pengenalan

Malaysia berhasrat untuk menjadi negara yang makmur, inklusif dan mampan. Bagi mencapai matlamat ini, sektor awam perlu lebih tangkas dan bergerak seiring dengan sektor swasta. Tindakan ini menjadi lebih penting dalam tempoh yang sukar berikutan jentera kerajaan perlu lebih efektif dan cekap bagi memenuhi cabaran landskap ekonomi yang terkesan oleh impak pandemik COVID-19. Berdasarkan pernyataan ini, Kerajaan memberi penekanan terhadap transformasi sektor awam agar lebih berpaksikan rakyat, efisien dan produktif. Hasrat negara untuk mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) akan menjadi lebih sukar tanpa sektor awam yang dinamik, cekap dan produktif.


Kerajaan telah menjalankan kajian mengenai Pengukuran Produktiviti Sektor Perkhidmatan Awam pada 2020 yang melihat kepada empat sektor utama perkhidmatan awam secara menyeluruh. Memandangkan kajian berkenaan adalah berdasarkan kepada perspektif makro, terdapat keperluan untuk mengukur produktiviti sektor awam menggunakan pendekatan multidimensi. Berdasarkan Nota Dasar yang disediakan oleh Bank Dunia dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia, rencana ini mengkaji potensi impak bagi peningkatan produktiviti sektor awam terhadap ekonomi. Rencana ini juga menganggarkan tahap produktiviti dan kecekapan kementerian, jabatan dan agensi (KJA) serta mengenal pasti langkah dasar untuk meningkatkan pemantauan dan pengurusan produktiviti sektor awam.

Kepentingan Produktiviti Sektor Awam

Secara umumnya, produktiviti didefinisikan sebagai nisbah kuantiti output kepada kuantiti input yang mengukur kecekapan sumber (input seperti modal dan tenaga kerja) bagi menghasilkan barangan dan perkhidmatan (output). Produktiviti yang lebih tinggi akan meningkatkan kecekapan dalam penyampaian program, projek dan perkhidmatan kerajaan. Sektor awam merupakan komponen utama dalam kerangka institusi sesebuah negara yang memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi melalui dasar, peraturan dan penyampaian perkhidmatan.


Sektor awam yang lebih berkesan dapat mempengaruhi tahap aktiviti ekonomi dan pertumbuhan masa hadapan sesebuah negara. Menurut Worldwide Governance Indicator (WGI), negara dengan skor indikator Keberkesanan Kerajaan yang lebih tinggi cenderung mempunyai kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita lebih baik seperti dalam Rajah 1.6.1. Selain itu, World Development Report (WDR) pada 2004 dan 2017 yang menyentuh peranan sektor awam telah meletakkan penyampaian perkhidmatan, pembaharuan dan tadbir urus sektor awam sebagai elemen utama dalam proses pembangunan. Kenyataan ini disokong dengan bukti empirikal yang mengkaji hubungan antara kecekapan sektor awam dan pertumbuhan ekonomi dalam kalangan 38 negara (St. Aubyn, 2008).

RAJAH 1.6.1. Korelasi antara Keberkesanan Kerajaan dan Kadar Pertumbuhan KDNK Per Kapita



Sumber: Mason & Shetty (2019)

RAJAH 1.6.2. Prestasi Malaysia dalam Keberkesanan Kerajaan



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran Bank Dunia) dan Bank Dunia (2019)

Usaha Berterusan Malaysia dalam Pembaharuan Sektor Awam

Peningkatan produktiviti sektor awam telah menjadi sebahagian daripada perbincangan dasar sejak tiga dekad yang lalu di Malaysia dan sering dikaitkan dengan agenda pembaharuan ekonomi sejak kebelakangan ini. Tumpuan ke atas peningkatan produktiviti sektor awam di peringkat nasional telah bermula sejak Rancangan Malaysia Keenam, 1991 – 1995 (RMKe-6). Sejak itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mengaitkan prestasi sektor awam dan produktiviti. Pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan institusi juga dilaksanakan untuk meningkatkan sumbangan sektor awam terhadap produktiviti negara. Berdasarkan indikator Keberkesanan Kerajaan dalam WGI, prestasi Malaysia berada di atas negara rakan serantau namun di bawah negara OECD berpendapatan tinggi seperti dalam Rajah 1.6.2. Walau bagaimanapun, berdasarkan isu yang berlarutan seperti tahap keberkesanan kerajaan dan ketidakstabilan politik terus menjejaskan prestasi sektor awam (IMD World Competitiveness Yearbook, 2021).

Pelbagai usaha telah diambil setiap tahun dalam mengukur dan menambah baik produktiviti sektor awam. Kesukaran menterjemahkan penemuan produktiviti sektor awam kepada pelaksanaan dasar dan ketiadaan penilaian impak empirikal yang mendalam ke atas pembaharuan merupakan cabaran dalam menentukan sasaran yang tepat bagi penambahbaikan. Melihat kepada kepentingan produktiviti sektor awam bagi menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, terdapat keperluan untuk memahami secara terperinci dan memperkukuh pendekatan pengukuran produktiviti. Kaedah pengukuran produktiviti yang ditambah baik akan

membantu menjelaskan perbezaan produktiviti merentasi pelbagai organisasi sektor awam dengan menyediakan perincian yang diperlukan dalam merancang intervensi lebih bersasar dan yang kos efektif.

Bukti di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa peningkatan produktiviti didorong oleh inisiatif pembaharuan sektor awam seperti berikut:

- Penambahbaikan kapasiti pentadbiran sumber manusia dengan memastikan pentadbiran awam mempunyai pegawai yang mencukupi dan kompeten serta sumber dalam memenuhi tuntutan tugas;
- Pengambilan pegawai berasaskan merit dapat memastikan pentadbiran awam diterajui oleh pegawai yang berkelayakan dan kompeten serta mampu menyelesaikan tugas dengan berkesan, mencapai standard yang tinggi serta menghasilkan inovasi dan idea baharu;
- Penambahbaikan amalan pengurusan memberi kesan signifikan kepada produktiviti sektor awam memandangkan pengurus dapat membuat keputusan ke atas agihan sumber dan bagaimana untuk memberi insentif serta memotivasikan pegawai;
- Pelaksanaan penyelesaian teknologi digital dalam Kerajaan dapat membantu mengurangkan kos pengurusan melalui peningkatan aliran maklumat dan sistem pemantauan seterusnya mengurangkan ketirisan dana, jenayah rasuah dan prestasi yang tidak memuaskan. Sebagai contoh pelaksanaan sistem perolehan elektronik; dan
- Pemberian insentif kewangan dan bukan kewangan dapat meningkatkan motivasi pegawai untuk mencapai dan mengekalkan tahap produktiviti yang tinggi. Insentif kewangan seperti memberi ganjaran berdasarkan prestasi manakala insentif bukan kewangan seperti ganjaran berbentuk peluang memilih lokasi tempat kerja juga berkesan dalam meningkatkan produktiviti.

Menyedari kepentingan pengukuran produktiviti dalam sektor awam, beberapa negara telah mengambil kira elemen ini dalam strategi perancangan ekonomi dan fiskal. Sebagai contoh, Kementerian Kewangan di Austria, Estonia, Denmark dan Sweden telah melaksanakan usaha memperluas kerangka pengukuran yang merangkumi ratusan indikator prestasi sektor awam. Elemen ini diterapkan dalam inisiatif nasional untuk meningkatkan produktiviti keseluruhan dan menjana pertumbuhan ekonomi yang stabil.

Melangkah ke Hadapan: Pendekatan Multidimensi untuk Memahami dan Meningkatkan Produktiviti Sektor Awam di Malaysia

Cabaran utama yang dihadapi dalam usaha menganalisis dan meningkatkan produktiviti sektor awam ialah kesukaran mengukur input dan output menggunakan kaedah pengukuran khusus. Pengukuran input sektor awam dan menghubungkannya dengan output dan outcome tertentu merupakan satu cabaran. Kebanyakan perkhidmatan yang disediakan oleh sektor awam adalah kompleks dan dilaksanakan merentasi individu dan organisasi serta mempunyai selang waktu antara pelaburan input dan realisasi output. Output sektor awam juga sukar dinilai dalam bentuk monetari kerana pada amnya transaksi dalam perkhidmatan awam adalah bukan berasaskan pasaran. Dalam kebanyakan kes, perkhidmatan disediakan secara percuma atau sebahagian besarnya diberikan subsidi. Walaupun terdapat banyak pendekatan untuk mengukur produktiviti sektor awam, namun setiap pendekatan tersebut mempunyai kelemahan.

Pendekatan multidimensi yang mengkaji pelbagai aspek sektor awam dan prestasinya dapat memberikan gambaran lebih komprehensif mengenai faktor yang mendorong produktiviti dan kesan kepada ekonomi secara lebih meluas. Melalui langkah ini, Kerajaan mengambil pendekatan baharu dalam memahami secara terperinci penentu produktiviti sektor awam di Malaysia serta potensi impak terhadap penyampaian perkhidmatan, aktiviti ekonomi dan ruang fiskal. Pendekatan ini termasuk menentukan tahap kecekapan pelbagai KJA, mengenal pasti pemacu dan penghalang produktiviti serta merancang pembaharuan peningkatan produktiviti. Pendekatan multidimensi untuk memahami produktiviti sektor awam merangkumi tiga komponen teras seperti dalam Rajah 1.6.3:

- Memahami bagaimana penambahbaikan produktiviti sektor awam dapat memberi impak ekonomi dan fiskal dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang;
- Pemahaman KJA terhadap tahap kecekapan dan peluang menambah baik kecekapan bagi setiap organisasi sektor awam adalah penting; dan
- Memantau dan mengenal pasti pemacu produktiviti sektor awam bagi memperkukuh pengumpulan data dan proses pemantauan prestasi serta produktiviti.

RAJAH 1.6.3. Pendekatan Multidimensi untuk Memahami Produktiviti Sektor Awam Malaysia

Ekonomi dan Fiskal

Sejauh manakah peningkatan produktiviti sektor awam berpotensi memberi impak kepada ekonomi?

- Saluran dan potensi impak untuk penjimatan fiskal langsung, keberkesanan kos, aktiviti ekonomi, penggunaan swasta dan pertumbuhan (contoh: perkhidmatan kerajaan, peraturan dan hasil)
- Pembaharuan yang menghasilkan produktiviti yang tinggi (contoh: ICT dan pembangunan keupayaan)



KJA

Sejauh manakah keseluruhan sektor awam produktif dan efisien?

- Menggunakan prestasi belanjawan sebagai indikator tersedia dan boleh dibanding merentasi kementerian
- Prestasi kemajuan program/projek

Sejauh manakah tahap kecekapan pelbagai entiti sektor awam dapat ditentukan?

- Kementerian - kecekapan aktiviti teras berdasarkan perjanjian program/program prestasi belanjawan
- Agensi - kecekapan aktiviti/output teras dan kadar penyelesaian tugas
- Kepelbagaian produktiviti dalam KJA yang sama dan merentasi lokasi


Pemantauan dan Pemacu Produktiviti

- Apakah indikator yang diperlukan bagi memperkukuh pengawasan terhadap kecekapan/produktiviti untuk pengurusan fiskal yang berkesan?
- Apakah faktor yang mendorong peningkatan produktiviti dan implikasinya terhadap dasar?

Sumber: Bank Dunia


Perintegrasian pelbagai sumber data dalam kalangan KJA adalah penting bagi menilai produktiviti sektor awam melalui lensa yang holistik. Kaedah pengukuran tradisional secara makro yang dilengkapi dengan pengukuran mikro secara terperinci di peringkat organisasi dan setiap individu akan membolehkan pengesanan dan penandaarasan yang tepat mengenai prestasi KJA serta mengenal pasti pemacu utama produktiviti. Contoh analisis tersebut seperti dalam Rajah 1.6.4 dan Rajah 1.6.5. Pendekatan multidimensi dijangka dapat memperkukuh penggubalan dasar dalam meningkatkan produktiviti sektor awam termasuk mengenal pasti indikator yang diperlukan bagi pemantauan produktiviti yang lebih baik seterusnya menyumbang kepada pengurusan fiskal yang berkesan.

RAJAH 1.6.4. Prestasi Perbelanjaan Program Kementerian, 2019



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran Bank Dunia)

RAJAH 1.6.5. Bilangan Lesen yang Dirancang dan Sebenar oleh Kementerian, 2009 — 2015



Walaupun terdapat bukti kukuh yang menghubungkan produktiviti sektor awam dengan prestasi ekonomi dan fiskal, namun masih wujud ruang untuk lebih banyak kajian empirikal dilaksanakan di peringkat nasional. Terdapat banyak data berkaitan pentadbiran sektor awam, seperti prestasi perbelanjaan dan prestasi kemajuan projek, yang boleh digunakan bagi mengenal pasti perbezaan produktiviti di antara organisasi dan menentukan faktor pendorong produktiviti. Penilaian sedemikian membantu memantapkan kerangka konsep produktiviti sektor awam serta mengenal pasti bidang untuk analisis dan penilaian impak masa hadapan.

Dalam jangka masa sederhana, lebih banyak data yang berkualiti dapat dikumpulkan menerusi kaji selidik secara berkala ke atas pegawai kerajaan dan rakyat serta pengembangan data melalui integrasi antara agensi menggunakan instrumen teknologi digital. Data boleh digabungkan bersama penilaian ke atas pembaharuan rintis dalam sektor awam untuk menguji keberkesanan, faktor keberkesanan dan keadaan terbaik yang menyokong pembaharuan tersebut. Inisiatif tersebut perlu digabungkan dengan program pembangunan keupayaan untuk mengukuhkan kompetensi dalam analisis data dan memanfaatkan sepenuhnya persekitaran baharu yang kaya dengan data.

Kesimpulan

Sektor awam memainkan peranan signifikan dalam agenda ekonomi negara melalui perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pelbagai rancangan ekonomi dan pembangunan serta penyampaian perkhidmatan awam yang penting. Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan produktiviti sektor awam. Langkah lain yang perlu dipertimbangkan termasuk menghubungkan produktiviti sektor awam dengan strategi ekonomi dan fiskal melalui pendekatan multidimensi. Justeru, terdapat keperluan bagi sektor awam untuk meningkatkan produktiviti selari dengan aspirasi Malaysia ke arah negara makmur, inklusif dan mampan.

Ancaman Perubahan Iklim

Perubahan iklim mempunyai kesan kemusnahan yang besar kepada manusia. Pelbagai usaha sedang dilaksanakan di peringkat global bagi menangani impak perubahan iklim dan mempercepat peralihan ke arah aktiviti rendah karbon. Kebanyakan negara telah melaksanakan pelbagai dasar untuk menggalakkan perubahan ke arah amalan hijau dengan beralih daripada pengeluaran berintensiti karbon. Pada Julai 2021, Suruhanjaya Eropah telah mengumumkan hasrat menyokong pelan induk yang bertujuan mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 55% pada 2030 berbanding pelepasan pada 1990. Rancangan ini juga bertujuan untuk mengantarabangsakan dasar iklim Eropah bagi menempatkan firma supaya berada pada kedudukan yang setara dengan pesaing di negara yang mempunyai dasar karbon yang lemah. Sebagai contoh, Kesatuan Eropah (EU) akan melaksanakan Carbon Border Adjustment Mechanism (CBAM) mulai 2023 untuk mengenakan cukai karbon ke atas barangan import bagi mengimbangi kos kepada industri Eropah yang telah memindahkan pengeluaran industri ke negara yang tidak melaksanakan dasar cukai karbon. Langkah ini akan memberi kesan kepada daya saing produk Malaysia yang memasuki pasaran EU sekiranya produk tidak “hijau” sepenuhnya. Negara AS juga sedang mempertimbangkan inisiatif serupa iaitu “fi import pencemar” yang juga memberi implikasi yang hampir sama. Langkah tersebut akan memberi kesan lebih besar kepada eksport Malaysia memandangkan AS dan EU merupakan antara rakan dagang penting negara. Justeru, usaha perlu dipergiat untuk meningkatkan kesedaran pemain industri mengenai keperluan mengamalkan aktiviti rendah karbon dengan segera. Pada masa yang sama, terdapat keperluan untuk membangunkan dasar dan rangka kerja yang membolehkan peralihan lancar industri ke arah aktiviti rendah karbon.

Inisiatif Strategik - Bajet 2022

Bajet 2022 memberi tumpuan dalam memacu pemulihan ekonomi, membina semula daya ketahanan negara dan memangkin pembaharuan merentasi sektor awam dan swasta. Di samping itu, usaha akan dipergiat untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam bagi memenuhi keperluan pihak berkepentingan. Bajet ini juga penting kerana menjadi asas kepada pelaksanaan RMKe-12 dan WKB 2030.

Memacu Pemulihan Ekonomi

Usaha pemulihan negara pascapandemik memerlukan lebih tumpuan dalam memacu pertumbuhan ekonomi terutamanya industri pelancongan dan sektor berkaitan yang terjejas teruk. Perniagaan digalakkan untuk mempertingkatkan kelebihan daya saing dan meneroka bidang pertumbuhan baharu bagi membina daya tahan dalam mendepani masa hadapan yang sukar. Syarikat tempatan digalakkan untuk memanfaatkan kelebihan berbanding negara melalui ketersediaan infrastruktur, bakat dan sumber semula jadi. Dalam hal ini, produk dan perkhidmatan Islamik akan terus diperkukuh manakala industri pelancongan terutamanya ekopelancongan akan terus dipromosi. Selain itu, usaha akan dipergiat bagi membantu dan memperkasa segmen masyarakat yang mudah terjejas dan lemah, wanita, orang asli serta orang kelainan upaya. Justeru, pelbagai program akan diperkemas dan diselaraskan bagi memastikan mekanisme penyampaian yang berkesan.

Bajet 2022 juga akan memberi tumpuan kepada mewujudkan peluang pekerjaan baharu, memperkukuh modal insan dan mempersiapkan guna tenaga untuk bekerja dalam norma baharu. Sehubungan itu, pelaksanaan tindak balas segera akan

menangani pelbagai isu struktural pasaran buruh yang mempengaruhi ekonomi. Langkah ini termasuk memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan kemahiran dan latihan semula bagi menyediakan guna tenaga masa hadapan yang kental.

Membina Semula Daya Tahan Negara

Pandemik ini telah menentang pelbagai isu struktural yang perlu ditangani. Bajet 2022 akan memberi tumpuan kepada membina semula daya tahan negara yang dimulakan dengan sistem kesihatan awam negara. Oleh itu, inisiatif PICK sedia ada akan dipertingkatkan untuk memastikan keseluruhan penduduk divaksinasi. Kapasiti untuk pembangunan vaksin tempatan juga akan ditambah baik bagi mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan menghadapi sebarang pandemik pada masa hadapan. Usaha juga akan diambil untuk memperluas infrastruktur digital dan teknologi terutamanya dalam sektor perniagaan dan pendidikan serta di kawasan terpencil. Pelbagai program dan projek akan dilaksanakan bagi menyokong PMKS meningkatkan keberkesanan sumbangan kepada ekonomi.

Usaha transformasi digital dalam kalangan PMKS akan dipergiat dengan pembangunan infrastruktur 5G dan pelaksanaan program Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) merentasi semua sektor. Selain itu, PMKS digalakkan untuk memanfaatkan platform perniagaan dalam talian. Secara keseluruhan, Kerajaan akan membantu dan menyediakan sokongan yang diperlukan bagi peralihan kepada model perniagaan baharu. Pembelajaran sepanjang hayat akan dipergiat melalui inisiatif peningkatan kemahiran dan latihan semula bagi menambah baik pendidikan dan memperkukuh modal insan. Inisiatif ini sangat penting dalam melengkapkan guna tenaga

dengan kemahiran digital dan teknologi yang sesuai untuk kekal relevan pascapandemik. Di samping itu, usaha akan dipergiat untuk menggalakkan peningkatan produktiviti melalui kerja dalam talian serta meningkatkan peluang guna tenaga dalam mendapatkan pekerjaan yang sesuai dalam era digital.

Memangkin Pembaharuan

Bajet 2022 menggariskan langkah yang akan memangkin pembaharuan ekonomi dengan tumpuan kepada pencapaian SDG serta objektif dalam RMKe-12 dan WKB 2030. Kerajaan juga akan memberi fokus kepada peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta menekankan elemen ESG dalam perkhidmatan awam, badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan. Peranan perkhidmatan awam yang berfungsi sebagai jentera pentadbiran Kerajaan penting dalam memudahcara pemulihan negara daripada pandemik untuk menjadi negara makmur, inklusif dan mampan. Bagi mencapai wawasan tersebut, Kerajaan memperkenalkan konsep Keluarga Malaysia yang bertujuan merapatkan kerjasama dan kolaborasi antara semua pihak berkepentingan tanpa mengira perbezaan fahaman politik atau ideologi.

Sehubungan itu, Kerajaan telah memulakan libat urus secara lebih menyeluruh bagi memahami kehendak dan keperluan semua pihak berkepentingan. Susulan daripada maklum balas yang diterima, Kerajaan akan memberi tumpuan dalam digitalisasi proses kerja sektor awam bagi memenuhi aspirasi pihak berkepentingan. Usaha ini selari dengan Pelan Strategik Digitalisasi Sektor Awam, 2021 – 2025 yang menyediakan hala tuju dan garis panduan kepada pelbagai bidang perkhidmatan termasuk Kerajaan kepada Kerajaan (G2G), Kerajaan kepada Rakyat (G2C), Kerajaan kepada Perniagaan (G2B)

dan Kerajaan kepada Pekerja (G2E). Pelan ini menggariskan tonggak yang diperlukan untuk menambah baik inisiatif Digital Kerajaan sedia ada melalui peningkatan data, aplikasi, teknologi, keupayaan dan tadbir urus. Justeru, prosedur dan proses sedia ada akan dikaji semula untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam bagi memenuhi kehendak pihak berkepentingan.

RAJAH 2.2.3. Mekanisme Kendalian Krisis mengikut Tahap Pendigitalan



Nota: Angka tidak semestinya berjumlah 100% disebabkan pelbagai pilihan jawapan oleh responden
 Sumber: Global Supply Chain Survey, 2020

¹ Enabling Digitalisation Index (EDI) mengukur kemampuan dan tindak balas pantas negara untuk membantu syarikat digital berkembang dan perniagaan tradisional memanfaatkan pendigitalan. Indeks ini mengukur skor 115 negara berdasarkan lima komponen iaitu peraturan, pengetahuan, ketersambungan, infrastruktur dan saiz pasaran.

² Aktiviti tersebut adalah penggunaan perisian untuk memantau pengeluaran atau aktiviti lain, penggunaan perisian untuk memudahkan kolaborasi kerja, penggunaan pengkomputeran awan, kecerdasan buatan, penggunaan data raya dan media sosial untuk menggaji pekerja, e-dagang dan invois elektronik.


Peningkatan Penggunaan Perkhidmatan Digital di Malaysia

Internet menyediakan kebolehcapaian berterusan kepada pengguna bagi kolaborasi kerja, pendidikan, hiburan serta peralatan lain seperti platform pesanan dan penghantaran barang runcit dan makanan. Peningkatan dalam penggunaan perkhidmatan digital adalah seperti berikut:

Penggunaan Perkhidmatan e-Pembayaran

Peralihan pantas kepada kaedah pembayaran tanpa sentuhan dan dalam talian oleh pengguna telah menyebabkan perkhidmatan e-pembayaran diguna pakai secara meluas disokong oleh peningkatan pendigitalan. Bank Negara Malaysia (2021) melaporkan jumlah transaksi e-dompet meningkat sebanyak 131% pada 2020 (Rajah 2.2.4.). Pembayaran secara e-dompet lebih mudah dan selamat serta mengurangkan transaksi secara fizikal. Kaedah ini membolehkan transaksi kewangan tanpa sentuhan, cepat, selamat dan kos efektif antara perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan pengguna, pembekal dan Kerajaan.

RAJAH 2.2.4. Peningkatan Penggunaan Perkhidmatan e-Pembayaran di Malaysia, 2020




Sumber: Bank Negara Malaysia

Peningkatan Perniagaan Dalam Talian

Pandemik COVID-19 telah meningkatkan kepentingan aktiviti perniagaan melalui platform dalam talian kerana aktiviti tersebut telah menjadi norma baharu. Aktiviti penjualan runcit dalam talian terus berkembang di Malaysia didorong oleh penutupan kedai fizikal berikutan PKP dan amalan penjarakan sosial yang membataskan pergerakan pengguna. Jumlah jualan runcit dalam talian mencatat pertumbuhan positif pada April 2020 berbanding dengan jumlah jualan runcit yang berkurangan (Rajah 2.2.5.).

RAJAH 2.2.5. Pertumbuhan Jumlah Jualan Runcit dan Dalam Talian, 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perkhidmatan Platform Digital dan Pekerja Gig

Peningkatan penggunaan perkhidmatan platform digital telah mendorong lebih ramai generasi milenium menjadi pekerja gig dan pekerja bebas. Berikutan pelaksanaan kawalan pergerakan yang lebih ketat, permintaan untuk perkhidmatan digital seperti pembayaran mudah alih, perkhidmatan profesional dan penghantaran makanan telah meningkat. Menurut Laporan e-Conomy SEA 2020, perkhidmatan penghantaran makanan di Malaysia meningkat sebanyak 44% pada 2020 berikutan peralihan mendadak permintaan pengguna bagi perkhidmatan penghantaran makanan kerana lebih mudah dan selamat. Di samping itu, ekonomi gig telah menyediakan akses mudah untuk golongan orang kelainan upaya dan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) bagi menjana pendapatan.

Perkhidmatan Kerajaan Dalam Talian

Pendigitalan perkhidmatan Kerajaan membolehkan penyampaian perkhidmatan yang lebih pantas dan mengurangkan kehadiran secara fizikal di kaunter agensi kerajaan. Langkah kawalan pergerakan juga telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan kerajaan dalam talian seperti perkhidmatan e-Perolehan oleh Perbendaharaan Malaysia, e-Filing oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan e-Pembayaran oleh pelbagai agensi. Langkah ini membolehkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada individu dan perniagaan tidak terjejas.

Cabaran Transformasi Pendigitalan di Malaysia

Kekurangan infrastruktur internet terutama di kawasan pedalaman melahirkan golongan tidak celik digital. Penglibatan masyarakat dalam ekonomi digital pula akan menjadi terhad dan semakin ketinggalan tanpa capaian internet. Di samping itu, capaian internet yang tidak mampu milik terutamanya oleh golongan mudah terjejas seperti B40 dan pekerja yang diberhentikan turut menghalang penglibatan masyarakat dalam ekonomi digital. Walaupun pendigitalan boleh mewujudkan peluang pekerjaan yang inovatif dan produktif, namun peralihan ini juga boleh menyebabkan pengangguran dan penggantian pekerjaan terutamanya dalam kalangan pekerja berkemahiran rendah.

Isu risiko modal telah melambatkan tahap pendigitalan memandangkan kebanyakan PKS bergelut untuk mengekalkan operasi perniagaan berikutan kemerosotan pendapatan. Kaji selidik oleh Persatuan PKS Malaysia mendapati hanya 26% PKS tempatan memilih untuk beralih ke pendigitalan atau platform e-dagang sebagai strategi untuk kekal bertahan pasca pandemik COVID-19. Pandemik ini juga telah menunjukkan pentingnya kemahiran digital dan kaedah literasi digital baharu bagi semua kumpulan termasuk pekerja sektor awam ditingkatkan. Penggunaan teknologi digital secara meluas dalam ekonomi dan masyarakat turut meningkatkan ancaman jenayah siber. Sehubungan itu, perlindungan ruang siber daripada ancaman jenayah ini penting bagi mengelakkan gangguan operasi perniagaan dan perkhidmatan perlu seperti perkhidmatan kewangan, utiliti dan kesihatan.

Melangkah ke Hadapan

Pelan Transformasi Kerajaan

Inisiatif MyDIGITAL menggariskan rancangan untuk mempercepat pencapaian Malaysia sebagai negara ekonomi maju dari segi teknologi, melalui Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia. Inisiatif ini menggunakan pendekatan seluruh negara untuk memperhebatkan usaha untuk mendorong transformasi digital di seluruh negara dan memperkukuhkan kedudukan kompetitifnya di rantau ini. Langkah yang diambil termasuk mempercepat pelaksanaan pemboleh daya ekosistem, pendigitalan industri sedia ada dan pembangunan industri digital baharu sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi masa hadapan. Usaha ini akan memastikan kelancaran peralihan Malaysia ke arah 4IR seperti yang digariskan dalam Rajah 2.2.6.

RAJAH 2.2.6. *Mempercepatkan Transformasi Digital Malaysia*



Sumber: Bank Negara Malaysia, Unit Perancang Ekonomi dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia

Komitmen Kerajaan dalam Mempromosikan Transformasi Pendigitalan

Meningkatkan Keupayaan Individu dan Literasi Digital

Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PENJANA) telah memperkenalkan beberapa program peningkatan kemahiran dan latihan semula bagi membantu majikan, pekerja dan penyedia latihan mendapatkan pendedahan mengenai set kemahiran terkini seperti kecerdasan sosial dan etika, pengurusan pembelajaran serta analisis data. Pada masa yang sama, program lain seperti Go-eCommerce, MyDigitalMaker and Global Online Workforce (GLOW) telah meningkatkan penyertaan rakyat Malaysia dalam e-dagang dan dimanfaatkan oleh peserta untuk membuat keputusan berasaskan maklumat.

Meningkatkan Mekanisme Pembayaran Digital

Penyedia pembayaran digital akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan memberi tumpuan kepada masyarakat yang tidak celik teknologi dan kumpulan B40 yang masih bergantung pada transaksi tunai. Selain menyediakan kemudahan transaksi berautomasi, selamat dan boleh diaudit, mekanisme pembayaran secara digital yang telah ditambah baik mampu mempercepat transaksi jarak jauh dan tanpa sentuhan fizikal. Penyedia pembayaran digital juga menjadi pencetus kepada penubuhan bank digital. Oleh itu, perbankan alaf baharu ini akan memperkenalkan kaedah baharu penyampaian produk kewangan, memperkemas produk dan perkhidmatan perbankan serta memastikan perkhidmatan pembiayaan yang lebih mesra pelanggan.

Memperkuh Keselamatan Siber

Perubahan ketara ke arah transaksi digital dan pembayaran dalam masa sebenar berikutan pandemik telah mengakibatkan peningkatan mendadak dalam ancaman dan jenayah siber. Justeru, Kerajaan perlu memperkuh kemampuan negara untuk bertindak balas terhadap ancaman dan jenayah siber dengan menambah baik tadbir urus keselamatan siber. Sehubungan itu, semua pelan tindakan di bawah Strategi Keselamatan Siber Malaysia, 2020 – 2024 telah diselaraskan sejajar dengan inisiatif MyDigital bagi memastikan ruang siber yang selamat, dipercayai dan berdaya tahan.

Cadangan Dasar

Sebagai tambahan kepada komitmen berterusan Kerajaan untuk memacu transformasi pendigitalan di seluruh negara, langkah berikut disyorkan untuk dilaksanakan bagi mempercepat penggunaan pendigitalan dalam ekonomi:

Mendorong Integrasi melalui Ketersambungan Pendigitalan

Ketersambungan pendigitalan menyediakan hubungan yang diperlukan antara semua peranti, sistem dan aplikasi akan mempercepat integrasi industri, produk, teknologi dan persaingan. Sehubungan itu, ketersambungan 5G, analitik data raya dan penyimpanan awan akan menjadi pemacu perubahan bagi menyediakan ketersambungan yang lebih berkesan melalui akses internet berkualiti tinggi.

Menggalakkan Penggunaan Platform dan Perkhidmatan Dalam Talian yang Inovatif

Pelaksanaan sekatan pergerakan menyebabkan peniaga dan pengguna beralih ke platform dalam talian untuk urusan jual beli barangan dan perkhidmatan. Sehubungan itu, platform dan perkhidmatan dalam talian yang inovatif seperti *bricks and clicks*, *buy now, pay later* (BNPL),³ bilik pameran digital dan kedai maya telah wujud untuk menyediakan pengalaman digital bersepadu tanpa had, memenuhi citarasa serta jaringan sosial. Oleh yang demikian, lebih banyak program *outreach* dan latihan akan dilaksana untuk menggalakkan usahawan atau pedagang menggunakan platform dan perkhidmatan dalam talian yang menyediakan kaedah pemasaran yang inovatif.

³ BNPL merupakan kemudahan pembiayaan jangka pendek yang membolehkan pengguna membuat pembelian dan membayar kemudian atau secara ansuran. Sebahagian penyedia BNPL mengenakan faedah atau denda sekiranya pengguna lewat membuat pembayaran.

Menyokong Pemulihan Subsektor Berorientasikan Perkhidmatan Melalui Kaedah Digital

Penggunaan penyelesaian digital dalam subsektor berorientasikan perkhidmatan terutamanya industri perhotelan dan pelancongan membolehkan penyediaan produk pelancongan yang pelbagai, memenuhi kehendak pengguna dan selamat. Peranti mudah alih dan teknologi bersemuka dengan pelanggan secara layan diri menyediakan akses jarak jauh kepada perkhidmatan penyambut tetamu, kakitangan khidmat pelanggan dan *conciere* untuk berinteraksi tanpa kontak fizikal. Penggunaan dokumen yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan disokong oleh penyelesaian digital boleh dipertimbangkan bagi membenarkan perjalanan rentas sempadan dan aktiviti pelancongan.

Mengkaji Dasar dan Peraturan untuk Mewujudkan Persekitaran yang Kondusif dan Mesra Perniagaan

Kajian semula dasar dan peraturan semasa perlu dilakukan secara telus bagi memastikan dasar dan peraturan yang mesra perniagaan. Dalam hal ini, rundingan secara aktif dengan semua pihak berkepentingan perlu dilaksanakan. Pendekatan ini juga boleh diguna pakai semasa menggubal peraturan baharu atau meminda peraturan sedia ada agar isu utama yang dibangkitkan oleh pihak berkepentingan diberi perhatian sewajarnya.

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 yang melanda telah memberi hikmah kepada negara untuk mempercepat transformasi ke arah pendigitalan. Penggunaan teknologi digital seperti e-dagang, pembelajaran dalam talian dan bekerja secara jarak jauh telah mewujudkan peluang baharu kepada perniagaan untuk terus maju serta membolehkan rakyat meningkatkan kesejahteraan. Walaupun proses pendigitalan berlaku dengan pantas, namun cabaran seperti ketersediaan digital dan ancaman keselamatan siber kekal wujud. Justeru, penyelarasan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, MyDIGITAL, Dasar 4IR Negara lain-lain inisiatif Kerajaan dapat memacu proses pendigitalan, penggunaan teknologi dan amalan keselamatan siber yang cekap. Melangkah ke hadapan, Malaysia perlu mempercepat pendigitalan ekonomi secara menyeluruh demi meningkatkan daya tahan dan keterangkuman dalam norma baharu.

pelancongan termasuk penutupan sempadan kepada semua pelancong antarabangsa kecuali pengunjung inbound dalam perkhidmatan perlu, pelabur, ahli perniagaan dan pasangan jarak jauh. Justeru, ketibaan pelancong merosot sebanyak 98.8% kepada 50,613 orang sementara terimaan pelancong menyusut 99.4% kepada RM80.2 bilion. Subsektor ini dijangka merekodkan kenaikan secara marginal sebanyak 0.6% pada separuh kedua tahun ini susulan pembukaan semula aktiviti berkaitan pelancongan domestik selari dengan kebenaran rentas negeri pada suku keempat. Jangkaan pertumbuhan ini juga berikutan

pelaksanaan Pelan Pemulihan Pelancongan (TRP) didahului dengan program Gelembung Pelancongan Langkawi mulai 16 September 2021 untuk pelancong domestik yang telah melengkapkan dos vaksinasi. Di samping itu, jangkakan peningkatan pembelian makanan dalam talian akan turut membantu menyokong pertumbuhan subsektor ini pada tempoh yang sama.

Subsektor utiliti mencatat peningkatan sebanyak 3.6% pada separuh pertama 2021 dan dijangka bertambah baik sebanyak 6.6% pada separuh kedua. Subsektor ini dijangka

berkembang sebanyak 5.1% pada 2021 berikutan penggunaan elektrik yang lebih tinggi terutamanya oleh segmen perindustrian, perniagaan dan kediaman. Pertumbuhan ini sejajar dengan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara beransur-ansur yang membolehkan pekerja kembali bekerja. Di samping itu, inisiatif pemberian diskaun bil elektrik yang dilanjutkan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dapat membantu mengekalkan penggunaan elektrik. Penerima manfaat yang mendapat diskaun 10% termasuk pengendali hotel, agensi pengembaraan dan pelancongan, kompleks membeli-belah, pusat konvensyen, taman tema dan pejabat syarikat penerbangan tempatan. Pengguna domestik juga layak mendapat diskaun antara 5% – 40%.

Walaupun segmen kesihatan swasta mencatatkan pertumbuhan positif, namun subsektor perkhidmatan lain menguncup sebanyak 3.3% pada separuh pertama 2021 terutamanya disebabkan oleh kemerosotan dalam segmen pendidikan swasta serta seni, hiburan dan rekreasi. Pendaftaran kemasukan di kolej dan universiti swasta yang lebih rendah serta sekatan aktiviti sukan dan rekreasi semasa tempoh PKP pada Mei dan Jun telah menyumbang kepada kemerosotan ini. Subsektor ini dijangka meningkat secara marginal sebanyak 0.6% pada separuh kedua 2021 disokong oleh peningkatan pelancong kesihatan secara beransur-ansur dan pembukaan semula aktiviti sukan dan rekreasi. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka menguncup sebanyak 1.3% pada 2021. Subsektor perkhidmatan kerajaan meningkat 5.5% pada separuh pertama 2021 dan dijangka berkembang sebanyak 4.8% pada separuh kedua. Subsektor ini dijangka berkembang pada kadar 5.1% pada 2021.

Sektor Pembuatan


Pengukuhan segmen utama bagi mempercepat pertumbuhan

Sektor **pembuatan** kembali pulih dengan mencatat 15.8% pada separuh pertama 2021 disokong oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor. Momentum pertumbuhan

dijangka berterusan pada separuh kedua dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.5% terutamanya dipacu oleh industri berorientasikan eksport. Subsektor utama yang akan menyumbang kepada pertumbuhan industri tersebut adalah produk elektrik, elektronik dan optik serta produk petroleum, kimia, getah dan plastik.

Pada 2021, sektor ini dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.1% disokong oleh industri berorientasikan eksport dan domestik. Bagi industri berorientasikan eksport, segmen E&E diunjur bertambah baik berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap item semikonduktor sejajar dengan peningkatan jualan bagi pelbagai produk cip. Di samping itu, segmen getah dan tekstil diunjur berkembang berikutan permintaan tinggi bagi sarung tangan getah dan peralatan perlindungan diri (PPE) kesan daripada pandemik COVID-19 yang berpanjangan. Industri berorientasikan domestik khususnya segmen produk farmaseutikal asas dan kimia perubatan serta produk makanan juga dijangka meningkat selari dengan pengembangan ekonomi.

RAJAH 2.3. *Pengeluaran Sektor Pembuatan (% perubahan)*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 2.3. Indeks Pengeluaran Pembuatan, Januari - Ogos 2020 dan 2021 (2015 = 100)

	INDEKS		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021	2020	2021	2020	2021
Industri berorientasikan eksport	114.9	129.6	-3.2	12.8	68.8	70.3
Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan	110.2	93.8	0.8	-14.9	5.3	4.1
Pembuatan tekstil	95.5	110.6	-18.2	15.8	0.7	0.8
Pembuatan pakaian	106.7	109.4	-17.5	2.6	0.8	0.8
Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman	96.1	106.7	-17.6	11.1	1.8	1.8
Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis	99.3	112.6	-11.5	13.5	12.1	12.5
Pembuatan kimia dan produk kimia	107.2	117.3	-8.6	9.3	8.9	8.8
Pembuatan produk getah	171.1	245.4	40.1	43.4	5.0	6.4
Pembuatan produk plastik	110.5	126.7	-0.9	14.6	3.3	3.4
Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal	122.8	141.7	-1.2	15.3	22.3	23.3
Pembuatan kelengkapan elektrik	117.5	130.9	-1.3	11.4	3.4	3.4
Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.	126.7	139.2	0.2	9.8	3.6	3.5
Pembuatan perabot	113.4	114.5	-12.8	0.9	1.5	1.4
Industri berorientasikan domestik	106.5	112.1	-10.8	5.2	31.2	29.7
Pembuatan produk makanan	133.2	145.1	5.5	8.9	6.4	6.3
Pembuatan minuman	102.1	111.7	-18.4	9.4	0.9	0.9
Pembuatan produk tembakau	85.9	72.6	-26.1	-15.4	0.6	0.4
Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan	99.2	117.0	-22.7	18.0	0.2	0.2
Pembuatan kertas dan produk kertas	110.5	126.3	-6.9	14.4	1.7	1.7
Percetakan dan penerbitan semula media rakaman	106.2	111.2	-9.4	4.7	1.3	1.2
Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani	134.2	153.4	12.4	14.3	0.7	0.7
Pembuatan produk galian bukan logam lain	94.7	96.9	-20.3	2.4	3.7	3.4
Pembuatan logam asas	105.9	107.8	-9.0	1.8	3.3	3.0
Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan	96.1	102.1	-20.2	6.3	4.8	4.6
Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler	105.7	108.5	-8.9	2.7	4.4	4.1
Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain	89.8	92.6	-17.0	3.1	1.4	1.3
Pembuatan lain	97.1	100.4	-13.0	3.4	0.9	0.9
Membaiki dan pemasangan jentera dan kelengkapan	116.3	115.6	-11.4	-0.6	1.2	1.0
Indeks Pengeluaran Pembuatan	112.1	123.8	-5.7	10.4	100.0	100.0

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor Pertanian

Sokongan kukuh subsektor bukan komoditi

Sektor **pertanian** diunjur menguncup secara marginal sebanyak 0.8% pada 2021 terutamanya disebabkan oleh output minyak sawit mentah (CPO) dan getah yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, penurunan ini dijangka diimbangi oleh prestasi lebih baik dalam subsektor bukan komoditi. Dalam tempoh separuh pertama 2021, sektor ini merosot sebanyak 0.7% berikutan pengeluaran yang lebih rendah dalam semua subsektor kecuali ternakan dan pertanian lain. Kemosrotan subsektor berkaitan perladangan disebabkan oleh kekurangan tenaga buruh asing berikutan langkah pembendungan pandemik COVID-19 termasuk penutupan sempadan dan sekatan pengambilan pekerja asing baharu. Penawaran tenaga buruh yang terhad dijangka berterusan pada separuh kedua tahun ini dan menyebabkan sektor ini merosot sebanyak 1%.

Sektor Perlombongan

Prestasi menyederhana dengan output gas asli lebih rendah

Sektor **perlombongan** kembali melonjak sebanyak 3.5% pada separuh pertama 2021 disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi dan peningkatan pengeluaran minyak mentah dan kondensat terutamanya pada suku kedua. Sektor ini diunjur menguncup secara marginal sebanyak 0.7% pada separuh kedua tahun ini disebabkan oleh pengeluaran gas asli yang lebih rendah. Pengurangan output ini juga sejajar dengan peningkatan ketidakpastian permintaan minyak dan gas global berikutan kebimbangan penularan pelbagai varian COVID-19. Secara keseluruhan, sektor perlombongan dijangka kembali pulih sebanyak 1.5% pada 2021.

JADUAL 2.4. Nilai Ditambah Sektor Pertanian, 2020 – 2022
(pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2021 ²	2020	2021 ²	2022 ³
Kelapa sawit	34.4	-3.6	-8.0	4.2
Getah	2.5	-18.6	-1.0	2.9
Ternakan	17.1	3.5	5.1	5.6
Pertanian lain ¹	29.6	5.1	5.3	5.5
Perikanan	11.3	-7.9	-0.2	0.5
Perhutanan dan pembersihan	5.1	-18.8	-2.7	-4.0
Pertanian	100.0	-2.2	-0.8	3.9

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas

² Anggaran

³ Unjuran


Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor Pembinaan

Cabaran yang berterusan


Sektor **pembinaan** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.3% pada separuh pertama 2021 disokong oleh peningkatan dalam subsektor aktiviti pembinaan khas, bangunan bukan kediaman dan bangunan kediaman. Prestasi lebih baik ini turut disumbangkan oleh kesan asas lebih rendah susulan penurunan ketara dalam kerja pembinaan bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, subsektor kejuruteraan awam merosot disebabkan oleh penangguhan sementara projek infrastruktur susulan langkah pembendungan penularan COVID-19 yang ketat. Sementara itu, sektor ini dijangka menguncup sebanyak 8.4% pada separuh kedua 2021 disebabkan oleh kemosrotan dalam subsektor kejuruteraan awam, bangunan bukan kediaman dan bangunan kediaman meskipun aktiviti pembinaan kembali beroperasi. Penguncupan ini akan diimbangi oleh pemulihan dalam subsektor aktiviti pembinaan khas. Secara keseluruhan, sektor ini diunjur mencatat penyusutan lebih kecil sebanyak 0.8% pada 2021 berbanding kemosrotan ketara pada 2020.

RAJAH 2.4. Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

RAJAH 2.5. Indeks Harga Rumah (% perubahan)



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

RAJAH 2.6. Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Pasaran harta tanah negara bagi segmen kediaman dan bukan kediaman telah terjejas akibat pandemik COVID-19. Kesan ini dapat dilihat melalui penurunan unit penawaran akan datang bagi segmen kediaman. Selain itu, indeks harga rumah merekod penguncupan ketara pada suku kedua 2021. Pada masa yang sama, segmen bukan kediaman mencatat penurunan pada kadar penghunian bagi ruang niaga dan pejabat.

Permintaan Domestik

Permintaan domestik terus menyokong pertumbuhan

Permintaan domestik kekal berdaya tahan dan terus menerajui pertumbuhan meskipun berdepan dengan ketidaktentuan global dan penularan COVID-19. Setelah mencatat penguncupan sebanyak 5.8% pada 2020, permintaan domestik diunjur kembali pulih kepada 3.1% pada 2021 dengan perbelanjaan sektor swasta meningkat sebanyak 3.5% dan perbelanjaan sektor awam 1.6%. Pemulihan ini didorong oleh prestasi permintaan domestik yang memberangsangkan pada separuh pertama 2021 yang berkembang sebanyak 5% berikutan kesan asas rendah pada 2020 susulan langkah pembendungan ketat bagi mengawal pandemik COVID-19. Pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang berterusan seperti Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), PEMERKASA Tambahan (PEMERKASA+) dan PEMULIH, pembukaan semula sektor ekonomi secara beransur-ansur dan pemulihan permintaan luar dijangka meningkatkan sentimen pengguna dan perniagaan.

JADUAL 2.5. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat, 2020 – 2022 (pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2021 ²	2020	2021 ²	2022 ³
Permintaan domestik	93.4	-5.8	3.1	6.6
Perbelanjaan swasta	75.2	-6.0	3.5	6.4
Penggunaan	59.8	-4.3	4.1	7.3
Pelaburan	15.4	-11.9	1.4	2.6
Perbelanjaan awam	18.3	-4.7	1.6	7.3
Penggunaan	13.3	3.9	3.0	1.1
Pelaburan	5.0	-21.3	-1.9	24.1
Sektor luar¹	6.6	-13.0	4.8	6.8
Eksport	68.3	-8.9	15.0	4.2
Import	61.7	-8.4	16.2	3.9
KDNK	100.0	-5.6	3.0 – 4.0	5.5 – 6.5

¹ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Penggunaan swasta terus menjadi penentu pertumbuhan yang signifikan dan berkembang sebanyak 4.3% pada separuh pertama 2021 disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna berikutan pemulihan pasaran buruh secara beransur-ansur, kadar faedah yang akomodatif, harga komoditi yang menggalakkan serta pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang berterusan. Seterusnya, penggunaan swasta diunjur meningkat sebanyak 3.9% pada separuh kedua 2021 berikutan pembukaan semula sektor ekonomi secara berperingkat. Secara keseluruhannya, penggunaan swasta pada 2021 dijangka meningkat sebanyak 4.1% disokong oleh langkah bantuan dan rangsangan ekonomi yang berterusan terutamanya subsidi upah, BPR, moratorium bersasar, Bantuan Khas COVID-19 serta pengeluaran i-Sinar dan i-Citra. Sehingga 19 Ogos 2021, sebanyak RM20.2 bilion telah diluluskan untuk 4.9 juta pemohon i-Citra dan RM58.4 bilion telah dikeluarkan

untuk 6.6 juta pemohon i-Sinar. Sementara itu, sebanyak RM14.3 bilion telah disalurkan untuk program subsidi upah yang memanfaatkan lebih 3.3 juta pekerja setakat 24 September 2021.


Pelaburan swasta meningkat sebanyak 8.8% pada separuh pertama 2021 disokong oleh langkah berterusan Kerajaan bagi memastikan persekitaran kondusif untuk pelaburan sektor swasta dan kesan limpahan berikutan penyambungan semula projek infrastruktur strategik. Langkah tersebut merangkumi inisiatif MalaysiaMudah (#MyMudah) bertujuan untuk mengurangkan beban kawal selia yang tidak perlu. Di samping itu, Unit Penyelarasan dan Kemajuan Projek (PACU) dan Pusat Sehati untuk Pengunjung Perniagaan telah ditubuhkan bagi mempercepat kelulusan permohonan pelaburan dan memudahkan kemasukan pelabur ke Malaysia. Secara keseluruhannya, pelaburan swasta pada 2021 dijangka kembali pulih kepada 1.4% meskipun dijangka menguncup 6.5% pada separuh kedua 2021 berikutan pelaksanaan PPN secara berfasa.

Pelaburan awam dijangka menguncup 1.9% pada 2021 terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan modal yang lebih kecil oleh syarikat awam. Perbelanjaan pelaburan awam yang menyusut 6.9% pada separuh pertama 2021 dijangka meningkat sebanyak 1.4% pada separuh kedua 2021. Perbelanjaan pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan terus memberi keutamaan kepada pelaburan yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi dan nilai faedah terbaik. Peruntukan DE sebanyak RM57 bilion secara purata dalam tempoh 2020 – 2021 terus bertumpu terutamanya bagi menggalakkan pembangunan lestari, merapatkan jurang infrastruktur antara bandar dengan luar bandar dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Sasaran ini selaras dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) iaitu kerangka pertumbuhan masa depan yang akan menjadi asas bagi pembaharuan menyeluruh dasar pelaburan Malaysia.

Penggunaan awam dijangka berkembang sebanyak 3% pada 2021 seiring dengan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang terus meningkat. Pertumbuhan ini terutamanya disebabkan oleh perolehan perkhidmatan dan bekalan bagi mengekang penularan COVID-19 termasuk vaksin dan perkhidmatan logistik. Peningkatan perbelanjaan tersebut juga berikutan pelaksanaan pakej PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH bagi menyokong isi rumah dan perniagaan dalam tempoh pandemik.

Tabungan negara kasar (TNK) dijangka mencatat pertumbuhan 3.8% pada 2021 seiring dengan jangkakan peningkatan pendapatan negara nominal sebanyak 6.2%. Oleh itu, TNK dijangka kekal tinggi pada RM352.6 bilion atau 23.9% daripada pendapatan negara kasar (PNK). Sementara itu, jumlah

RAJAH 2.7. Jurang Tabungan-Pelaburan (% daripada PNK)



¹Anggaran

²Unjuran

³Termasuk perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia


perbelanjaan pelaburan diunjur meningkat sebanyak 5.9% kepada RM295.9 bilion atau 20.1% daripada PNK. Sehubungan itu, jurang tabungan-pelaburan dijangka mencatat lebih RM56.7 bilion atau 3.8% daripada PNK yang membolehkan Malaysia membiayai kegiatan ekonomi terutamanya daripada sumber domestik.

Pendapatan

Perkongsian keuntungan yang lebih seimbang kekal mencabar

Sekatan terhadap aktiviti sosioekonomi dan operasi perniagaan semasa pandemik COVID-19 telah menyebabkan peluang pekerjaan yang terhad dan pengurangan jam bekerja. Berikutan prestasi ekonomi yang lebih perlahan pada 2020, **pampasan pekerja (PP)** yang merangkumi saraan dalam bentuk tunai dan bukan berbentuk wang serta caruman sosial majikan yang perlu dibayar kepada pekerja berkurang sebanyak 3% kepada RM526.7 bilion. Walau bagaimanapun, bahagian PP kepada KDNK meningkat kepada 37.2% berikutan penguncupan PP yang lebih kecil berbanding penguncupan KDNK nominal. Jangkaan penerusan semula operasi perniagaan dan pencapaian vaksinasi secara menyeluruh menjelang akhir 2021

RAJAH 2.8. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan, 2019 – 2022



¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

akan menggalakkan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dan upah yang lebih tinggi. Justeru, PP dijangka meningkat kepada 37.3% pada 2021 dengan sektor perkhidmatan (63.3%) dan pembuatan (23.4%) terus menyumbang bahagian tertinggi kepada PP.

JADUAL 2.6. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan, 2019 – 2022 (pada harga semasa)

KOMPONEN	RM JUTA				PERUBAHAN (%)			
	2019	2020	2021 ¹	2022 ²	2019	2020	2021 ¹	2022 ²
Pampasan pekerja	542,790	526,718	564,346	610,779	4.8	-3.0	7.1	8.2
Lebihan kendalian kasar	914,615	851,080	912,029	975,636	3.7	-6.9	7.2	7.0
Lebihan kendalian	589,926	554,779	602,368	637,821	6.7	-6.0	8.6	5.9
Pendapatan campuran	324,689	296,301	309,661	337,815	-1.2	-8.7	4.5	9.1
Cukai tolak subsidi	55,752	38,807	38,249	51,385	16.4	-30.4	-1.4	34.3
KDNK pada harga pembeli	1,513,157	1,416,605	1,514,624	1,637,800	4.5	-6.4	6.9	8.1

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Lebih kendalian kasar (LKK) yang terdiri daripada lebih kendalian untuk pemilik modal dan pendapatan campuran berkurang sebanyak 6.9% dan merekodkan 60.1% bahagian daripada KDNK pada 2020. Walaupun pertumbuhan setiap subkomponen LKK merosot dalam tempoh tersebut, namun pendapatan campuran yang diperoleh golongan yang bekerja sendiri, perusahaan yang tidak berdaftar dan lain-lain merekodkan penguncupan lebih besar iaitu 8.7% memandangkan golongan ini telah terjejas teruk semasa pandemik. Sumbangan LKK daripada KDNK dijangka meningkat sedikit kepada 60.2% pada 2021. Namun demikian, pendapatan campuran bagi golongan yang bekerja sendiri dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 4.5% manakala lebih kendalian meningkat lebih tinggi iaitu 8.6% berikutan perniagaan masih berusaha untuk mengatasi cabaran yang disebabkan oleh pandemik.

Cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import mencatat penguncupan dua digit sebanyak 30.4% pada 2020 berikutan perbelanjaan yang besar untuk subsidi dan insentif terutamanya bagi program subsidi upah dan geran khas yang merupakan 66.8% daripada jumlah perbelanjaan subsidi. Pemberian subsidi tersebut adalah sebagai insentif dan bagi membantu perniagaan khususnya PMKS untuk mengekalkan pekerja dan terus beroperasi semasa pandemik COVID-19. Pada 2021, pendapatan daripada cukai ke atas pengeluaran dan import dijangka mencatat penguncupan lebih kecil sebanyak 1.5% (2020: -7.2%) berikutan pengoperasian semula lebih banyak aktiviti perniagaan dan sosial yang menyumbang kepada hasil lebih tinggi susulan pertambahan permintaan bagi barangan dan perkhidmatan. Sementara itu, perbelanjaan subsidi dijangka berkurang sebanyak 1.7%. Justeru, cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import secara keseluruhan dijangka merekodkan penguncupan lebih kecil iaitu 1.4%.

Sektor Luar Negeri

Pemulihan stabil berikutan normalisasi aktiviti ekonomi meskipun pertumbuhan global tidak sekata

Prestasi Perdagangan

Eksport kasar dijangka meningkat 17.1% pada 2021 didorong oleh permintaan luar yang kukuh berikutan pemulihan aktiviti ekonomi sejajar dengan pelaksanaan program vaksinasi global yang pantas terutamanya dalam kalangan negara maju. Eksport barangan pembuatan dianggarkan berkembang 17.8% berikutan permintaan yang lebih tinggi bagi produk E&E pada 12.8% dan bukan E&E pada 22%. Eksport E&E yang tinggi dipacu oleh peningkatan trend global dalam pendigitalan dan teknologi termasuk semikonduktor, kelengkapan peralatan telekomunikasi dan perkakasan mesin elektronik.

Eksport bagi produk bukan E&E khususnya produk getah dijangka meningkat pada 2021 berikutan permintaan global yang tinggi untuk PPE terutamanya sarung tangan getah. Pada masa yang sama, eksport barangan pertanian dianggarkan berkembang 18.7% didorong oleh minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit serta getah asli. Peningkatan permintaan dari Belanda, China dan India dijangka akan menyumbang kepada peningkatan eksport minyak sawit sebanyak 22.3%. Di samping itu, pelaksanaan duti import yang lebih rendah terhadap minyak sawit mentah oleh India dijangka dapat melonjakkan eksport minyak sawit. Eksport barangan perlombongan pula diunjur meningkat sebanyak 4.1% disokong oleh kenaikan permintaan global bagi petroleum mentah sebanyak 4.9% dan gas asli cecair (LNG) sebanyak 1.1%. Peningkatan permintaan daripada aktiviti perindustrian dan pengangkutan global serta kenaikan harga menyumbang kepada peningkatan eksport barangan perlombongan.

JADUAL 2.7. Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2022

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2020	2021 ¹	2022 ²	2020	2021 ¹	2022 ²
Jumlah dagangan	1,784,308	2,084,587	2,117,721	-3.3	16.8	1.6
Eksport kasar	983,827	1,152,140	1,169,422	-1.1	17.1	1.5
<i>antaranya:</i>						
Pembuatan	849,498	1,000,909	1,016,307	1.1	17.8	1.5
Pertanian	71,724	85,125	86,138	8.7	18.7	1.2
Perlombongan	58,414	60,834	61,659	-28.3	4.1	1.4
Import kasar	800,481	932,447	948,299	-5.8	16.5	1.7
<i>antaranya:</i>						
Barangan modal	90,733	99,932	102,382	-9.4	10.1	2.5
Barangan pengantara	429,190	510,686	516,752	-8.1	19.0	1.2
Barangan penggunaan	74,134	84,482	86,228	-0.03	14.0	2.1
Imbangan dagangan	183,345	219,693	221,123	25.9	19.8	0.7

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 2.8. Eksport Kasar, Januari – Ogos 2020 dan 2021

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021	2020	2021	2020	2021
Pembuatan	535,117	673,010	-3.4	25.8	85.9	86.5
Pertanian	44,007	58,131	-0.5	32.1	7.1	7.5
Perlombongan	41,234	44,354	-25.8	7.6	6.6	5.7
Lain-lain ¹	2,818	2,993	-43.0	6.2	0.5	0.4
Eksport kasar	623,176	778,488	-5.4	24.9	100.0	100.0

¹ Termasuk sisa dan bahan buangan emas; pakaian terpakai; dan urus niaga khas tidak disenarai

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

JADUAL 2.9. Eksport Barangan Pembuatan, Januari – Ogos 2020 dan 2021

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021	2020	2021	2020	2021
E&E	238,020	282,721	-3.9	18.8	44.5	42.0
Bukan E&E	297,097	390,289	-2.9	31.4	55.5	58.0
Produk petroleum	43,712	59,908	-7.1	37.1	8.2	8.9
Kimia dan produk kimia	32,759	44,701	-14.8	36.5	6.1	6.6
Barangan pembuatan logam	23,005	35,880	-17.9	56.0	4.3	5.3
Jentera, kelengkapan dan peralatan	25,366	31,054	-8.5	22.4	4.7	4.6
Barangan optik dan saintifik	26,577	29,651	8.1	11.6	5.0	4.4
Produk getah	24,014	50,573	43.1	110.6	4.5	7.5
Produk pembuatan berasaskan minyak sawit	13,854	19,966	-13.5	44.1	2.6	3.0
Barangan makanan diproses	13,764	15,505	-1.9	12.7	2.6	2.3
Produk besi dan keluli	15,713	17,348	8.6	10.4	2.9	2.6
Kelengkapan pengangkutan	13,049	10,091	11.2	-22.7	2.4	1.5
Tekstil, pakaian dan kasut	8,726	10,122	-16.1	16.0	1.6	1.5
Produk kayu	9,844	10,355	-2.5	5.2	1.8	1.5
Barangan pembuatan plastik	8,567	10,335	-13.5	20.6	1.6	1.5
Produk galian bukan logam	5,084	6,786	-9.7	33.5	1.0	1.0
Barang kemas	2,286	3,494	-51.5	52.8	0.4	0.5
Produk kertas dan pulpa	4,202	5,421	3.2	29.0	0.8	0.8
Minuman dan tembakau	1,629	1,574	-28.4	-3.3	0.3	0.2
Produk pembuatan lain	24,949	27,525	24.3	10.4	4.7	4.1
Eksport barangan pembuatan	535,117	673,010	-3.4	25.8	100.0	100.0

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

RAJAH 2.9. Rakan Dagang 10 Teratas, Januari – Ogos 2021 (% bahagian)



Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Import kasar dijangka berkembang sebanyak 16.5% pada 2021 disokong oleh import barangan pengantara, barangan modal dan barangan penggunaan susulan pemulihan sektor ekonomi terutamanya pembuatan dan perkhidmatan. Import barangan pengantara dengan sumbangan terbesar iaitu 54.8% dijangka meningkat sebanyak 19%, diikuti barangan modal sebanyak 10.1% dan

barangan penggunaan 14%. Barangan modal mewakili 10.7% daripada jumlah import kasar manakala barangan penggunaan 9.1%. Import barangan modal dijangka meningkat berikutan pengukuhan sistem penjagaan kesihatan bagi menangani pandemik yang sedang melanda melalui penggunaan mesin dan peralatan perubatan terkini untuk kegunaan perubatan, pembedahan dan makmal.

JADUAL 2.10. *Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir, Januari – Ogos 2020 dan 2021*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021	2020	2021	2020	2021
Barangan modal	60,272	66,733	-8.0	10.7	11.5	10.6
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	62,561	63,006	4.8	0.7	12.0	10.0
Kelengkapan pengangkutan (perindustrian)	-2,290	3,727	-139.4	-262.8	0.4	0.6
Barangan pengantara	282,841	347,628	-7.8	22.9	54.2	55.3
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	13,196	17,633	8.4	33.6	2.5	2.8
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	32,422	31,574	-17.5	-2.6	6.2	5.0
Bekalan perindustrian, utama, diproses dan t.d.t.l. ¹	129,772	175,769	-9.5	35.4	24.9	28.0
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	107,451	122,652	-4.0	14.1	20.6	19.5
Barangan penggunaan	47,857	54,341	-1.3	13.5	9.2	8.6
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	21,461	23,854	6.9	11.1	4.1	3.8
Kelengkapan pengangkutan (bukan perindustrian)	578	1,097	-16.1	89.7	0.1	0.2
Barangan pengguna lain	25,818	29,391	-6.9	13.8	4.9	4.7
Barangan tahan lama	5,813	7,905	-8.6	36.0	1.1	1.3
Barangan separa tahan lama	8,042	8,381	-9.4	4.2	1.5	1.3
Barangan tidak tahan lama	11,963	13,106	-4.2	9.6	2.3	2.1
Lain-lain	12,889	15,756	-48.0	22.3	2.5	2.5
Eksport semula	118,003	143,832	4.5	21.9	22.6	22.9
Import kasar	521,861	628,291	-6.6	20.4	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain
 Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran

Lebih akaun semasa **imbangan pembayaran** meningkat kepada RM26.7 bilion atau 3.7% daripada PNK pada separuh pertama 2021.

Peningkatan ini disebabkan oleh lebih akaun barangan yang lebih tinggi meskipun akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan mencatat defisit yang lebih besar. Pada separuh kedua 2021, lebih akaun semasa dianggap mengecil

kepada RM29.8 bilion atau 4% daripada PNK. Secara keseluruhan, lebih akaun semasa dijangka berkurang kepada RM56.7 bilion atau 3.8% daripada PNK pada 2021.

Akaun barangan dijangka mencatat lebih yang lebih tinggi pada 2021 sebanyak RM170.4 bilion disokong oleh peningkatan eksport barangan pembuatan, pertanian dan perlombongan. Akaun perkhidmatan dijangka mencatat aliran keluar yang lebih tinggi sebanyak RM61 bilion disebabkan peningkatan defisit yang berterusan bagi akaun perjalanan dan pengangkutan. Penutupan sempadan antarabangsa yang berlanjutan menyebabkan penurunan ketara ketibaan pelancong yang dijangka mengakibatkan peningkatan defisit sebanyak RM17.8 bilion dalam akaun perjalanan. Akaun pengangkutan juga dijangka merekodkan defisit lebih besar sebanyak RM32.4 bilion berikutan penyusutan pendapatan daripada tambang penumpang syarikat penerbangan dan caj fret serta caj lapangan terbang dan pelabuhan

untuk aktiviti seperti pendaratan dan parkir pesawat, dok kapal serta pengendalian kargo yang disediakan oleh syarikat tempatan. Defisit tersebut sebahagiannya disebabkan pelaksanaan pelbagai peringkat PKP dan SOP yang lebih ketat bagi mengekang penularan semula kes COVID-19. Sementara itu, akaun perkhidmatan lain dijangka mencatat defisit lebih kecil berjumlah RM10.8 bilion disumbangkan oleh peningkatan terimaan untuk pembinaan, perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal dimiliki pihak lain, caj penggunaan harta intelek serta barangan dan perkhidmatan kerajaan.

Akaun pendapatan primer dijangka mencatat defisit lebih tinggi sebanyak RM40 bilion pada 2021 susulan peningkatan defisit dalam pendapatan pelaburan berikutan bayaran pendapatan yang lebih tinggi terutamanya disebabkan oleh penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh pelabur asing di Malaysia. Pembayaran pendapatan pelaburan dijangka mencatat peningkatan sebanyak

JADUAL 2.11. *Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2020 – 2022*
(RM juta)

	2020			2021 ¹			2022 ²		
	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH
Imbangan barangan dan perkhidmatan	870,272	779,011	91,261	1,027,614	918,233	109,381	1,086,802	965,523	121,279
Barangan	777,665	638,955	138,709	940,764	770,373	170,391	970,451	791,524	178,927
Perkhidmatan	92,607	140,055	-47,448	86,849	147,860	-61,011	116,351	173,999	-57,648
Pengangkutan	13,658	41,010	-27,352	16,519	48,900	-32,381	25,301	57,256	-31,956
Perjalanan	12,558	20,209	-7,651	430	18,257	-17,827	16,050	30,543	-14,493
Perkhidmatan lain	66,391	78,836	-12,445	69,900	80,703	-10,803	75,001	86,200	-11,199
Pendapatan primer	53,921	82,505	-28,584	74,263	114,266	-40,003	80,714	135,084	-54,370
Pampasan pekerja	6,012	14,137	-8,125	6,746	14,236	-7,490	6,936	17,995	-11,059
Pendapatan pelaburan	47,909	68,368	-20,459	67,517	100,030	-32,513	73,778	117,089	-43,311
Pendapatan sekunder	27,130	29,800	-2,670	23,282	36,004	-12,722	25,675	37,006	-11,331
Imbangan akaun semasa	951,323	891,315	60,007	1,125,159	1,068,503	56,656	1,193,191	1,137,614	55,578
% daripada PNK			4.3			3.8			3.5

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

RM100 bilion. Sementara itu, pampasan pekerja dijangka mencatat defisit lebih rendah berikutan pengurangan bilangan profesional asing di Malaysia.

Pembayaran dalam akaun pendapatan sekunder pada 2021 dijangka meningkat kepada RM36 bilion berikutan kiriman wang keluar lebih tinggi oleh pekerja asing ke Bangladesh, Filipina, India, Indonesia dan Nepal. Terimaan dalam akaun pendapatan sekunder diunjur berkurang kepada RM23.3 bilion berikutan kiriman wang masuk oleh rakyat Malaysia di luar negara dijangka kekal rendah seterusnya meningkatkan defisit sebanyak RM12.7 bilion dalam akaun ini.

Pada separuh pertama 2021, akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM9 bilion disumbangkan oleh peningkatan ketara aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan langsung dan akaun pelaburan portfolio yang melebihi aliran keluar bersih dalam akaun derivatif kewangan dan akaun pelaburan lain. Walaupun PKP dilaksanakan untuk membendung pandemik COVID-19 telah

menjejaskan kebanyakan aktiviti ekonomi, namun pelaburan langsung asing (FDI) mencatat aliran masuk bersih lebih tinggi berjumlah RM17.4 bilion yang disalurkan terutamanya dalam sektor pembuatan dan perlombongan serta aktiviti kewangan dan insurans/takaful. Aliran keluar bersih pelaburan langsung ke luar negara oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM11.8 bilion. Aliran keluar disalurkan terutamanya dalam aktiviti sektor pengangkutan dan penyimpanan, penginapan dan perkhidmatan makanan serta hartanah.


Harga

Normalisasi inflasi

Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 2.3% pada lapan bulan pertama 2021 dan trend ini dijangka berterusan sepanjang tahun. Selain itu, indeks teras meningkat secara marginal 0.7% dalam tempoh yang sama menunjukkan permintaan dalam negeri yang berterusan serta pembukaan semula aktiviti ekonomi secara beransur-ansur. Perubahan daripada deflasi pada tahun sebelumnya disebabkan oleh harga pam RON97, RON95 dan diesel yang lebih tinggi berikutan peningkatan harga minyak mentah global walaupun caj elektrik lebih rendah susulan diskaun bil yang diberikan menerusi pakej rangsangan. Oleh itu, inflasi bagi keseluruhan tahun 2021 dijangka mencatat 2.4%.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) berdasarkan pengeluaran tempatan meningkat 8.2% pada lapan bulan pertama 2021 dan dijangka kekal stabil berikutan normalisasi kos input. Pertumbuhan tersebut disebabkan oleh peningkatan harga komoditi global terutamanya minyak mentah dan gas asli. Sementara itu, pertumbuhan IHPR mengikut sektor didorong oleh peningkatan signifikan dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (36.6%) diikuti oleh sektor perlombongan (30.2%), pembuatan (4.3%) dan bekalan air (0.7%). Walau bagaimanapun, indeks sektor bekalan elektrik dan gas menguncup 0.7% dalam tempoh tersebut.

RAJAH 2.10. Rizab Antarabangsa



Sumber: Bank Negara Malaysia

JADUAL 2.12. Indeks Harga Pengguna,
Januari - Ogos 2020 dan 2021
(2010 = 100)

	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHP (MATA PERATUSAN)	
		2020	2021	2020	2021
IHP	100.0	-1.0	2.3	-1.00	2.30
Makanan dan minuman bukan alkohol	29.5	1.2	1.4	0.35	0.41
Minuman alkohol dan tembakau	2.4	0.2	0.6	0.00	0.01
Pakaian dan kasut	3.2	-1.0	-0.4	-0.03	-0.01
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	-1.0	1.0	-0.24	0.24
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	0.3	1.3	0.01	0.05
Kesihatan	1.9	1.2	0.5	0.02	0.01
Pengangkutan	14.6	-10.0	11.0	-1.46	1.61
Komunikasi	4.8	1.6	0.0	0.08	0.00
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.8	0.7	0.5	0.03	0.02
Pendidikan	1.3	1.2	0.2	0.02	0.00
Restoran dan hotel	2.9	0.7	0.2	0.02	0.01
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.7	2.7	0.8	0.18	0.05


¹ Berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 2.13. Indeks Harga Pengeluar,
Januari - Ogos 2020 dan 2021
(2010 = 100)

	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHPR (MATA PERATUSAN)	
		2020	2021	2020	2021
IHPR	100.000	-2.4	8.2	-2.40	8.20
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6.730	12.5	36.6	0.84	2.46
Perlombongan	7.927	-32.7	30.2	-2.59	2.39
Pembuatan	81.571	-0.2	4.3	-0.16	3.51
Bekalan elektrik dan gas	3.442	-0.2	-0.7	-0.01	-0.02
Bekalan air	0.330	-0.6	0.7	0.00	0.00
IHPR mengikut peringkat pemprosesan	100.000	-2.4	8.2	-2.40	8.20
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	16.410	-12.4	29.3	-2.03	4.81
